


Jilid III
Bil. 1



Hari Selasa
26hb Mac, 1985

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Titah Ucapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
[Ruangan 21]

Mengangkat Sumpah (di Luar Dewan)—Y.B. Tuan Baharom bin Haji Bakar
(Padang Terap) dan Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 33]

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 34]

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 35]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 37]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 94]

USUL-USUL:

Jalan-jalan Masuk ke Parlimen [Ruangan 95]

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong [Ruangan 97]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).**
- .. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).**
- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).**
- .. Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).**
- .. Menteri Luar Negeri, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- .. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).**
- .. Menteri Pengangkutan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- .. Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).**
- .. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).**
- .. Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).**
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. ((Santubong).**
- .. Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun—Langkawi).**
- .. Menteri Pelajaran, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).**

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- .. Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- .. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- .. Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- .. Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.f.s. (Johor Bahru).
- .. Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- .. Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- .. Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- .. Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim—Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, Dr Abdul Hamid bin Pawanteh (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat,
TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN
HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos,
TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan
Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI,
A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan
Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN
MUSTAFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri
Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH
SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan
Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD
(Tumpat).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K.
(Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala
Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A.,
S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota
Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS
(Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N.
(Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P.
(Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).

- Yang Berhormat TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).

Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

- .. DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- .. DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- .. TUAN LING SIE MING (Sibu).
- .. TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- .. DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- .. DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- .. DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- .. TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- .. TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NG CHENG KUI (Lumut).
- .. DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- .. TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- .. TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).

- Yang Berhormat DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,
A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik
Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.
(Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Tertinggi: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 26hb Mac, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

TITAH UCAPAN D.Y.M.M. SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada pagi semalam 25hb Mac, 1985 Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan di-Raja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia itu dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas Meja Mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi Parlimen.

Assalaamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh,

Bismillaahir Rahmaanir Rahim, Alhamdu Lillaahi Rabbil Aalamin, Wassolaatu Wassalaamu Alaa Saiyidinaa Muhammadin Asyrafil Ambiyaa I Walmursaliin Wa Alaa Aalihii Wasahbihii Ajmaiin.

Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Sekalian.

Alhamdulillah, syukur Kita ke hadrat Allah Subhaanahu Wa Ta'ala, kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, dapat kita bersama-sama dengan saudara saudari sekalian di Dewan yang mulia ini bersempena dengan upacara perasmian Penggal Ketiga Parlimen Keenam Negara kita Malaysia tahun 1985.

Bersempena dengan upacara perasmian ini, Kita suka menyatakan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas ucapan tahniah dan ikrar taat setia yang telah disampaikan kepada Kita, sempena Istiadat Pertabalan Kita pada 15 November tahun lalu. Kita bersama-sama Raja Permaisuri Agong mengucapkan terima kasih atas ingatan mesra terhadap Kita berdua.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Parlimen adalah lambang kekuatan demokrasi negara kita. Selama lebih 25 tahun, sistem ini telah dapat memenuhi hasrat rakyat untuk mencapai kemajuan dalam semua bidang pembangunan.

Kerajaan Kita telah berusaha mengemaskan lagi badan-badan pentadbiran di samping mewujudkan badan baru seperti Mahkamah Agung demi untuk meningkatkan kemakmuran dan mewujudkan keadilan di kalangan rakyat berbilang keturunan, di samping mengamalkan sikap sederhana dalam segala hal, termasuk perkara-perkara politik, sosial, ekonomi, kebudayaan, keagamaan dan lain-lain lagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Dalam tahun 1985 ini, kadar pertumbuhan ekonomi negara dijangka lebih kurang 6%. Manakala dalam tahun 1984, pertumbuhan itu telah mencapai kadar lebih daripada 7%. Bagi tahun 1986 pula, kadar pertumbuhan ekonomi kita dianggarkan lebih rendah lagi. Tetapi kita harus bersyukur kerana ekonomi kita masih teguh lebih-lebih lagi jika dibandingkan dengan ekonomi negara-negara lain, termasuk negara-negara maju yang dijangka mencapai pertumbuhan pada kadar purata 3.4% sahaja bagi tahun ini. Walaupun begitu, semua pihak perlulah bekerja keras untuk meningkatkan lagi produktiviti negara, bagi menentukan kejayaan dalam perdagangan dan peningkatan taraf hidup.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Kita suka mengingatkan semua golongan pemimpin, khususnya Ahli-ahli Parlimen, akan peranan dan tanggungjawab terhadap negara, bangsa serta rakyat. Tanggungjawab ini memerlukan kebijaksanaan dan pertimbangan yang saksama. Ahli-ahli Yang Berhormat harus mengeneipkan sikap melampau dan keterlaluhan yang boleh menimbulkan suasana yang tidak stabil sehingga menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara.

Sesuai dengan kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara, Kerajaan kita sentiasa mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran. Dalam soal ini, Kita sedar bahawa ada pihak-pihak yang tersalah faham dan ada pula yang curiga terhadap langkah-langkah ini. Kita ingin menyeru pihak yang tersalah faham supaya menerima langkah-langkah ini dengan sangkaan yang baik. Kepada pihak-pihak yang curiga pula, Kita tegaskan bahawa langkah-langkah Kerajaan tidak akan menjejaskan hak asasi mereka. Kita semua sepatutnya bersama-sama dengan Kerajaan berusaha meningkatkan lagi penerapan nilai-nilai Islam dengan lebih berkesan lagi.

Di sini juga suka Kita menyatakan penghargaan dan mengucapkan tahniah Kita kepada anggota-anggota Perkhidmatan Awam yang telah berjaya melaksanakan dasar-dasar Kerajaan dengan cekap. Begitu juga dengan anggota-anggota Pasukan Keselamatan yang telah berkhidmat dengan penuh semangat keperwiraan dan berkorban untuk negara. Kita suka menegaskan bahawa Kerajaan akan sentiasa mengambil berat dan meningkatkan kebajikan mereka semua dari semasa ke semasa.

Kepada para belia dan para pelajar sekalian, suka Kita mengingatkan bahawa kemerdekaan, pembangunan dan kemajuan yang telah kita capai adalah hasil semangat cintakan negara. Oleh itu, semangat cintakan negara mestilah ditanamkan ke dalam jiwa setiap belia bakal pemimpin negara. Untuk mencapai tujuan ini, dasar pelajaran dan pendidikan mestilah mencapai matlamatnya. Pusat-pusat pengajian tinggi hendaklah kekal menjadi tempat pertumbuhan semangat kebangsaan yang

sihat dan membina, bukan dijadikan gelanggang pertentangan antara berbagai-bagai golongan. Kita mahu generasi muda yang terpelajar menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman supaya boleh menjadi tenaga penggerak kepada masyarakat.

Negara memerlukan generasi muda yang bersatu padu, berilmu pengetahuan, berdisiplin dan bermoral tinggi serta sanggup memberi sumbangan ke arah perpaduan dan pembangunan negara. Salah satu cara mencapai tujuan ini ialah melalui bidang sukan dan olahraga. Segala kemudahan akan terus disediakan dan diperbaiki, supaya dengan itu pencapaian mutu sukan dapat dipertingkatkan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, di samping membina ketahanan bagi menghadapi musuh-musuh utama negara iaitu dadah, komunis dan puak pelampau.

Dadah merupakan wabak yang boleh menghancurkan bangsa dan negara. Oleh itu, Kerajaan Kita sedang giat mengambil langkah-langkah memerangi dadah, sehingga satu strategi antarabangsa yang menyeluruh dapat digubal bersama untuk menghapuskan ancaman dadah dengan lebih berkesan lagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Keselamatan dan kedaulatan negara juga bergantung kepada pelaksanaan dasar luar negeri. Kerajaan Kita akan terus berusaha meningkatkan kerjasama dengan rakan-rakan dalam ASEAN dalam bidang ekonomi, sosial dan politik. Bersama dengan negara-negara ASEAN yang lain, Kerajaan Kita akan terus berusaha mencari penyelesaian politik yang menyeluruh mengenai soal Kampuchea dan memajukan konsep ZOPFAN. Kerajaan Kita akan terus memainkan peranan untuk meningkatkan kerjasama dan perpaduan di kalangan negara-negara Pertubuhan Persidangan Islam. Sokongan akan terus diberi kepada perjuangan rakyat Palestin dan juga kepada usaha-usaha Pertubuhan Persidangan Islam untuk menyelesaikan peperangan Iran/Iraq.

Kerajaan Kita juga akan terus bergiat dalam pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti Pergerakan Negara-negara Berkecuali, Komanwel dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Usaha-usaha akan diteruskan bagi mendapatkan sokongan antarabangsa dalam mencari penyelesaian kepada masalah Afghanistan dan soal Antartika. Kerajaan Kita akan terus menjalankan Rancangan Kerjasama Teknik dengan negara-negara ASEAN, Pasifik Selatan, Asia Selatan, Asia Barat dan Afrika.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Semenjak beberapa tahun kebelakangan ini, telah banyak kemajuan yang kita capai dengan pesatnya terutama sekali di kawasan bandar. Walaupun begitu, pembangunan negara tidak seharusnya tertumpu ke kawasan bandar atau kumpulan-kumpulan tertentu sahaja. Para nelayan, kaum tani, pekerja ladang dan orang-orang asli serta kumpulan-kumpulan yang kurang bernasib baik masih memerlukan perhatian khusus untuk diperbaiki taraf kehidupan mereka. Oleh itu, Kerajaan Kita akan melipatgandakan usaha pembangunan dengan lebih berkesan lagi.

Di antara strategi pembangunan yang akan diberikan keutamaan ialah pelaksanaan pembinaan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan asas. Di samping itu, Dasar Pertanian Negara akan dijadikan pedoman untuk meningkatkan produktiviti serta memperbaiki sosioekonomi di sektor pertanian. Kerajaan juga akan berusaha memberi tumpuan kepada perkembangan sektor perindustrian. Di

bawah Pelan Induk Perindustrian, peluang-peluang pelaburan baru untuk meningkatkan kegiatan sektor swasta dalam pembangunan negara akan dikenalpasti, termasuk rancangan pembuatan barangan berasaskan bahan-bahan utama. Untuk menarik para pelabur ke negara ini, langkah-langkah telah dan sedang diambil bagi meningkatkan kecekapan sistem perhubungan seperti perkhidmatan telekom, pelabuhan dan lapangan terbang. Di samping itu, industri pelancongan akan lebih diutamakan. Semua rancangan tersebut akan dilaksanakan oleh Kerajaan di bawah Dasar Ekonomi Baru.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Kita sedar bahawa kestabilan negara adalah berasaskan kepada perpaduan kaum. Walaupun kita tidak dapat melupakan asal usul kita, tetapi ini tidak sepatutnya menghalang perpaduan di kalangan rakyat. Oleh itu, langkah yang telah dijalankan oleh Kerajaan akan terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Mengenai integrasi kebangsaan pula, Kita rasa sukacita kerana adanya hubungan yang rapat antara semua Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan. Terdapat beberapa buah negeri yang masih ketinggalan dari segi pembangunan termasuk Negeri Sabah dan Sarawak. Kerajaan Kita akan meningkatkan usaha-usaha untuk membangunkan lagi kedua-dua buah negeri itu dengan lebih berkesan, di samping negeri-negeri lain yang juga memerlukan perhatian Kerajaan Persekutuan. Langkah-langkah ini akan dijelaskan dalam Rancangan Malaysia Kelima kelak.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Di bawah pimpinan Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Kita, Kita percaya negara akan dapat dibangunkan secepat mungkin sebagai sebuah negara yang maju dan bermaruah. Untuk mencapai harapan ini, penyertaan dan sokongan rakyat secara langsung di semua peringkat sangat-sangat diperlukan. Oleh itu, Kita menyeru rakyat supaya terus memberi sokongan kepada Kerajaan sebagaimana yang telah diberikan selama lebih suku abad kita Merdeka. Semoga Allah merestui dan mengkabulkan hasrat dan harapan ini.

Wabillahir Taufik Walhidaayah,
Wassalaamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.

The English translation is as follows:

**ADDRESS BY
HIS MAJESTY THE YANG DI-PERTUAN AGONG**

In the name of Allah, Most Beneficent, Most Merciful.

Praise be to Allah, Lord of the Universe, and may His Blessings and Peace be upon our Prophet Muhammad, his family and his companions.

Mr President, Mr Speaker, Members of the Dewan Negara and Members of the Dewan Rakyat.

I thank Allah, The Almighty, for His blessings in enabling me to be here with you in this august House for the Official Opening of the Third Session of the Sixth Parliament of our country Malaysia.

Opportune with this occasion, I wish to express my appreciation to the Honourable Members for the message of felicitations and pledge of loyalty to me, on my Installation on the fifteenth day of November last year. I and the Raja Permaisuri Agong wish to express our thanks for your kind thoughts.

Honourable Members,

Parliament is the symbol of the strength of democracy in our country. For more than 25 years, this system has fulfilled our aspirations for progress in all fields of development. My Government has strived to improve its various institutions and establish new ones such as the Supreme Court, to increase prosperity and to ensure justice among our multi-racial people. We need to exercise moderation in all matters, political, sosial, economic, cultural, religious and others.

Honourable Members,

In 1985, our economy is expected to grow at the rate of 6% compared to more than 7% in 1984. For 1986, the growth rate is expected to be even lower. However, we should be thankful that our economy is still strong compared with that of other countries, including the developed countries which expect an average growth rate of only 3.4% for 1985. We must, therefore, work hard to increase the national productivity, so as to ensure success in trade and improvement in our standard of living.

Honourable Members,

I would like to remind all leaders, particularly the Members of Parliament, of their roles and responsibilities towards the nation and the people. Wisdom and fair-mindedness are prerequisites for discharging these responsibilities. Honourable Members should avoid extremism which can cause instability. Such a situation will impede economic growth and development.

Consistent with the position of Islam as the official religion of the country, My Government is constantly taking effective measures to inculcate Islamic values in the administration. In this regard, I am aware that these measures have been misunderstood by a certain group of people and have created suspicion among other groups. I wish to call upon the first group to accept these measures in good faith. To the other, I would like to stress that the inculcation of Islamic values will not undermine their fundamental rights. All of us should work together with the Government in its efforts to intensify the inculcation of Islamic values.

I would like to express my appreciation and congratulation to the members of the Civil Service for having efficiently and successfully implemented the national policies. Simultaneously, I would like to express the same to the members of our Security Forces who have heroically served and sacrificed for the nation. I wish to stress that My Government will always look after their wellbeing, which will be further enhanced from time to time.

The younger generation must always remember that it was the spirit of nationalism and patriotism which brought about independence, development and progress to our country. The spirit of nationalism and patriotism must therefore be imbued in the hearts and minds of our youths, as potential leaders of the country. The education

policy must achieve this objective. Institutions of higher learning should continue to nurture a healthy and constructive spirit of nationalism. They should not be turned into an arena of conflict between various groups. I would like our educated younger generation to acquire knowledge and experience to become prime motivators in our society.

The nation needs a united, educated, disciplined and virtuous young generation who are willing to contribute towards unity and national development. One of the ways to achieve this goal is through sports. Various facilities will continue to be provided and upgraded to improve our performance in sports at the national and international level. It will also develop resilience amongst youths against the main enemies of the nation, namely dadah, communism and extremism.

Dadah is cancerous to the nation. My Government is taking active measures to fight dadah with the hope that a comprehensive international strategy would be formulated to effectively eradicate this threat.

Honourable Members,

The security and sovereignty of the nation also depends on the conduct of its foreign policy. My Government will continue to work towards increasing co-operation with our friends in ASEAN in the fields of economy, social and politic. Together with the other member countries of ASEAN, My Government will continue with our efforts in searching for a comprehensive political settlement to the Kampuchean question and in promoting the concept of ZOPFAN. My Government will continue to play a role in strengthening co-operation and solidarity amongst member countries of the Organisation of Islamic Conference. Support will continue to be given to the struggle of the people of Palestine and also to the efforts by the Organisation of Islamic Conference in settling the Iran-Iraq War.

My Government will continue to play an active role in international organisations like the Non-Aligned Movement, the Commonwealth and the United Nations. Efforts will continue in seeking international support for a solution to the problem of Afghanistan and on the question of Antarctica. My Government will continue to implement the Malaysian Technical Co-operation programme with the countries of ASEAN, the South Pacific, South Asia, West Asia and Africa.

Honourable Members,

In the last few years, we have achieved considerable progress especially in the urban areas. However, development should not be concentrated only in those areas or for certain groups of people. The fishermen, the farmers, the estate workers, the orang asli and the under-privileged still need special attention to help improve their livelihood. Therefore, My Government will intensify its efforts towards a more effective development.

One of the development strategies that will be given priority is the implementation of infrastructure and basic amenities. In addition, the National Agriculture Policy will serve as a foundation for increased productivity and socio-economic improvement in the agricultural sector. The Government will continue to give emphasis on industrial growth. Under the Industrial Master Plan, new investment

opportunities to stimulate private sector participation in national development will be identified, which includes manufacturing programmes based on primary commodities. To attract investors to our country, steps have and are being undertaken to increase the efficiency of the telecommunication system, ports and airports services. Special priority will also be given to tourism. All these development programmes will be implemented by the Government in the context of the New Economic Policy.

Honourable Members,

We realise that national stability depends on racial unity. We may not be able to forget our origin, but that should not prevent unity among us. The Government will continue to intensify its efforts to promote unity.

With regard to national integration. I am happy to note the close relationship between the State Governments and the Federal Government. There are several states, including Sabah and Sarawak, which still lag behind in development. My Government will intensify its efforts to develop these two states more effectively, along with the other states which are also in need of the Federal Government's attention. These efforts will be spelt out in the Fifth Malaysia Plan.

Honourable Members,

I am confident that under the leadership of Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad, My Prime Minister, Malaysia will develop rapidly as a nation, progressive and dignified. The direct participation and support of the people at all levels is crucial to realise our hopes and aspirations. I therefore call upon the people to continue their support for the Government, as they had given for more than twenty five years since independence. May Allah bestow His blessings on us and fulfil our hopes and aspirations.

MENGANGKAT SUMPAH (DI LUAR DEWAN)—YANG BERHORMAT TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR DAN MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 5 (3), saya dengan ini memberitahu Dewan iaitu Ahli Yang Berhormat Tuan Baharom bin Haji Bakar (Ahli bagi Padang Terap) telah mengangkat Sumpah di hadapan saya mengikut kehendak Jadual Keenam dalam Perlembagaan pada 11hb Mac, 1985 (*Tepuk*).

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan selamat datang kepada Ahli baru Yang Berhormat Tuan Baharom bin Haji Bakar yang telah mengangkat Sumpah di hadapan saya pada tarikh yang dinyatakan tadi dan berharap semoga beliau dapat memberi sumbangan yang berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha

Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujui Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan 1985;
2. Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1985;
3. Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1985;
4. Akta Peguambela (Sabah) (Pindaan) 1985;
5. Akta Peguambela (Sarawak) (Pindaan) 1985;
6. Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1985;
7. Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 1985;
8. Akta Kerja (Pindaan) 1985;
9. Akta Pejabat Pos (Pindaan) 1985;
10. Akta Perhutanan Negara 1985;
11. Akta Industri Berasas Kayu (Kekuasaan Badan Perundangan Negeri) 1985;
12. Akta Perbekalan Tambahan (1983 dan 1984) 1985;
13. Akta Kewangan 1985;
14. Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1985; dan
15. Akta Takaful 1985.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen yang lalu.

Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan
Perutusan]

“21hb Disember, 1984

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah mempersetujui Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan 1985;
2. Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif;
3. Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Peguambela (Sabah) (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Peguambela (Sarawak) (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Kerja (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan);
10. Rang Undang-undang Perhutanan Negara;
11. Rang Undang-undang Industri Berasas Kayu (Kekuasaan Badan Perundangan Negeri);
12. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1983 dan 1984);
13. Rang Undang-undang Kewangan;

14. Rang Undang-undang Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah); dan
15. Rang Undang-undang Takaful.

Yang ikhlas,

t. t.

YANG DI-PERTUA DEWAN
NEGARA.”

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PENGELUARAN MINYAK MALAYSIA

1. Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan Malaysia mungkin kehilangan \$900 juta akibat daripada pengurangan keluaran minyak sebanyak 40,000 tong sehari sebagai tanda perpaduan dengan OPEC; mengapakah Malaysia tidak bersedia menjadi ahli OPEC tetapi hanya menghadiri mesyuarat OPEC sebagai pemerhati sahaja. Apakah faedah yang boleh diperolehi dengan dasar ini di sebalik kehilangan pendapatan negara.

27-3-1985

5. Datuk Haji Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Perdana Menteri menyatakan bahawa Malaysia bukan ahli Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Minyak (OPEC) mengapa kita mengambil langkah seperti keputusan ahli-ahli OPEC yang mengurangkan pengeluaran minyaknya masing-masing, tambahan pula hasil minyak Malaysia masih rendah jika dibanding dengan hasil minyak negara-negara OPEC.

Adakah kita diseru supaya berbuat demikian oleh OPEC atau sekadar menunjukkan sokongan kepada usaha-usaha mereka.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat Datuk Haji Jamaluddin bin Haji Suhaimi pada 27-3-1985 kerana maksudnya sama.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah salah sebuah negara pengeluar minyak yang kecil jika dibandingkan dengan kebanyakan negara-negara OPEC. Pengeluaran Malaysia setakat ini ialah sebanyak 420,000 tong sehari berbanding jumlah pengeluaran OPEC sebanyak kira-kira 16 juta tong sehari. Malaysia menyokong tindakan OPEC untuk mengurangkan pengeluaran minyak dengan mengurangkan pengeluaran minyak kita sebanyak 40,000 tong sehari sebagai membantu OPEC dalam usahanya mengekalkan harga pasaran antarabangsa di tahap yang menguntungkan semua pengeluar minyak. Walaupun kesan jangka pendeknya akan menyebabkan Malaysia kekurangan hasil, tetapi kesan jangka panjang akan memberi faedah kepada Malaysia jika harga pasaran dunia kekal di tahap yang ada sekarang ini.

Pengeluaran minyak adalah sentiasa sensitif kepada keperluan ekonomi negara semasa. Sekiranya Malaysia menjadi ahli OPEC ia akan terpaksa patuh kepada semua keputusannya termasuk kawalan pengeluaran, walhal, sebagai pemerhati, Malaysia bebas menyokong mana-mana polisi yang akan memberi faedah kepada negara ini. Di samping itu, sebagai pemerhati, Malaysia dapat menghadiri persidangan-persidangan OPEC untuk mengetahui apa yang dilakukan oleh negara-negara pengeluar terbesar di

dunia dan memahami tindakan-tindakan mereka dengan lebih mendalam.

Jadi, Malaysia telah mengambil langkah untuk mengurangkan pengeluaran minyak sebanyak 40,000 tong sehari ialah untuk menyokong usaha negara-negara OPEC untuk mencapai objektif mengekalkan harga minyak mentah di pasaran antarabangsa di tahap yang menguntungkan negara-negara pengeluar minyak termasuklah Malaysia. Malaysia tidak diminta oleh OPEC dengan secara rasmi untuk mengurangkan kadar pengeluaran minyak. Tuan Yang di-Pertua, ingin juga saya jelaskan bahawa Malaysia bukanlah kehilangan atau rugi 40,000 tong sehari semata-mata. Sebenarnya minyak yang kita potong itu tetap ada pada kita, iaitu kekal dalam telaga-telaga minyak kita. Jadi, minyak ini sebenarnya menjadi minyak simpanan kita, sebanyak 40,000 tong sehari, sehingga kita gunakannya.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekiranya keesokan hari OPEC menambahkan pengeluaran itu bagaimana dasar Malaysia dan dengan ekonomi yang kian merosot adakah besar kemungkinan bahawa Kerajaan akan menambahkan pengeluaran.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan dalam jawapan saya tadi sebagai non-member, dengan izin, sebagai pemerhati sahaja kita bebas mengambil keputusan dan tidak tertakluk kepada keputusan-keputusan OPEC sungguhpun solidarity ataupun perpaduan kita dalam hal mempertahankan harga minyak yang sepatutnya sentiasa ada dengan OPEC. Jadi, mengenai jawapan ini andaian sahaja sekiranya boleh juga saya jawab, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya OPEC mengambil keputusan menambahkan lagi

pengeluarannya kita akan pertimbangkan dari segi kepentingan negara ini.

PERDAGANGAN DUA HALA DENGAN CHINA

2. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada terdapat rancangan untuk memperluaskan perdagangan secara langsung dengan Negara China, memandangkan pasaran yang luas di sana. Adakah beliau sedar bahawa negara-negara seperti Jepun telah melabur di negara China secara besar-besaran semenjak tahun-tahun '70an. Apakah halangan-halangan yang didugakan oleh beliau mengenai perdagangan tersebut. Bolehkah ianya diatasi.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi matlamat Kerajaan untuk memperluaskan hubungan perdagangan dua hala secara langsung dengan China dan untuk mencapai tujuan itu Kerajaan memang ada rancangan yang sedang dan akan terus dilaksanakan. Antaranya termasuklah kegiatan penghantaran rombongan perdagangan membeli dan menjual ke China pada setiap tahun. Kegiatan ini bertujuan untuk mewujudkan dan meningkatkan hubungan urusan secara langsung antara China dan Malaysia, iaitu selaras dengan usaha mengurangkan hubungan urusan melalui negara-negara ketiga.

Kerajaan memang sedar bahawa terdapat beberapa buah negara umpamanya Jepun, Amerika Syarikat, Singapura dan sebagainya telah melabur di China melalui projek-projek usahasama. Bagaimanapun, bagi Malaysia, penelitian serta pertimbangan yang mendalam di

dalam semua aspek perhubungan dengan China amat diperlukan untuk sama ada kita boleh mencontohi negara-negara berkenaan. Apa yang perlu ialah persefahaman dan kesungguhan di kedua-dua pihak untuk mengatasi sebarang masalah yang ada supaya hubungan dua hala dapat ditingkatkan yang membawa manfaat di kedua-dua belah pihak.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya Yang Berhormat Menteri berkenaan memandangkan kenyataan yang telah dibuat tadi bahawa Kerajaan Malaysia bercadang untuk memperluaskan perdagangan dua hala secara langsung dengan negara China, sama ada beliau sedar bahawa pada hari ini nampaknya ada banyak sekatan yang wujud sekarang yang menghalang peniaga-peniaga Malaysia untuk melawat negara China bagi tujuan untuk mempereratkan perhubungan perdagangan di antara negara Malaysia dengan negara China dan sekiranya beliau sedar tentang hal ini, suka saya mendapat tahu sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk mengambil kira sekatan-sekatan yang wujud sekarang dan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengatasi masalah ini.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, memang perkara ini disadari oleh Kerajaan sebagaimana yang dimaklum kepada rakyat umumnya bahawa hubungan kita dengan Republik Rakyat China adalah atas dasar Kerajaan dengan Kerajaan maka sudah tentulah ada masalah-masalah yang tidak dapat hendak melicinkan hubungan di antara rakyat dengan rakyat di negara China. Walau bagaimanapun, usaha sedang dijalankan. Oleh sebab itu, Kerajaan baru-baru ini memandang kepada perkembangan baru yang timbul di negara China telah pun menubuhkan satu Jawatankuasa

Antara Kementerian yang dipengerusikan oleh Kementerian Luar Negeri dan dianggotai oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bersama-sama dengan agensi-agensi pusat yang lain untuk mencari jalan bagaimana dapat kita melicinkan hubungan ini tanpa menjejaskan kepentingan dan keselamatan negara.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Mulia Menteri Perdagangan dan Perindustrian bagaimana kata tadi Kerajaan memang bercadang untuk meluaskan perniagaan dengan negara China sebagaimana yang disebutkan tadi tetapi bagaimanakah caranya bagi kita untuk private sector menjalankan perniagaan ini menerusi negara ketiga kerana sebagaimana kita tahu terdapat peniaga-peniaga negara kita ini telah menjalankan perniagaan menerusi negara ketiga seperti Hong Kong, Macau dan juga Taiwan.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, hubungan perdagangan dengan Republik Rakyat China ini telah dijalankan pada umumnya menerusi negara ketiga. Amalan ini tidak menguntungkan negara kita sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat dan lebih-lebih lagi kita telah pun menambah keupayaan kita dengan mengadakan berbagai-bagai kemudahan seperti infrastruktur-infrastruktur untuk menampung keperluan supaya dapat melicinkan hubungan dagang secara langsung.

Oleh sebab itu kita menggalakkan para pedagang mengadakan hubungan dagang secara terus dengan Republik Rakyat China dan inilah apa yang ditekankan oleh Kerajaan pada masa ini tetapi Kerajaan tidak dapatlah hendak menyekat sesiapa mengadakan hubungan dagang secara

yang diamalkan sekarang. Ini terpulanglah kepada mereka membuat keputusan sendiri—untung rugi, baik buruknya. Tetapi Kerajaan memanglah suka melihat supaya hubungan dagang dibuat secara terus dengan Republik Rakyat China dan juga dengan negara-negara lain untuk menjaga kepentingan kita.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Mulia menjamin bahawa syarikat-syarikat swasta yang layak dan mampu untuk urusanniaga secara terus diberi bantuan dan pertolongan untuk berbuat demikian dan bolehkah Yang Berhormat Mulia menjamin bahawa birokrasi yang menghalang urusanniaga ini akan diperbaiki.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, kita akan berusaha supaya dapat melicinkan hubungan dagangan di antara kita dengan Republik Rakyat China seperti yang saya nyatakan sekejap tadi. Tetapi oleh kerana hubungan kita dengan Republik Rakyat China ini unik oleh kerana hubungan itu berdasarkan kepada Kerajaan dengan Kerajaan maka perlulah diawasi segala hubungan ini dan lebih-lebih lagi kita berharap dapatlah kita membayangkan hasrat rakyat Malaysia hendak mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat sendiri. Oleh sebab itu kita perlu melihatkan apa juga hubungan dan penyertaan Malaysia dalam hubungan dagangan ini bersifat Malaysian, tidak lagi bersifat kaum yang selama ini mempunyai pertalian hubungan dengan negara Republik Rakyat China.

Kita akan cuba menguruskan segala hal ini supaya dapat menambah hubungan dagangan oti dan apa yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi akan saya beri

perhatian supaya apa yang dikatakan birokrasi, red tape dan sebagainya akan dapat dikurangkan.

PENDUDUKAN VIETNAM DI KAMPUCHEA

3. Tuan Ismail bin Sadi minta Menteri Luar Negeri menyatakan langkah-langkah serta usaha-usaha baru yang diambil oleh ASEAN bagi menghadapi bertambah buntunya usaha penyelesaian secara damai akibat dari pertempuran yang mungkin merebak di sempadan Thai-Kampuchea. Apakah hasil lawatan Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu ke Rantau ASEAN dan Vietnam baru-baru ini.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al Haj): Tuan Yang di-Pertua, seperti mana kita sedia maklum, masalah pendudukan Vietnam di Kampuchea ini telah memasuki tahun yang ke-7 tanpa mendapat apa-apa penyelesaian. Beberapa usaha diplomatik telah dijalankan tetapi setakat ini semuanya telah tidak menghasilkan sesuatu yang menggalakkan. ASEAN dan sebahagian besar masyarakat antarabangsa termasuk pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti Bangsa-bangsa Bersatu, OIC dan Commonwealth menentang dasar Vietnam mengenai Kampuchea dan telah menggesa Vietnam bekerja untuk mendapatkan penyelesaian politik yang menyeluruh.

Kita telah menekankan kepada pihak Vietnam bahawa satu penyelesaian politik yang menyeluruh di atas soal ini adalah untuk kepentingan jangka pendek dan jangka panjang pihak Vietnam sendiri juga. Bagi ASEAN kita akan terus menggesa Vietnam untuk tampil ke meja perundingan untuk menyelesaikan soal Kampuchea secara

politik dengan secepat mungkin tanpa memberi satu tarikh akhir yang tertentu.

Dalam usaha untuk mencari penyelesaian politik ini, ASEAN telah memainkan peranan penting bagi mengendalikan satu persidangan antarabangsa mengenai Kampuchea pada tahun 1981 anjuran Bangsa-bangsa Bersatu yang telah pun menggariskan asas-asas yang saksama yang berpatutan bagi menyelesaikan masalah tersebut. Malangnya Vietnam dan sahabat-sahabatnya dari blok socialist melainkan Yugoslavia dan China telah tidak hadir di persidangan tersebut dan seterusnya telah menolak prinsip-prinsip penyelesaian ke atas masalah Kampuchea yang terkandung di dalam deklarasi persidangan tersebut. Dalam pada itu pihak ASEAN sendiri telah meneruskan usaha-usahanya untuk mengadakan dialog dengan Vietnam. Misalnya tiap-tiap kali para Menteri Luar ASEAN berada di New York untuk menghadiri Perhimpunan Agong Bangsa-bangsa Bersatu, kami telah bertemu dan berbincang dengan Menteri Luar Vietnam Encik Nguyen Co Thach mengenai masalah Kampuchea tetapi semuanya ini telah tidak menghasilkan apa-apa yang positif kerana pihak Vietnam masih enggan bertolak ansur dan masih lagi bersungguh-sungguh hendak mencapai penyelesaian secara ketenteraan. Sikap Vietnam ini jelas sekali dilihat pada masa kering tahun ini di mana askar-askar Vietnam telah melancar serangan-serangan yang hebat ke atas pejuang-pejuang Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea.

Tujuan serangan-serangan oleh Vietnam ini ialah untuk memusnahkan kubu-kubu askar Kerajaan Campuran tersebut supaya mereka tidak berupaya lagi untuk menentang tentera Vietnam. Serangan-serangan ini telah menegangkan keadaan

keselamatan di sempadan Thailand/Kampuchea, terutama sekali berikutan dari pencerobohan wilayah Thailand oleh askar-askar Vietnam di beberapa kawasan di sempadan tersebut. Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain amat memandang berat terhadap pencerobohan ke atas wilayah Thailand itu dan telah mengutuk Vietnam atas tindakannya itu serta menyeru Vietnam menghentikannya dan seterusnya berusaha mencari jalan ke arah penyelesaian politik.

Malaysia kuatir ketegangan di sempadan Thailand/Kampuchea itu akan bertambah lebih buruk dan mungkin akan menjejaskan keselamatan negara-negara lain seperti Malaysia, Singapura khususnya dan negara-negara lain di Asia Tenggara ini sekiranya pertempuran di antara askar-askar Thailand/Vietnam berterusan.

Setakt ini pihak Thailand telah mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi mengatasi masalah pencerobohan ke atas wilayahnya termasuk tindakan-tindakan ketenteraan dan politik. Dari segi ketenteraan, Angkatan Tentera Thai telah melancarkan serangan-serangan balas bagi mengusir pencerobohan-pencerobohan Vietnam ke luar dari wilayah Thailand. Dari segi diplomatik mereka telah pun membuat pengaduan melalui nota-nota bantahan kepada Setiausaha Agong Bangsa-bangsa Bersatu mengenai pencerobohan oleh tentera Vietnam itu.

Buat masa ini keadaan di sempadan Thai/Kampuchea masih terkawal dan belum lagi memerlukan satu mesyuarat tergepar Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu ataupun penghantaran sesuatu pasukan pemerhati tentera Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ke

sempadan tersebut. Walau bagaimanapun sekiranya keadaan di sempadan tersebut menjadi bertambah runcing dan keselamatan negara Thailand bertambah terancam, negara-negara anggota ASEAN yang lain tidak akan berpeluk tubuh untuk memberikan apa sahaja sokongan dalam Thailand untuk menghadapi ancaman yang serius ini. Baru-baru ini Menteri Luar Thailand telah pun memberi taklimat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di atas keadaan di sempadan Thailand/Kampuchea dan telah menerangkan bahawa keadaan di sana adalah sangat serius. Malaysia memandang berat hal ini. Bagi Malaysia kita menyokong penuh tindakan-tindakan Thailand itu dan berhubung dengan hal ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang telah melawat sempadan Thailand/Kampuchea di daerah Surin pada 21hb Mac baru-baru ini untuk melihat keadaan keselamatan di sempadan dan juga kedudukan orang-orang pelarian Khmer di sana. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah seterusnya menyatakan sokongan dan solidarity Malaysia terhadap Thailand di dalam menghadapi tekanan dari Vietnam itu.

Tuan Yang di-Pertua, ASEAN akan meneruskan usaha-usaha untuk mencari penyelesaian politik yang menyeluruh terhadap Kampuchea. Untuk maksud ini ASEAN telah melantik Indonesia sebagai wakilnya bagi mengadakan dialog dengan Vietnam. Baru-baru ini pada 14hb dan 16hb Mac, Menteri Luar Indonesia Professor Mochtar Kusumaadja telah melawat Hanoi di antara lain telah berbincang mengenai masalah Kampuchea dengan Encik Co Thach. Encik Co Thach telah seterusnya mengemukakan cadangan lima perkara berhubung dengan penyelesaian masalah Kampuchea yang sekarang ini sedang dikaji oleh negara-negara ASEAN. Malangnya

saya tidak dapat menjelaskan di sini mengenai perkara-perkara tersebut kerana ianya masih dalam rundingan dengan Vietnam dan perlu dirahsiakan buat sementara waktu. Apa yang boleh saya sebutkan di sini ialah kebanyakan daripada cadangan lima perkara ini telah lama diketahui oleh ASEAN dan tidaklah merupakan perkara-perkara yang baru. Tambahan pula cadangan-cadangan tersebut merupakan konsepsi pihak Vietnam sendiri sahaja ke atas secara mana mereka fikirkan masalah tersebut dapat diatasi. Oleh kerana itu ianya tidak akan dapat diterima oleh pihak pejuang-pejuang nasionalis Kampuchea yang di-~~etua~~etua oleh Putra Sihanouk. Lagi pun cadangan-cadangan tersebut secara keseluruhannya adalah bercanggah dengan resolusi-resolusi Bangsa-bangsa Bersatu dan juga prinsip-prinsip Persidangan Antarabangsa mengenai Kampuchea.

Namun demikian terdapat beberapa aspek yang boleh dianggap sebagai menarik yang perlu dikaji secara lebih mendalam lagi. Adalah menjadi harapan saya bahawa dialog di antara Vietnam dan ASEAN ini akan diteruskan. Dalam pada itu ASEAN juga mengalu-alukan, menyambut baik usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak-pihak tertentu khususnya Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu Encik Perez de Cuellar dan juga Menteri Luar Australia Encik Bill Hayden. Kedua-dua Encik de Cuellar dan Encik Hayden telah mendapat beberapa penjelasan daripada pihak Vietnam mengenai aspek-aspek penyelesaian masalah Kampuchea.

Selain daripada itu penjelasan Encik Nguyen Co Thach, Encik Hugh Hayden juga telah mendapatkan penjelasan daripada Encik Heng Samrin dari regim boneka Vietnam di Phnom Penh.

Pada amnya boleh dikatakan bahawa penjelasan-penjelasan tersebut tidaklah merupakan perkara-perkara baru kerana ianya telah pernah didengar oleh pihak kita sebelum ini.

Namun demikian, pihak ASEAN akan meneliti bersama-sama dengan cadangan 5 perkara Encik Nguyen Co Thach demi mencari jalan ke arah penyelesaian yang diharap-harapkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan saya ingin menyatakan kepada Dewan yang mulia ini bahawa masalah Kampuchea adalah satu soal yang amat rumit sekali kerana ianya bukan sahaja melibatkan soal kemerdekaan dan kedaulatan negara Kampuchea tetapi juga soalan hubungan di antara Vietnam dengan China, di antara kuasa-kuasa besar yang mempunyai pengaruh di rantau ini.

Pada hemat saya, satu penyelesaian politik yang awal seperti yang diharapkan itu tidak akan dapat dicapai pada masa ini dan oleh kerana itu pejuang-pejuang Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea terpaksa meneruskan perjuangan mereka menentang kedudukan tentera Vietnam di Kampuchea.

Dalam menghadapi masalah ini, ASEAN akan berpegang teguh kepada strateginya bagi terus menyokong Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea dan mendesak Vietnam datang ke meja perundingan bagi menyelesaikan masalah Kampuchea ini. Ini adalah merupakan salah satu daripada beberapa perkara yang penting yang dapat dicapai dalam mesyuarat khas Menteri-menteri Luar ASEAN di Bangkok pada bulan lalu disamping memberikan sokongan dan solidarity ASEAN terhadap Thailand. Buat masa ini ASEAN yakin bahawa hanya penyelesaian secara politik sahaja

boleh menamatkan sengketa Kampuchea itu dan oleh itu akan terus berusaha mencari jalan damai ke arah penyelesaian tersebut tanpa menggunakan kekerasan atau mengadakan satu pakatan ketenteraan ASEAN.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sudah bertahun-tahun kita membuat seruan, kita mengatakan bahawa kita memandang berat terhadap keadaan di Kampuchea. Tetapi nampaknya hasrat baik dan seruan kita tidak diambil kira oleh pihak Vietnam. Tidakkah akan sampai ke suatu masa di mana pihak ASEAN akan mengambil langkah yang lebih teguh dan keras termasuk memberikan satu tarikh yang akhir, yang muktamat kepada Vietnam supaya selepas itu ASEAN bersama-sama dengan negara-negara lain akan mengambil langkah-langkah yang tertentu supaya Vietnam tidakkah mengabaikan seruan dan juga hasrat bukan sahaja rakyat ASEAN tetapi rakyat dunia. Itulah soalan saya.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, kita lihatlah tujuh tahun ini nampaknya Vietnam ini degil sangat, tidak dengar langsung seranan negara-negara ASEAN dan juga boleh dikatakan pihak antarabangsa telah pun menyeru berkali-kali dalam resolusi-resolusi Bangsa-bangsa Bersatu dan juga dalam forum-foram antarabangsa yang lain sepertimana yang saya sebutkan tadi seperti OIC, Commonwealth dan juga forum antarabangsa yang lain. Tetapi mereka ini tidak begitu mendengar sangat apa kata orang lain. Mereka ini degil dan sentiasa hendak mencari jalan pada pandangan Vietnam menyelesaikan masalah ini hanyalah melalui ketenteraan.

Bagi pihak kita dan pada hemat saya, kita telah pun mengambil tindakan yang begitu teguh. Tidak ada

cara yang lain buat masa sekarang ini memaksa Vietnam supaya menyelesaikan masalah ini melalui politik. Dan saya rasa kita telah pun mencari beberapa jalan. Jikalau Yang Berhormat itu boleh memberi jalan ataupun sesiapa sahaja, kita sentiasa akan menerima cadangan itu. Saya rasa apa cadangan sekalipun Vietnam tidak akan dengar, mereka tetap berdegil.

Tuan Lim Kit Siang: Apakah lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke sempadan Kampuchea/Thailand memberi ilham kepada Kerajaan untuk mengadakan pendekatan atau idea-idea baru dalam masalah Kampuchea dan apa hasil-hasil lain daripada lawatan ini?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adalah bertujuan untuk melihat dengan sendiri keadaan yang ada terdapat di sempadan Kampuchea/Thailand ini yang telah memberikan satu gambaran yang tidak begitu baik yang akan boleh menjejaskan keselamatan bukan sahaja negara Thailand tetapi negara-negara yang ada di dalam Asia Tenggara ini termasuklah Malaysia. Dan dengan lawatan ini Malaysia melalui Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dapat gambaran yang lebih teliti keadaan yang sedang berlaku sekarang ini. Dan kita harap keadaan ini akan dapat terkawal supaya keselamatan, kestabilan Thailand dan negara-negara di Asia Tenggara ini akan dapat terkawal. Itulah tujuan lawatan-lawatannya.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Di antara sebab mengapa Vietnam menjadi degil sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat sekejap tadi ialah di belakang Vietnam itu ada dalangnya iaitu kuasa besar China. Soalnya pernahkah ASEAN

khususnya berunding dengan China sendiri sebagai dalang mengapa anak kamu ini degil sangat.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Sukalah saya memaklumkan sebenarnya bukanlah China tetapi Soviet yang ada dibelakang Vietnam ini. Jadi kita cuba ikhtiar memberi penjelasan kepada Soviet. Kita telah mengatakan yang kacaunya Vietnam ini ialah disebabkan Soviet ada dibelakangnya. Dia kata, dia tidak peduli, kita terpaksa kena juga bantu sedikit sebanyak kepada Vietnam.

Tetapi saya haraplah satu ketika mereka ini sedar dan dapat ketahu dengan jelasnya kedudukan kerana apa kita mendesak supaya diadakan penyelesaian secara politik. Ini adalah kerana ianya akan memberi kebaikan kepada Vietnam sendiri kerana kita tidak suka melihat kuasa besar seperti Soviet, China atau Amerika Syarikat ataupun kuasa-kuasa besar yang lain datang ke Asia Tenggara ini dan memberikan sedikit sebanyak ataupun galakan kepada setengah-setengah orang ataupun negara di sini untuk dijadikan proxy kepada mereka semua. Kita lihat sepertimana kita telah mengadakan ZOPFAN (Zone of Peace, Freedom and Neutrality) ini dapat diamalkan atau dilaksanakan di Asia Tenggara. Maka dengan adanya perlaksanaan ini mungkin kita dapat menjamin kesetabilan dan keamanan di dalam Asia Tenggara ini. Tetapi malangnya juga masih lagi ada kuasa-kuasa besar ini suka memberikan galakan. Sepertimana juga budak jikalau kita suruh main pisau atau pistol, suruh dia tembak, dia akan tembak. Inilah keadaan yang sebenarnya berlaku. Jadi sebab itulah saya rasa kalau budak ini dapat memikirkan kalau dia panjang umur dia dan dapat fikiran yang waras mungkin dia memikirkan berhentilah peperangan, jangan bergaduh. Itulah harapan kita.

SEKOLAH MENENGAH AGAMA BERASRAMA PENUH

4. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah kriteria-kriteria yang digunakan bagi mendirikan Sekolah Menengah Agama Berasrama Penuh dan berapa buahkah akan dibangunkan dalam tahun 1985, 1986 dan 1987.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada kriteria-kriteria tertentu yang ditetapkan bagi membina Sekolah Agama Berasrama Penuh. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran mengambil kira beberapa faktor tertentu dalam melaksanakan projek ini. Di antaranya ialah adanya permintaan serta sambutan daripada pelajar-pelajar dan masyarakat dan terdapatnya tapak yang sesuai di kawasan yang berkenaan.

Kementerian Pelajaran memang bercadang untuk menambahkan bilangan Sekolah-sekolah Menengah Agama Berasrama Penuh pada masa hadapan tetapi pelaksanaannya adalah bergantung kepada keadaan kewangan negara.

BANK ISLAM DAN CAWANGAN-CAWANGAN

5. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sejak tertubuhnya Bank Islam, bagaimanakah sambutan yang diberikan oleh rakyat dan jumlah aliran wang keluar masuk melaluinya;
- (b) bilangan penyimpan-penyimpan dari orang-orang Islam dan bukan Islam di Bank tersebut dan jumlah simpanan mereka; dan

(c) bilangan cawangan-cawangan Bank ini di seluruh negara dan jumlah cawangan yang akan ditubuhkan seterusnya.

21. Dato Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk menubuhkan cawangan Bank Islam ke seluruh negara dan jika ya, nyatakan:

- (a) sehingga bulan Disember, 1984 sudah berapa buah dan dimanakah letaknya cawangan-cawangan Bank Islam tersebut;
- (b) berapa ramaikah pelanggan-pelanggannya dengan menyatakan secara berasingan sama ada daripada Badan-badan Berkanun, Syarikat-syarikat Swasta atau individu-individu Islam dan bukan Islam; dan
- (c) berapakah jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan oleh Bank Islam dan kepada siapakah pinjaman ini dikeluarkan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan No. 21 pada hari ini daripada Yang Berhormat Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah kerana kedua-duanya memerlukan maklumat yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak Bank Islam Berhad ditubuhkan dan memulakan operasinya pada 1hb Julai, 1983 sambutan yang diberikan oleh rakyat adalah menggalakkan apabila mengambil kira bahawa bank ini adalah satu bank yang baru yang menjalankan perniagaannya berasaskan konsep Islam yang juga merupakan satu konsep baru di dalam bidang perniagaan bank di negara ini.

Pada penghujung tahun 1984, bilangan penyimpan yang membuka akaun di bank ini berjumlah sebanyak 56,043 orang dengan jumlah simpanannya sebanyak \$274.9 juta. Penyimpan-penyimpan ini terdiri daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan, Badan-badan Berkanun termasuk agensi-agensi Kerajaan, institusi-institusi kewangan, badan-badan perniagaan dan orang-orang persendirian. Orang-orang Islam merupakan penyimpan yang terbanyak di dalam bank ini.

Bilangan penyimpan bukan Islam dan jumlah simpanan mereka adalah kecil iaitu masing-masing kurang daripada 1% daripada jumlah penyimpanan dan juga jumlah simpanan.

Jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan oleh Bank Islam pada penghujung tahun yang lepas adalah sebanyak \$249.7 juta. Pinjaman tersebut dikeluarkan kepada pelbagai sektor iaitu sektor pertanian, perindustrian, perlombongan, pembinaan, pengangkutan, perdagangan, perkhidmatan hal tanah dan lain-lain sektor termasuk pembelian rumah-rumah kediaman. Peminjam-peminjam ini terdiri daripada Badan-badan Berkanun dan termasuk agensi-agensi Kerajaan, Perbadanan Kerajaan dan juga individu bumiputera dan lain-lain individu-individu, firma dan persatuan.

Pada akhir bulan Februari tahun ini Bank Islam mempunyai 6 buah cawangan iaitu di Kuala Lumpur, Kuala Terengganu, Kota Bharu, Alor Setar, Seberang Perai dan juga yang terbaru sekali di Kelang. 4 buah cawangan lagi akan dibuka sebelum akhir bulan Julai tahun ini iaitu di Seremban, Kuantan, Johor Baharu dan Kompleks Pusat Islam Kuala Lumpur. Di samping itu juga Bank

Islam bercadang untuk membuka 6 buah cawangan lagi sebelum berakhir bulan Jun, 1986 iaitu di Kuching, Kangar, Melaka, Bangunan Tabung Haji Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan Ipoh.

Tuan Yang di-Pertua, dalam lain-lain perkataan Bank Islam akan mencapai matlamatnya untuk menempatkan sekurang-kurangnya satu cawangan di setiap negeri di seluruh negara menjelang pertengahan tahun 1986.

PERJANJIAN BAGI MENGELAKKAN CUKAI DUA KALI

6. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan kebanyakan negara-negara Dunia Ketiga belum mencapai Perjanjian Bagi Mengelakkan Cukai Dua Kali dengan Malaysia, apakah usaha Kementerian beliau untuk menjalinkan perhubungan perdagangan ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Malaysia telah menandatangani sebanyak 6 perjanjian dengan negara-negara membangun berbanding dengan 18 dengan negara-negara lain dan 2 lagi perjanjian telah ditandatangani ringkas. Kerajaan akan terus berusaha untuk menandatangani Perjanjian Bagi Menggalakkan Cukai Dua Kali dengan lebih banyak lagi dengan negara-negara membangun lain.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menegaskan bahawa walaupun perdagangan dua hala boleh digalakkan dengan adanya perjanjian seperti ini, tetapi ada banyak lagi faktor yang boleh mempengaruhi hubungan perdagangan dua hala di antara Malaysia dengan negara-negara lain. Kerajaan melalui agensi-agensi

terutama sekali Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan lagi perdagangan kita tidak sahaja dengan negara-negara yang membangun, tetapi juga dengan negara-negara lain di dunia ini.

SISTEM MUASSASAH KEPADA JEMAAH HAJI

7. Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan adakah benar sistem muassasah yang dikenakan kepada Jemaah Haji kita akan diteruskan oleh Kerajaan Arab Saudi pada tahun ini. Jika benar, apakah jaminan-jaminan yang diberi oleh Kerajaan Arab Saudi tentang peristiwa yang lepas tidak akan berlaku lagi; dan apakah pihak LUTH akan dapat menentukan kehendak Kerajaan Arab Saudi itu akan diberi kerjasama sepenuhnya oleh syekh-syekh haji Mekah yang memang bersikap degil dan menentang sistem ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Shariffah Dora binti Dato' Syed Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, mengikut dasar Kerajaan Arab Saudi, sistem muassasah bagi jemaah haji Asia Tenggara dilaksanakan secara percubaan selama 3 tahun mulai musim haji 1404/1984. Maka dengan itu Kerajaan Arab Saudi akan terus melaksanakannya dalam musim haji tahun ini.

Dalam hubungan ini saya suka menyatakan bahawa semenjak berlakunya masalah-masalah yang dihadapi pada tahun sudah dalam pelaksanaan sistem muassasah seperti yang disuarakan oleh jumlah besar jemaah haji Malaysia, Kerajaan Arab Saudi telah membuktikan kesungguhan pihaknya memandang penting terhadap kritik-kritik dan cadangan-cadangan membina yang

dikemukakan oleh pihak Malaysia, dengan mengaturkan lawatan ke sini Timbalan Menteri Haji T. Y. T. Sheikh Abdullah Bugis dan Pengerusi Muassasah Asia Tenggara Sheikh Mohammad Ali Indragiri pada penghujung tahun lalu.

Dari hasil lawatan mereka dan rundingan-rundingan yang dibuat oleh Kedutaan Malaysia di Arab Saudi beberapa perkara mengenai Operasi Haji telah diputuskan yang memberi jaminan kekurangan-kekurangan pelaksanaan sistem muassasah tahun lalu akan diatasi.

AKTA UNDANG-UNDANG SIVIL—PELAKSANAAN

8. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan telah membuat keputusan untuk melaksanakan Akta Undang-undang Sivil (Pindaan) 1984 dan jika ya, beri tarikh pelaksanaannya dan sama ada Kerajaan mempunyai apa-apa cadangan untuk membuat pindaan-pindaan lanjut kepada Akta tersebut supaya memastikan ketidakadilan tidak akan dilakukan terhadap keluarga mereka yang dibunuh atau tercedera demi "keuntungan" syarikat-syarikat insuran.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, Akta Undang-undang Sivil (Pindaan) 1984 telah dikuatkuasakan mulai daripada 1-10-1984.

Kerajaan masih berpendapat bahawa tidak perlu membuat sebarang pindaan ke atas undang-undang tersebut.

PADI JENIS IR 42

9. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) apakah alasan-alasan yang munasabah bagi Kerajaan mengeluarkan (release) padi

jenis IR 42 yang telah menimbulkan masalah kepada petani-petani dan juga Kerajaan; dan

- (b) apakah MARDI yang sepatutnya ditugaskan untuk menyelidik dan mengeluarkan jenis padi yang bermutu dan penghasilan tinggi bagi petani-petani tidak menjalankan kajian dengan mendalam dan teliti sehingga menimbulkan masalah disebabkan IR 42.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, benih padi jenis IR 42 sebenarnya bukanlah satu jenis yang diisytiharkan secara rasmi oleh MARDI. Penggunaan padi jenis ini telah mula diperkenalkan di kawasan MADA pada musim kedua tahun 1983 lagi. IR 42 digunakan pada masa itu sebagai langkah sementara untuk mengurangkan serangan penyakit malah virus di kawasan MADA yang mana mengalami secara serius serangan penyakit tersebut. Jenis ini tidak disyor oleh pihak MARDI untuk penanaman yang berterusan memandangkan mutu pengilangannya adalah rendah dan mempunyai peratusan biji beras hancur yang tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat benih padi jenis IR 42 telah diperkenalkan dalam Malaysia oleh MARDI dalam tahun 1976. Semenjak daripada tahun tersebut beberapa kajian telah dijalankan oleh MARDI bagi menentukan kesesuaian jenis ini di kawasan-kawasan padi yang terpenting. Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa padi jenis ini mempunyai hasil yang tinggi iaitu melebihi 5 tan sehektar dan tahan penyakit. Namun demikian terdapat sifat-sifat yang kurang sesuai dan didapati dalam jenis ini iaitu umur matangnya yang panjang dari 135 hari ke 140 hari. Mutu masakan yang tidak

begitu baik serta mempunyai peratus biji beras (rice recovery) yang rendah iaitu 48% apabila padi dikilangkan. Memandangkan hal ini penggunaan padi jenis ini telah disyor oleh MARDI sebagai langkah sementara sahaja untuk mengatasi masalah serangan penyakit yang berlaku pada tahun 1982 dan tahun 1983 yang telah lalu.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan kerana penggunaan benih IR 42 dan adakah langkah-langkah yang boleh digunakan untuk mengelakkan sebaran benih padi seperti ini?

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pihak Kerajaan dan Kementerian telah membuat keputusan bahawa petani-petani akan diberi benih yang lebih baik bukan benih yang digelar IR 42 ini lagi.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan lagi. Apakah kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan itu?

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah pun ditelitikan oleh pihak Kerajaan, apa yang dianggap kerugian itu yang sebenarnya tidak begitu besar bahkan kurang mutu beras daripada padi jenis IR 42 ini oleh kerana beras itu kebanyakannya pecah-pecah masa dijin dan pada ketika ini pihak MARDI telah membuat kajian yang lebih teliti bagaimana mengurangkan beras yang pecah-pecah ini daripada pihak jenis yang sama juga.

KWSP—PENGELUARAN BAGI PERUMAHAN

10. Tuan Ban Hon Keong minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau ada menimbang untuk

meningkatkan peratusan pengeluaran wang dari tabung Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sebagai memberi peluang kepada mereka yang berpendapatan rendah memiliki rumah memandangkan penambahan kos jualan rumah-rumah murah sekarang, terutamanya di Wilayah Persekutuan. Kadar keluaran wang dari tabung tersebut untuk pembeli-pembeli rumah yang berhak adalah berdasar pada 10% dari harga rumah berkenaan atau 45% dari jumlah wang simpanan mereka masing-masing terpulung kepada amaun mana yang kurang, tertakluk kepada jumlah wang keluaran maksima \$20,000. Adakah beliau akan menimbang untuk meningkatkan wang keluaran "bumbung" \$20,000 ini.

Dato Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini peratusan pengeluaran dan had maksima \$20,000 bagi pengeluaran perumahan dari KWSP masih tidak berubah. Walau bagaimanapun, skim-skim faedah KWSP yang ada sekarang sedang dikaji semula dengan tujuan untuk memperbaiki dan memperluaskan lagi faedah-feedah termasuk faedah perumahan untuk pencaruman-pencaruman KWSP sebelum dan selepas bersara melalui Skim Inovatif EPF yang dicadangkan. Laporan kajian ini sedang dalam pertimbangan Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr George Chan Hong Nam.

(Soalan No. 11 Y.B. Dr George Chan Hong Nam tidak hadir).

ANGKATAN TENTERA— RUMAH KELAMIN

12. Tuan Andrew Janggi Muyang minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk mengatasi masalah-masalah

rumah kelamin (married quarters) yang tidak mencukupi untuk anggota-anggota Angkatan Tentera; dan

- (b) adakah benar bahawa anggota Angkatan Tentera yang berpangkat rendah yang sudah beristeri diberi elaun perumahan/sewa rumah yang rendah dan tidak sesuai lagi dengan keadaan sekarang misalnya; anggota prebet sebanyak \$80 sahaja sebulan. Jika benar, adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula perkara ini dan jika perlu ditambah.

Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang memberi perhatian yang serius terhadap masalah perumahan dalam Angkatan Tentera. Untuk mengatasi kekurangan ini Kementerian saya telah mengkaji kedudukan perumahan dengan teliti dan satu peruntukan yang agak besar untuk projek perumahan Angkatan Tentera telah dirangka dalam Rancangan Malaysia Kelima nanti. Adalah dijangkakan apabila terlaksananya rancangan ini, masalah menyediakan rumah bagi anggota tentera akan dapat diatasi.

Memang benar jumlah elaun perumahan untuk anggota lain-lain pangkat agak rendah dan keadaan ini memang disadari oleh Kementerian Pertahanan. Memandangkan keadaan ekonomi negara masih belum pulih sepenuhnya, maka buat masa ini Kerajaan masih belum dapat menaikkan elaun tersebut dari kadar yang ada sekarang.

BIASISWA KECIL PERSEKUTUAN

13. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah biasiswa kecil Persekutuan yang diberi

dalam tahun 1984 untuk murid-murid sekolah dengan menyatakan:

- (i) jumlah amaun wang yang terlibat; dan
- (ii) angka-angka mengikut pecahan kaum murid-murid yang berjaya memperolehi biasiswa di bawah skim tersebut.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:

Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan bahawa biasiswa kecil Persekutuan adalah dihadiahkan kepada pelajar-pelajar yang mempunyai prestasi pelajaran yang baik tetapi tidak dapat belajar dengan sempurna kerana masalah kemiskinan.

Pada tahun 1984 sebanyak \$3,512,727 dihadiahkan kepada 13,112 orang pelajar di Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. Dari jumlah itu, 12,712 orang terdiri dari pelajar bumiputera dan yang lain bukan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed.

(Soalan No. 14 Y.B. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed tidak hadir).

KEBAKARAN KEDAI/KILANG

15. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan mengapa di akhir-akhir ini banyak berlaku kebakaran dalam negara kita; yang sering kalinya ialah kedai-kedai dan kilang-kilang dan adakah kejadian-kejadian seperti ini sengaja dirancangkan oleh mana-mana pihak yang tertentu; apakah suatu langkah Kerajaan untuk mengatasi kebakaran yang kerap kali berlaku dalam negara kita.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan S. Subramaniam):

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, sukalah saya menerangkan bahawa kebanyakan kebakaran kedai yang berlaku baru-baru ini adalah melibatkan bangunan-bangunan lama yang diperbuat daripada papan. Kebakaran-kebakaran di bangunan-bangunan sementara ini amat sukar di kawal jika langkah-langkah awal tidak dilakukan oleh penduduk atau tuannya. Antara sebab-sebab kebakaran itu ialah kelalaian, kerosakan elektrik, api mercun dan menyalahgunakan dapur minyak dan gas.

Bilangan arson yang disyaki bagi tahun 1984 adalah sebanyak 81, melibatkan kebakaran-kebakaran kilang dan kedai dan pihak Polis sedang menyiasat kejadian-kejadian itu.

Bagi makluman Tuan Yang di-Pertua, perangkaan kebakaran rumah kedai dan kilang dalam 3 tahun yang lalu adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Kedai</i>	<i>Kilang</i>
1982	364	355
1983	363	381
1984	356	241

Ini menunjukkan bahawa jumlah kebakaran dalam tahun 1984 adalah berkurangan jika dibandingkan dengan tahun 1982 dan 1983.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya melalui Jabatan Bomba telah berusaha sedaya upaya mencegah kejadian kebakaran dengan mengadakan aktiviti-aktiviti berikut:

- (1) mengajar orang ramai di dalam cara-cara mencegah kebakaran;
- (2) mengadakan kempen Minggu Mencegah Kebakaran dari 26hb November, 1984 hingga 1hb Disember, 1984. Di dalam

kempen itu pertandingan-pertandingan mencegah kebakaran, mengawal kebakaran di bangunan-bangunan, seminar dan pertunjukan-pertunjukan telah diadakan;

- (3) memberi ceramah-ceramah dan demonstrasi-demonstrasi kepada orang ramai, murid-murid, institusi-institusi dari masa ke masa;
- (4) mengambil bahagian di dalam pertunjukan-pertunjukan di peringkat negeri/institusi-institusi;
- (5) mengambil daya usaha menambah kakitangan seramai 800 orang dalam tahun 1984; dan
- (6) menambah bilangan kereta-kereta bomba dan meningkatkan lagi latihan-latihan bagi anggota-anggota dan pegawai-pegawai bomba.

Kereta-kereta bomba yang telah dibeli bagi balai-balai bomba dari tahun 1983 ialah seperti berikut:

Tahun 1983— 7 unit Field Service Truck (Kereta Bomba Membaiki Kenderaan).

18 unit Water Tender (Kereta Bomba Bekalan Air).

2 unit Turn-table Ladder (Kereta Bomba Cetera Putar).

Tahun 1984— 4 unit kereta bomba cekera putar.

2 unit kereta bomba bekalan air.

3 unit kereta bomba kebalan buih.

yang berjumlah kos sebanyak \$15,270,500.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian berkenaan kerana telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memberi kekesanan yang lebih baik dalam usaha memadam kebakaran dalam negara kita. Walau bagaimanapun, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah beliau bercadang sebagai satu lanjutan daripada projek latihan kepada orang ramai mengenai cara-cara memadam kebakaran, adakah Kementerian beliau bercadang untuk menubuhkan unit pasukan sukarela bomba seperti yang dilakukan oleh setengah-setengah negeri di dalam dunia, dan kalau ada, bilakah langkah-langkah ini akan dijalankan?

Yang kedua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sedar bahawa satu daripada masalah besar yang dihadapi oleh pihak pasukan bomba ialah setengah-setengah tempat di mana saluran air sepatutnya dikhaskan untuk pihak bomba tetapi didapati tidak mengandungi air dan alat-alat infrastruktur yang cukup diabaikan. Dan juga setengah-setengah daripada tugas yang sebenarnya bukan Jabatan Bomba, dibebankan kepada Jabatan Bomba seperti mengeluarkan mayat-mayat daripada mangsa kemalangan jalan raya.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang Kementerian saya sedang menubuhkan bomba gotong-royong. Ini adalah tergantung kepada sambutan yang ditunjukkan oleh penduduk-penduduk satu-satu tempat. Buat masa sekarang beberapa puluh bomba gotong-royong telah pun ditubuhkan dan maksudnya samalah seperti yang ditunjukkan oleh Ahli Yang Berhormat, iaitu sama dengan sukarela bomba.

Tentang tekanan air yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat, memang benar bahawa beberapa kawasan dalam negara kita mengalami kekurangan air dan apabila Pasukan Bomba melawan kebakaran tekanannya tidak mencukupi. Ini adalah dilaporkan dan juga dirujuk kepada Kementerian yang berkenaan iaitu Jabatan Bekalan Air untuk membaiki keadaan sehingga mana boleh dan perkara ini adalah menerima perhatian serius dari Kementerian kita.

MINUMAN KERAS— MENYEKAT

16. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) langkah-langkah Kerajaan menyekat penggunaan minuman keras oleh rakyat terutama di kalangan umat Islam;
- (b) langkah-langkah Kerajaan menyekat dan mengelakkan (peniaga-peniaga Islam) daripada menjual minuman keras; dan
- (c) berapakah jumlah pengeluaran tempatan minuman keras yang dieksport keluar negeri dan yang digunakan dalam negeri.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk menyekat penggunaan minuman keras dan Kerajaan juga belum ada cadangan menyekat sesiapa daripada menjual minuman keras. Di sebaliknya pula Kerajaan tidak juga menggalakkan penjualan minuman keras oleh sesiapa. Jumlah pengeluaran tempatan minuman keras yang dieksport adalah terlalu kecil. Oleh itu bolehlah dianggap bahawa hampir semua pengeluaran tempatan

adalah digunakan dalam negeri. Jumlah pengeluaran minuman keras tempatan pada tahun 1983 ialah 97.8 juta liter dan bagi tempoh Januari-Jun tahun 1984 ialah 46 juta liter.

TUDM—PESAWAT-PESAWAT KEMALANGAN

17. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) jumlah pesawat-pesawat terbang TUDM yang telah terkena kemalangan dan musnah dalam tempoh tahun 1980, 1981, 1982, 1983 dan 1984;
- (b) jenis-jenis pesawat yang terlibat dalam kemalangan;
- (c) punca-punca kerosakannya seperti terbakar, berlanggar; atau sebagainya;
- (d) bilangan juruterbangnya yang mati dan cedera;
- (e) jumlah saguhati/hadiah yang diberi kepada setiap orang yang kemalangan; dan
- (f) insuran perlindungan kepada petugas-petugas dan pesawat-pesawat TUDM jika ada dan sebutkan nama syarikat-syarikat insuran yang melindunginya.

Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat ini mengandungi beberapa bahagian dan banyak melibatkan perangkaan dan jawapannya juga agak panjang, maka saya mohon izin dari Tuan Yang di-Pertua untuk memberi jawapan kepada soalan ini secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

TLDM KUANTAN— KERETAKAN

18. Tuan Haji Mohamed Amin bin Haji Daud minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada benar terdapat keretakan berlaku di beberapa dermaga di Pengkalan TLDM Kuantan dan jika benar, berapakah jumlah kerugian yang ditaksirkan. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk membetul keadaan ini dan siapakah yang bertanggungjawab terhadap keadaan yang sedemikian.

Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar berlakunya keretakan di Quay Wall, dengan izin, Dermaga Pengkalan Tentera Laut di Raja Malaysia Kuantan sebagaimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu. Apa yang berlaku ialah dengan izin, bulging kepada tiang besi, dengan izin, sheet pile di antara 15 cm hingga 35 cm dari keadaan asal. Keadaan ini sama sekali tidak menjejaskan penggunaan quay wall, dengan izin, untuk melabuhkan kapal-kapal di dermaga tersebut. Walaupun demikian, di atas kejadian bulging ini Kerajaan telah mengambil langkah dengan melantik badan perunding untuk mengkaji keadaan ini.

MAKTAB PERGURUAN DI SIBU—PEMBINAAN

19. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar Kerajaan menimbang untuk membina sebuah Maktab Perguruan di Bandar Sibu, Sarawak dan jika tidak, apa sebabnya; jika ya, bilakah pembinaan itu akan bermula dan berapakah anggaran perbelanjaannya dan boleh menampung berapa pelatih-pelatih guru.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedang merancang untuk membina sebuah kompleks maktab perguruan baru di Sarawak. Walau bagaimanapun tempat di mana maktab itu akan dibina belum dapat dipastikan setakat ini. Perbelanjaan untuk membina sebuah kompleks maktab perguruan yang boleh menampung seramai seribu orang pelatih dianggarkan sebanyak kurang lebih \$40 juta.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11, 14 dan 20 hingga 37 adalah diberi di bawah ini).

BARANGAN BUATAN MALAYSIA—MUTU

11. Dr George Chan Hong Nam minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang atau akan diambil untuk meningkatkan mutu-mutu barangan buatan Malaysia supaya ia dapat bersaing dengan barangan import dari luar negeri dan sama ada Kementerian beliau mempunyai satu garis panduan atau ukuran untuk menilai mutu-mutu barangan perkilangan buatan tempatan; jika ya, adakah insentif-insentif diberi misalnya potongan cukai bagi menjalankan kerja-kerja penyelidikan, melatih pekerja-pekerja mahir dan sebagainya.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menjelaskan bahawa Kementerian saya sememangnya memandang berat ke atas mutu keluaran barangan buatan Malaysia. Bagi memastikan pengeluar-pengeluar tempatan yang diberikan Lesen Pengilang mengeluarkan barangan yang

bermutu, Kementerian telah pun mengenakan syarat di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 (seperti dipinda) yang mana keluaran-keluaran syarikat hendaklah mencapai piawaian yang ditentukan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, di mana piawaian itu sedia ada. Dengan adanya piawaian sama ada yang berdasarkan kepada piawaian Malaysia ataupun lain-lain piawaian yang diterima, dapat memberi kepastian bahawa barangan Malaysia adalah barangan yang bermutu.

Adalah diharapkan dengan adanya jaminan mutu ini, barangan buatan Malaysia akan dapat menandingi barangan yang diimport. Dalam hal ini Kementerian saya dengan kerjasama Kementerian-kementerian lain dan juga badan-badan swasta telah merangka Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia secara besar-besaran diperingkat Kebangsaan yang mana Y.A.B. Perdana Menteri telah pun bersetuju untuk melancarkannya pada 4hb April, 1985 ini. Tujuan kempen ini antara lain ialah untuk menanamkan sikap "Belilah Barangan Buatan Malaysia" kepada setiap warganegara Malaysia serta menghapuskan perasangka bahawa barang-barang yang diimport adalah lebih baik. Sebagai pengiktirafan dan menghargai keluaran-keluaran tempatan yang bermutu anugerah barangan cemerlang (product excellence) yang mengandungi ciri-ciri mutu, teknologi dan bahan tempatan akan diberikan kepada lapan sektor industri yang telah dikenalpasti, iaitu sektor pembuatan, makanan, kimia dan farmasi, barangan logam dan barangan berasaskan logam, bahan-bahan bangunan dan pembinaan, tekstil dan pakaian, getah dan plastik, kayu dan kertas serta elektrik dan elektronik.

Mengenai garis panduan atau ukuran untuk menilai mutu-mutu barangan perkilangan buatan

Malaysia, sukalah saya menyatakan bahawa setiap barangan perkilangan perlu melalui proses penentuan mutu atau kawalan mutu (quality assurance/quality control) yang merupakan salah satu dari proses pengeluaran. Oleh itu tidaklah perlu bagi Kementerian saya untuk mengeluarkan sebarang garis panduan atau ukuran yang berasasingan untuk menilai mutu-mutu barangan. Tambahan pula terdapat beribu-ribu jenis barangan yang dikeluarkan. Di samping itu sememangnya telah terdapat institusi yang sedia ada, iaitu Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia, atau SIRIM yang bertanggungjawab untuk memperkembangkan Piawaian-piawaian Malaysia serta menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan kawalan mutu. Kementerian saya sentiasa menggalakkan pengilang-pengilang tempatan untuk mendapatkan piawaian SIRIM. Dalam hal ini Kementerian saya sedang mengkaji kemungkinan cadangan bagi penerapan syarat pematuhan piawaian SIRIM kepada syarikat-syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975. Bagi syarikat-syarikat kecil yang tidak tertakluk kepada Akta tersebut dan tidak mampu menepati piawaian SIRIM sememangnya perlu untuk mewujudkan piawaian minima dari segi keselamatan dan kesihatan. Sukalah saya menyatakan bahawa telah terdapat undang-undang kawalan di bawah Kementerian-kementerian lain seperti Akta Makanan dan Dadah 1952, Akta Makanan 1983 (belum dikuatkuasakan), dan Ordinan Lalulintas 1958.

Berhubung dengan insentif bagi menjalankan kerja-kerja penyelidikan, potongan cukai sebanyak $1\frac{1}{3}$ kali daripada perbelanjaan penyelidikan adalah dibenarkan mulai tahun penilaian 1984. Sementara itu insentif-insentif yang lain seperti Taraf Perintis dan

Kredit Cukai Pelaburan adalah diberikan berasaskan, antara lainnya, paras teknologi yang digunakan bagi mengeluarkan barang-barang yang bermutu. Bagi menggalakkan latihan perindustrian, bangunan-bangunan yang diluluskan untuk latihan perindustrian juga layak untuk mendapat Elaun Bangunan Perindustrian. Di samping itu perbincangan sedang diadakan dengan sektor swasta untuk meneliti galakan-galakan yang dianggap lebih berkesan untuk meningkatkan mutu keluaran serta kemahiran pekerja.

PENCEROBOHAN VIETNAM DI KAMPUCHEA

14. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil lawatan Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu Encik Perez de Cuellar ke Malaysia, ke Hanoi dan ke negara-negara ASEAN yang lain baru-baru ini dalam mencari penyelesaian masalah pencerobohan Vietnam di Kampuchea.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Seperti yang telah saya terangkan di dalam Dewan ini beberapa hari dahulu, Encik Perez de Cuellar, Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu, dalam lawatannya ke negara-negara ASEAN dan Vietnam telah cuba merapatkan jurang perbezaan di antara kedua-belah pihak mengenai masalah Kampuchea, dan menggalakkan dialog. Beliau telah diberi beberapa "penjelasan" mengenai pendirian Vietnam ke atas masalah Kampuchea tetapi penjelasan-penjelasan tersebut adalah pendirian Vietnam yang telah pun diketahui tetapi tidak dapat diterima oleh ASEAN, dan oleh yang demikian tidak menggambarkan bahawa Vietnam benar-benar serius bagi mencapai penyelesaian politik.

Namun demikian, ASEAN menghargai dan mengalu-alukan inisiatif Encik de Cuellar itu dan menggalakkan beliau bagi meneruskan usaha-usaha tersebut.

(No. 20 Sila Lihat Jawapan No. 5)

GURU TERLATIH DARI UNIVERSITI INDONESIA

21. Tuan Mokhtaram bin Rabidin minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian Pelajaran hendak meningkatkan taraf ke kategori D guru-guru terlatih yang mempunyai Sarjana Muda dan Sarjana Lengkap (Drs) dari Universitas Nasional, Jakarta, yang sekarang hanya diberi taraf kategori C1, jika ya bilakah hendak dilaksanakan dan jika tidak apakah sebab-sebabnya.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan belum meningkatkan taraf guru-guru terlatih yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana Lengkap (Drs) dari Universiti Nasional, Indonesia ke kategori D. Kerajaan perlu mengkaji dengan lebih teliti beberapa aspek seperti kelayakan masuk, cara pengendalian kursus dan peperiksaan dan matapelajaran yang diajar di Universiti berkenaan sebelum sebarang keputusan dapat dibuat.

JALAN UNTUK PEMBANGUNAN DI SARAWAK

22. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada beliau sedar keadaan jalan raya dari bandar Lawas ke Kampung Long Sebangang, Lawas ke bandar Trusan dan Lawas ke Kampung Punang dan juga bandar Limbang ke Kampung Pandaruan, Limbang ke Kubong, Limbang ke Medamit dan Limbang ke Batu Danau adalah teruk

(deplorable), jika sedar, apakah langkah positif dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian supaya jalan raya tersebut di perbaiki serta ditarkan dengan secepat mungkin atau setidaknya tidaknya Kerajaan memberikan jabatan JKR di Lawas dan di Limbang peruntukan tertentu dan di arah supaya jalan raya tersebut ditarkan berperingkat-peringkat, misalnya dua ataupun empat kilo meter setiap tahun mulai bulan Januari tahun 1985, jika tidak, mengapa.

Menteri Kerja Raya (Dato S. Samy Vellu): Adalah dimaklumkan bahawa ke tujuh-tujuh jalan raya yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah merupakan jalan-jalan masuk (feder Road) atau jalan-jalan untuk pembangunan (Development Road). Oleh itu kelasifikasi jalan seperti ini bermaknalah jalan-jalan tersebut tidak di tar. Walau bagaimanapun Jabatan Kerja Raya Sarawak sentiasa menyelenggara jalan-jalan itu supaya ianya boleh digunakan setiap masa. Mengikut pengetahuan saya sepanjang tahun 1984 semua jalan raya-jalan raya tersebut adalah dalam keadaan yang memuaskan dan telah digunakan setiap masa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa bahagian daripada jalan raya-jalan raya yang dinyatakan, iaitu Lawas/Medamit, Lawas/Trusan dan Limbang/Kubong/Medamit/Batu/Danau telah dirancang untuk dinaikkan taraf dan di tar supaya ianya menjadi sebahagian dari rangkaian Lebuhraya utama Borneo (Pan Borneo Highway). Pelaksanaan rancangan ini sedang dijalankan dan dalam tahun 1985 sebanyak \$19 juta telah diperuntukan. Di bawah Rancangan Malaysia Kelima tambahan peruntukan sebanyak \$166.045 juta sedang dipertimbangkan oleh Kerajaan. Berhubung dengan jalan raya-jalan raya yang lain yang disebutkan, iaitu dari Lawas ke Kg.

Punang, Limbang ke Pandaruan, Limbang ke Kubong dan Limbang ke Medamit, kesemuanya belum lagi ada rancangan untuk dinaikkan tarafnya. Ini adalah kerana lalulintas yang menggunakan jalan raya-jalan raya itu adalah kecil bilangannya.

PELABUHAN MALAYSIA DI LUAR NEGERI

23. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kewangan menyatakan amaun pelaburan asing yang dilaburkan di negara ini sejak tiga tahun yang lalu dan amaun pelaburan Malaysia (kedua-dua Kerajaan dan swasta) di seberang laut bagi tahun-tahun yang sama dan betapa signifikantkah pelaburan di negara-negara asing menyumbang ke arah kekurangan akaun semasa.

Dato' Sabbaruddin Chik: Kemasukan pelaburan asing ke negara ini dapat dicerminkan melalui permohonan-permohonan yang dibuat melalui Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA). Dalam tempoh tiga tahun yang lalu iaitu dari 1982 hingga 1984 sebanyak 2,004 permohonan untuk melabur di Malaysia telah diterima, dengan jumlah modal yang dianggarkan adalah sebanyak \$18 ribu juta.

Dalam tempoh yang sama MIDA telah *meluluskan* sebanyak 1,745 permohonan dengan jumlah modal pelaburan asing sebanyak \$1,185.8 juta dari semua permohonan yang diterima setakat akhir tahun 1984.

Malaysia tidak mengamalkan kawalan yang ketat terhadap pergerakan pertukaran wang asing di dalam dan luar negeri. Oleh itu adalah sukar untuk memastikan dengan tepat jumlah pelaburan swasta Malaysia di Luar negeri terutamanya pelaburan jangka pendek. Walau bagaimanapun pelaburan jangka panjang Malaysia sama ada dari pihak

swasta atau Kerajaan di luar negeri adalah dianggarkan tidak besar jumlahnya. Pergerakan pelaburan pada amnya adalah menguntungkan Malaysia. Jumlah bersih pelaburan swasta asing di Malaysia adalah dianggarkan kira-kira \$3.2 ribu juta pada tahun 1982, \$2.8 ribu juta pada tahun 1983 dan \$2.1 ribu juta pada tahun 1984. Kemelesetan pengaliran masuk pelaburan swasta ke Malaysia semenjak tahun 1982 adalah sebahagian besarnya disebabkan oleh kemelesetan ekonomi dunia dan kadar faedah yang tinggi.

ANCAMAN UDARA DARI VIETNAM DAN PELARIAN FILIPINA

24. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Pertahanan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mempertahankan kedaulatan negara kita akibat ancaman dari udara daripada Vietnam dan dari Selatan akibat pambajakan pelarian-pelarian Filipina dari Filipina Selatan dan sama ada negara kita mempunyai tenaga manusia yang cukup untuk mempertahankan negara kita.

Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Kerajaan sentiasa mengkaji dan melaksanakan langkah-langkah yang difikirkan boleh dibuat dalam mempertimbangkan lagi keupayaan mempertahankan negara. Kerajaan juga tidak pernah lalai terhadap ancaman-ancaman dari Utara seperti Vietnam dan dari Selatan seperti pelarian-pelarian Filipina.

Di antara langkah-langkah yang diambil termasuklah membuat pengawasan yang terperinci dan sering mengenai pergolakan serantau yang dianggap mempunyai potensi dalam mengancam kedaulatan negara di samping langkah mempertingkatkan lagi keupayaan Angkatan Tentera kita melalui program latihan ketenteraan

di dalam dan di luar negeri bagi meningkatkan profesionalisma mereka dari segi fizikal dan mental. Malaysia juga mempunyai semangat ketahanan yang kuat dari rakyat yang cintakan tanahair.

EKUITI SYARIKAT PERLADANGAN

25. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan bagaimana Kerajaan akan menyusun semula pemilikan ekuiti luar negeri di sektor estet supaya pada akhirnya sebahagian besar daripada ekuiti itu akan dimiliki oleh rakyat Malaysia, dan sama ada pemilikan ini akan dilaksanakan dengan cara yang sama seperti yang telah dilakukan dengan syarikat-syarikat Guthrie serta Harrisons & Crosfield dahulu. Apakah tempoh yang ditetapkan bagi penyusunan semula ini dan mengapakah tempoh ini dipilih. Apakah jumlah wang yang dibelanjakan untuk mengambil alih Guthrie dan Harrisons & Crosfield.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Penyusunan semula pemilikan ekuiti syarikat-syarikat di dalam sektor perladangan adalah dilaksanakan melalui proses pertumbuhan syarikat-syarikat itu baik dari segi pertambahan keluasan ladangnya atau pelaburan dalam sektor-sektor ekonomi yang lain. Syarikat-syarikat yang belum menyusun ekuitinya selaras dengan matlamat hakmilik Dasar Ekonomi Baru (DEB) akan diminta berbuat demikian sebagai satu syarat kelulusan yang diberi mengenai kegiatan mereka yang tertakluk kepada peraturan Jawatankuasa Pelaburan Asing. Selain daripada langkah ini, Kerajaan juga mengadakan dengan syarikat-syarikat tertentu di mana syarikat itu diminta mengemukakan cadangan untuk menyusun semula ekuiti selaras dengan matlamat DEB.

Syarikat-syarikat perladangan telah mula menyusun semula ekuiti mereka dari tempoh mulanya pelaksanaan DEB pada tahun 1971 dan bagi syarikat-syarikat yang belum menyusun semula, mereka adalah dikehendaki berbuat demikian sebelum berakhirnya tempoh pelaksanaan DEB.

Oleh kerana syarikat-syarikat perladangan asing mempunyai sebahagian besar daripada aset dan operasinya di Malaysia, adalah wajar bagi ekuiti syarikat-syarikat dipegang juga oleh rakyat Malaysia. Bagi maksud ini saham-saham syarikat-syarikat ini telah diperolehi oleh rakyat Malaysia melalui agensi-agensi seperti Permodalan Nasional Berhad dan anak-anak syarikatnya dan oleh syarikat-syarikat swasta tempatan. Perolehan saham-saham ini adalah mengikut harga pasaran atau harga yang dirundingkan.

Jumlah wang yang dibelanjakan untuk mengambil alih Kumpulan Guthrie dan Harrisons & Crosfield ialah:

- (a) Kumpulan Guthrie
(Guthrie Holdings Limited dan Kumpulan Guthrie Sdn. Bhd.)=\$1,207.4 juta.
- (b) Harrisons & Crosfield=\$771.2 juta.

LESEN IMPORT (AP PERMITS)

26. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) kenapa Permit AP bagi Limau Mandarin dikeluarkan bagi Satria Utara Enterprise Sdn. Bhd., sebuah syarikat yang tidak ujud langsung;
- (b) sama ada Kerajaan bercadang mengambil tindakan undang-undang terhadap pemohon-pemohon permit AP; dan

- (c) sama ada Biro Siasatan Negara sedang menyasiat perkara ini atau tidak.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat lesen import boleh dimohon oleh sesiapa jua sama ada orang perseorangan firma atau syarikat. Lesen-lesen import adalah merupakan satu kenyataan kepada pemohon bahawa Kerajaan tidak mempunyai halangan untuk pemohon mengimport barang berkenaan dari negara dan melalui pelabohan dan lain-lain syarat yang dinyatakan dalam lesen tersebut. Hanya bagi barang-barang yang penyimpanannya dan pengedarannya memerlukan lesen-lesen khusus, seperti penyimpanan dan pengedaran barang-barang petroleum, lesen-lesen import akan dikeluarkan hanya apabila pemohon membuktikan bahawa beliau mempunyai lesen-lesen menyimpan dan mengedar. Oleh kerana oren mandarin tidak tergolong dalam kategori ini, semua pemohon yang memohon lesen import untuk mengimport oren mandarin tidak perlu mengemukakan bukti ianya sebuah syarikat yang telah diperbadankan atau sebuah firma yang telah didaftarkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penganjur syarikat Satria Utara Enterprise Sdn. Bhd. pada masa membuat permohonan lesen import, ia telah diberi kelulusan untuk memperbadankan syarikat tersebut di bawah Akta Syarikat. Dalam waktu yang sama Satria Utara Enterprise adalah sebuah firma yang telah didaftar di bawah Ordinan Pendaftaran Perniagaan 1956.

Firma ini telah diberi lesen-lesen import untuk mengimport oren mandarin bagi Tahun Baru China 1984 melalui Negara Ketiga. Oleh itu firma ini tidak ada bezanya dengan lain-lain pengimport tradisional.

- (b) Memohon lesen-lesen import bukanlah satu kesalahan tidak kira sama ada barang-barang itu dilarang, dikenakan sekatan kuota dan sebagainya. Pemberian lesen import kepada syarikat yang Ahli Yang Berhormat bangkitkan juga bukan satu kesalahan. Dari itu Kementerian saya tidak bercadang untuk mengambil apa-apa tindakan undang-undang.
- (c) Setakat ini Kementerian saya belum mendapat apa-apa laporan sama ada Biro Siasatan Negara sedang menyiasat perkara ini atau tidak. Lagi pun tidak ada apa-apa kesalahan yang telah dilakukan.

FELDA LUBOK MERBAU— PERISTIWA

27. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan berkaitan dengan "Peristiwa FELDA Lubok Merbau" semasa Pilihanraya Kecil Padang Terap baru-baru ini, mengapa peristiwa tersebut berlaku, berapa ramai orang yang terlibat dan berapa mangsa-mangsanya. Tidakkah peristiwa tersebut menjadi amaran terhadap kemungkinan ancaman daripada anasir-anasir tidak diingini kepada proses pilihanraya umum akan datang. Apa tindakan-tindakan untuk menjamin proses pilihanraya umum di negara ini berjalan licin, aman tenteram tanpa huru-hara.

10-4-85.

1. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pergaduhan berlaku semasa Kempen Pilihanraya Padang Terap baru-baru ini. Jika sedar, adakah beliau bercadang untuk memberi laporan lengkap bersabit pergaduhan tersebut.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri (Dato Musa Hitam): Izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat dari Matang Yang bertarikh 10-4-85 bersama-sama jawapan kepada Yang Berhormat dari Ulu Nerus pada hari ini kerana soalan-soalan Yang Berhormat itu mengenai perkara yang sama.

Peristiwa di Rancangan FELDA Lubok Merbau masih lagi dalam siasatan polis. Dengan yang demikian saya belumlah dapat memberi keterangan lanjut mengenainya.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan adalah memandang berat peristiwa ini dan akan mengambil apa juga langkah di masa hadapan mengikut lunas undang-undang supaya kejadian seperti ini tidak akan berulang lagi.

SELAT MELAKA BAGI KAPAL SELAM SOVIET

28. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada pihak Kementerian mengesan apa-apa ancaman dari aspek keselamatan negara terhadap laluan kapal-kapal selam Soviet melalui laluan Selat Melaka. Jika keadaan ini benar adakah pihak Kerajaan mengambil sesuatu tindakan yang positif bagi membantah serta menghalang aktiviti-aktiviti pihak Soviet secara kolektif bersama-sama dengan negara-negara jiran ASEAN yang lain.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Selat Melaka telah digunakan oleh masyarakat antarabangsa sebagai jalan laut untuk melintasi Lautan Hindi ke Laut China Selatan dan sebaliknya. Selaras dengan prinsip undang-undang antarabangsa yang diamalkan sekarang, Malaysia mengiktiraf hak laluan ikhlas (right of innocent passage) melalui Selat Melaka bagi semua negara. Kapal yang melintasi Selat Melaka yang tidak melakukan tindakan yang boleh memudaratkan keamanan, kesejahteraan dan keselamatan negara kita merupakan hak laluan ikhlas. Begitulah juga kedudukannya dengan kapal-kapal selam sekiranya mereka belayar di atas permukaan laut.

Setakat ini pengawasan kita telah menunjukkan bahawa kapal-kapal Soviet Union itu telah mematuhi kehendak undang-undang antarabangsa mengenai hak laluan ikhlas. Namun demikian, saya ingin memberi jaminan di sini bahawa kita akan sentiasa mengawasi keadaan ini.

YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM— SUMBANGAN

29. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Perdana Menteri menyatakan bilangan kakitangan Kerajaan yang beragama Islam yang membuat sumbangan bulanan kepada Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam setakat ini dan jumlah sumbangan mereka. Adakah angka ini mencapai setengah juta seperti mana yang diharapkan.

Perdana Menteri: Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia telah merancang beberapa cara pungutan sumbangan Amal Jariah yang akan dilaksanakan secara berperingkat dari satu masa ke satu masa. Satu dari cara sumbangan yang sedang dilaksanakan pada masa ini

ialah melalui Skim Sumbangan Amal Jariah Melalui Potongan Gaji Secara Sukarela.

Skim Sumbangan Amal Jariah melalui Potongan Gaji ini telah dilancarkan pada 8hb Januari, 1985 yang lalu. Selepas pelancaran ini YPEIM telah mengambil langkah menghantar Borang Persetujuan dan Risalah Penerangan. Proses menghantar Borang Persetujuan ini memerlukan masa di mana YPEIM telah menghantarnya secara berperingkat-peringkat. Peringkat Pertama adalah kepada Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Persekutuan. Peringkat Kedua adalah kepada Jabatan-jabatan Kerajaan di Peringkat Negeri dan Peringkat Ketiga kepada Badan-badan Berkanun Persekutuan. Sehingga kini PYEIM telah menghantar borang-borang ini kepada sebahagian besar dari pihak berkenaan dan proses ini akan berterusan sehingga semua pihak-pihak berkenaan dapat menerima Risalah Penerangan dan Borang Persetujuan tersebut.

Kementerian dan Jabatan-jabatan yang menerima borang-borang ini juga memerlukan masa untuk menghebah dan memberi penerangan serta mengedarkan Borang Persetujuan ini kepada semua kakitangan masing-masing dan kemudiannya mengumpulkan semula borang-borang yang telah diisi oleh penderma berkenaan untuk tindakan Bahagian Gaji di Kementerian dan Jabatan masing-masing. Kebanyakan Kementerian dan Jabatan Kerajaan memilih untuk membuat bayaran bagi sumbangan ini melalui Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA) yang mana langkah ini akan memerlukan sedikit masa pada peringkat awal di mana maklumat-maklumat ini akan diproses oleh Komputer dan mengeluarkan penyata potongan untuk dihantar kepada semua pihak-pihak berkenaan bagi tujuan pemotongan gaji ini.

Adalah terlalu awal untuk memberitahu bilangan kakitangan yang akan menyumbang kepada YPEIM melalui Skim ini. Namun demikian sambutan awal yang diberikan setakat ini sangatlah baik dan menggalakkan. Pihak Sekretariat YPEIM menjangka bahawa pada pertengahan tahun ini barulah YPEIM akan mendapat gambaran tentang bilangan kakitangan Kerajaan yang akan memberi sumbangan Amal Jariah Melalui Potongan Gaji bulanan ini.

KAMPUCHEA—ANCAMAN KESELAMATAN ASEAN

30. Dato Michael Chen Wing Sum minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada masalah Kampuchea telah menjadi lebih buruk baru-baru ini dan jika ya, apakah ancaman yang akan dikemukakan atas keselamatan Negara-negara ASEAN terutamanya Negeri Thai, Malaysia dan Singapura; dan juga menyatakan bagaimanakah sambutan terhadap usaha kita mendapatkan penyelesaian melalui Negeri Indonesia dari Hanoi.

[Sila lihat jawapan No. 3]

MANDARIN ORANGES— ISU PENGIMPORAN

31. Tuan Lim Liang Seng minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah Kerajaan sedar kelulusan AP's (Approved Permits) oleh Kementerian kepada 2 buah syarikat yang mana salah satunya ialah Satria Utara Enterprise Sdn. Berhad awal tahun ini telah mencetuskan issue mandarin Tahun Baru China yang membawa kesan-kesan buruk kepada seluruh masyarakat kita. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk memastikan perkara-perkara seperti ini tidak akan berulang lagi pada masa-masa akan

datang dan supaya kepentingan peniaga-peniaga mandarin tradisional tidak diketepikan sama sekali.

Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-haj: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya sedar bahawa isu pengimportan oren mandarin telah dieksploit dan dijadikan isu perkauman. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk melaksanakan dan menggalakkan pengimportan barang dari China secara terus. Dasar ini bukanlah satu dasar yang baru, tetapi telah diumumkan sejak tahun 1971 lagi. Pengimport-pengimport pula mestilah berusaha untuk mendapatkan bekalan terus sama ada secara persendirian ataupun bergabung untuk membolehkan mereka mengimport barang-barang tersebut dengan mencukupi bagi keperluan negara. Oleh kerana ada syarikat atau firma yang telah membuktikan bahawa pengusaha-pengusaha Malaysia boleh mendapatkan bekalan barang terus dari Republik Rakyat China, eloklah lain-lain pengusaha yang selama ini mengimport barang-barang China melalui Negara Ketiga, berusaha sama ada secara bersendirian atau berkongsi untuk melakukan pengimportan secara terus.

KAMPUCHEA— PENYELESAIAN DAMAI

32. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada usaha-usaha oleh negara ASEAN untuk mencari satu penyelesaian damai bagi sengketa Kampuchea telah gagal. Sekiranya ya, mengapa. Apakah langkah-langkah lain yang boleh diambil oleh ASEAN untuk menekan Vietnam supaya datang ke meja perunding; tidakkah ASEAN harus memberi satu tarikh akhir kepada Vietnam supaya selepasnya ASEAN mungkin mempertimbangkan langkah-langkah lain yang lebih "keras".

SKIM PINJAMAN PERUMAHAN KAMPUNG

33. Tuan Omar bin Abdullah minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan tentang sambutan penduduk-penduduk kampung terhadap Skim Pinjaman Perumahan Kampung. Sejak mula dilancarkan berapa banyakkah permohonan diterima dan diluluskan. Adakah pihak Kementerian bercadang meluaskan Skim ini kepada peneroka rancangan Felda yang telah mengeluarkan hasil.

Tuan S. Subramaniam: Sambutan golongan berpendapatan rendah termasuk penduduk-penduduk kampung terhadap Skim Pinjaman Perumahan Untuk Golongan Berpendapatan Rendah adalah memuaskan. Sejak skim ini dilancarkan pada tahun 1976 sehingga 28-2-1985, Kementerian ini telah menerima 6,603 permohonan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 2,382 permohonan telah diluluskan. 409 daripada pemohon yang berjaya telah menarik diri atas sebab-sebab tertentu. Ini bermakna kelulusan bersih sehingga 28-2-1985 ialah sebanyak 1,973. Di samping itu sebanyak 479 permohonan sedang dalam proses. Kementerian ini tidak bercadang untuk meluaskan skim ini kepada peneroka rancangan Felda memandangkan mereka telah pun mendapat kemudahan perumahan daripada agensi berkenaan.

JALAN MERSING DILUASKAN

34. Tuan Quah Wee Lim minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah Kementeriannya akan menimbang semula rayuan penduduk-penduduk Kluang supaya diluaskan Jalan Mersing dan membina satu "Flyover" di atas pintu keretapi untuk mengelakkan keadaan kesesakan lalulintas yang saban hari

berlaku terutama sekali apabila pintu keretapi ditutup.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Pada masa ini Kerajaan sedang menimbang keperluan membina jambatan di mana jalan-jalan raya melintasi landasan keretapi. Jejambat atau "flyover" yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah salah satu daripada tempat-tempat yang termasuk dalam kajian mengenai perkara berkenaan. Kerajaan juga akan menjalankan kajian untuk meluaskan bahagian Jalan Mersing dalam kawasan bandar Kluang. Mana-mana bahagian jalan yang perlu diperluaskan akan dilaksanakan mengikut peruntukan yang dapat dipersetujui.

MANDARIN ORANGES— KELULUSAN AP

35. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) apakah sebabnya Kementerian beliau pada bulan Disember 1984 hanya meluluskan AP (Approved Permit) bagi sebuah Syarikat Kotak Oren Malaysia yang merupakan 95% pengimportannya dengan mengenyepikan permohonan-permohonan A.P. dari 33 orang pengimport tradisional;
- (b) apakah caranya dan bilakah pengimport-pengimport tradisional itu diberitahu secara rasmi mengenai peraturan baru iaitu oren mandarin hendaklah diimport terus dari negara asalnya; dan
- (c) apakah benar maksud asal mengenakan A.P. bagi semua pengimportan dari Republik Rakyat China adalah bertujuan membolehkan Pernas mengutip "Cukai" sebanyak 0.5% terhadapnya.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan dan meningkatkan perdagangan secara terus dengan Negeri China. Bagi pengimportan barang-barang berasal dari Republik Rakyat China peniaga-peniaga Malaysia adalah sentiasa digalakkan mengimport barang-barang terus dari Negeri China sama ada secara bersendirian ataupun secara bergabung. Mengenai lesen import untuk mengimport oren mandarin untuk keperluan Tahun Baru China yang lepas. Kementerian telah mengeluarkan pada akhir tahun 1984 lesen import kepada sebuah syarikat oleh kerana syarikat tersebut mempunyai bukti ia ada kontrek untuk mengimport terus dari Republic Rakyat China. Syarikat-syarikat lain yang ingin mengimport dengan cara yang sama tidak dihalang untuk membuat permohonan. Kementerian hanya memerlukan masa untuk memproses dan mengesahkan kesahihan kontrak-kontrak yang telah mereka ajukan. Didapati ada di antara kontrak-kontrak yang telah dikemukakan bukan kontrak-kontrak yang sah. Tidak ada sekatan jumlah oren yang boleh diimport dikenakan, terpujang kepada budibicara dan keupayaan pengimport itu sendiri. Walau bagaimanapun akhirnya sebanyak 126 syarikat telah diberikan lesen-lesen import untuk mengimport limau mandarin dan lesen-lesen import itu telah dikeluarkan kepada pemohon-pemohon pada jangkawaktu yang

mencukupi dan tidak berbeza dengan pengeluaran lesen-lesen import pada Tahun Baru China tahun-tahun yang lepas. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sesiapa jua sama ada orang perseorangan, firma atau syarikat boleh membuat permohonan mendapatkan lesen-lesen import. Mengenai syarikat yang Ahli Yang Berhormat bangkitkan, ingin saya maklumkan bahawa ia adalah sebuah firma yang telah didaftarkan di bawah Ordinan Pendaftaran Perniagaan 1956, dan pada masa ia membuat permohonan lesen import ia telah diberi kelulusan untuk memperbadankan syarikat di bawah Akta Syarikat. Firma ini pernah diberi lesen import untuk mengimport limau mandarin pada Tahun Baru China 1984.

(b) Dasar Perdagangan Terus dengan Negara China bukanlah satu dasar baru tetapi ianya telah dikuatkuasakan sejak 28hb Ogos 1971 lagi. Dasar Perdagangan Terus dengan Negara China ini memang dimaklumkan kepada pengimport-pengimport terutama sekali dalam perjumpaan khas yang diadakan dengan peserta-peserta yang menyertai Pameran Perdagangan Canton tiap-tiap tahun untuk menggalakkan mereka membeli secara terus dari China. Pihak Kementerian pernah mengadakan pertemuan dan perjumpaan dengan Dewan Perniagaan dan Perdagangan China Malaysia, misalnya pada 9hb Oktober 1984 lalu dan telah menegaskan lagi tentang dasar perdagangan terus dengan Negeri China khususnya bagi pengimportan barang-barang

mudah rosak (perishable). Malahan dalam memilih peserta-peserta yang akan mengikuti rombongan perdagangan ke Pameran Perdagangan Canton pada bulan Oktober yang lalu, keutamaan khusus adalah diberikan kepada mereka-mereka yang ingin mengimport barang-barang perishable termasuk oren mandarin.

- (c) Tidak benar. Tujuan mengenakan lesen import bagi pengimportan barang-barang yang berasal dari Republik Rakyat China adalah untuk menggalakkan pengimportan terus barang dari negara berkenaan.

SISTEM PELAJARAN 3M (KBSR)

36. Tuan George Chan Hong Nam minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada satu penilaian telah dibuat atas Sistem Pelajaran 3M memandangkan tahun ini adalah tahun ketiga sejak sistem tersebut dilaksanakan; jika ya, apakah maklumbalas yang telah diterima iaitu sama ada terdapat apa-apa kelemahan dan masalah baik dari segi pengajaran mahupun dari segi pelajaran murid-murid dan apakah kebaikan-kebaikan yang didapati kalau dibandingkan dengan sistem lama.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Penilaian terhadap sistem pelajaran 3M (KBSR) memang sentiasa dijalankan di beberapa peringkat. Di peringkat yang lebih luas Kementerian Pelajaran telah meminta Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang menjalankan satu penilaian yang menyeluruh terhadap KBSR. Penilaian ini masih berjalan dan hasilnya dijangka dapat memberikan maklumbalas mengenai keseluruhan sistem KBSR ini.

Di samping itu pihak Kementerian Pelajaran melalui Pusat Perkembangan Kurikulum telah juga menjalankan penilaian dari segi pencapaian murid secara meluas. Daripada penilaian yang dijalankan dalam bulan Oktober, 1984 bagi murid-murid di-tahun 3 didapati pencapaian mereka dalam semua kemahiran asas membaca, menulis dan mengira adalah lebih tinggi dari murid-murid yang mengikuti Kurikulum lama.

Daripada penilaian yang dibuat oleh guru-guru KBSR dalam bilik darjah adalah didapati murid-murid KBSR pada amnya bukan sahaja mempunyai pencapaian kemahiran yang lebih baik, tetapi mereka juga lebih aktif dan riang dalam pembelajaran mereka.

BANK BUMIPUTRA MALAYSIA BERHAD—KELEMAHAN

37. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) kemajuan atau perkembangan terakhir yang dibuat oleh Lembaga Pengarah Bank Bumiputra Malaysia Berhad yang baru dalam memperbetulkan berbagai kelemahan Bank dan mengekalkan imejnya di samping tindakan ke atas kedudukan hutang dalam dan luar negeri;
- (b) bilangan mereka yang gagal memulangkan wang pinjaman bank berkaitan dengan hutang tempatan dan luar negeri dan apakah langkah yang telah diambil untuk mendapatkan semula hutang tersebut; dan
- (c) apakah amaun yang tepat hutang lapuk dalam dan luar negeri yang dialami oleh bank dan anak syarikatnya sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Dato' Sabbaruddin Chik: Saya memohon izin untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat ini bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam yang dijadualkan dijawab dalam Dewan ini pada 5hb April, 1985. Ini memandangkan isu-isu yang dipersoalkan adalah isu yang sama.

(a) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, ahli-ahli Lembaga Pengarah Bank Bumiputra Malaysia Berhad telah dirombak dan diganti dengan ahli-ahli yang mempunyai berbagai pengalaman dan dari berbagai bidang profession. Mereka telah pun mengambil beberapa langkah untuk membetul dan mengekalkan imej Bank itu kepada keadaan sebelumnya. Antara langkah yang telah diambil ialah memberhentikan pinjaman-pinjaman "off-shore" oleh cawangan-cawangan serta anak-anak syarikatnya, merombak pentadbiran dalam Bank itu terutama berhubung dengan jawatan-jawatan penting dalam beberapa Jabatannya, dan mengetatkan lagi disiplin ke atas pegawai dan kakitangannya. Beberapa langkah lagi sedang dan akan terus diambil bagi membetul serta mengekalkan imej Bank itu dari masa ke semasa.

(b) Berhubung dengan soalan (b) dan (c) yang mana berkaitan dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam, perkara itu sedang disemak dan diteliti oleh pihak pengurusan Bank itu. Walau bagaimanapun, mana-mana bank tidak boleh memberi apa-apa maklumat berkaitan dengan akaun-akaun individu pelanggan-pelanggannya kepada mana-mana pihak ketiga

mengikut peruntukan Seksyen 36 (Banking Secrecy), Akta Bank 1973.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG HAKMILIK STRATA

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk memudahkan pecah sempadan tanah kepada strata dan pengeluaran hakmilik baginya dan untuk tujuan-tujuan yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara 1965; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN PERHUTANAN MALAYSIA

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menubuhkan Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia untuk pentadbiran sesuatu kumpulan wang bagi maksud membiayai penyelidikan dan bagi mengadakan

peruntukan-peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perusahaan Utama dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN TAMBAHAN
(1984)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1984 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PEMBANTU HOSPITAL
(PENDAFTARAN) (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1977, Peraturan-peraturan Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1979 dan untuk memperuntukkan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kesihatan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

**JALAN-JALAN MASUK
KE PARLIMEN**

Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal

Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menggalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul ini dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menggalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

3.40 ptg.

Tuan Ismail bin Said (Kemaman):
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan usul dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Iskandar, Yang di-Pertuan Agong yang berbunyi:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, mohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Keenam.”

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada kali ini adalah ringkas tetapi padat. Beberapa mesej yang terselit di dalamnya adalah jelas dan terang sekali. Kalau kita meneliti teks Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku dapatlah kita bayangkan bahawa betapa besar dan tingginya hasrat serta cita-cita Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk melihat negara kita terus maju serta membangun dalam semua bidang semoga rakyat di bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Tuanku hidup aman, makmur, bersatupada serta sihat sejahtera.

Mesej yang dibawa ini perlu diambil ingatan dan dijadikan sebagai asas dan panduan di dalam menjalani kehidupan kita seharian seterusnya dalam apa bidang jua sekali pun. Hasrat dan cita-cita murni yang diluahkan oleh duli Yang Maha Mulia Tuanku ini janganlah hendaknya diabaikan oleh mana-mana pihak di segenap lapisan rakyat. Ini adalah merupakan satu amanah yang disampaikan untuk ditunaikan oleh kita semua dengan penuh perasaan tanggungjawab serta dengan penuh dedikasi tanpa mengira keturunan, bangsa dan agama. Dan jika perlu kita mesti berkorban kerananya kerana dengan cara begini sahajalah kita dapat lahirkan rakyat yang benar-benar berdisiplin dan taat setia kepada negara dan hanya dengan cara beginilah sahaja juga dapat kita wujudkan ketahanan negara yang tidak boleh dengan mudah diganggu gugat oleh mana-mana anasir yang tidak diingini sama ada dari dalam mahupun dari luar. Bak kata petapah, bulat air kerana pembentung, bulat kata kerana muafakat. Perpaduan kaum dan integrasi nasional adalah merupakan asas penting yang perlu dipupuk dari sekarang. Kepentingan peribadi hendaklah diketepikan malahan kepentingan masyarakat, agama dan tanahair hendaklah diletakkan di atas segala-galanya.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai perpaduan nasional, izinkan saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang beberapa perkara penting yang difikirkan perlu direnungi bersama. Pokok persoalan yang hendak saya bangkitkan di sini ialah setakat mana dan sejauh manakah perpaduan nasional di negara kita dapat diwujudkan sekarang ini. Negara kita adalah unik kerana ianya berbentuk kosmopolitan mempunyai berbagai-bagai bangsa, keturunan, bahasa dan agama serta suku-suku kaum yang bertaburan di sana sini.

Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, setiap warganegara kita memang sedar akan hakikat ini. Negara kita diduduki bukan sahaja oleh bangsa Melayu, Cina dan India tetapi juga oleh kaum-kaum lain seperti Iban, Kadazan, Dayak, Bidayuh dan berbagai-bagai lagi. Mereka ini adalah warganegara Malaysia dan mereka menganuti berbagai-bagai agama serta mempunyai cara hidup, kebudayaan dan sistem nilai yang berlainan.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah tahap yang pertama kepada perbaduan nasional di mana kita semua rakyat Malaysia sedar tentang hakikat ini. Hakikat adanya, dengan izin, co-existence di negara kita.

Sementara tahap yang kedua pula, kepada perpaduan nasional, jelas sejauh mana dan setakat mana mereka ini mengadakan perhubungan antara satu sama lain. Tidak dinafikan bahawa perhubungan memang ada dibuat tetapi sekerat mana dan di peringkat mana pula perhubungan ini dibuat yang lazimnya perkara ini berlaku di kalangan pemimpin-pemimpin di kelas atasan dan kelas menengah sahaja.

Perhubungan di antara rakyat dengan rakyat yang lain di peringkat bawahan adalah masih lagi di tahap yang minima, tidak menggalakkan. Oleh yang demikian, perlu ditekankan di sini agar Kerajaan dapat memperhebatkan lagi program-program yang boleh memberi peluang kepada rakyat di peringkat bawahan berhubung di antara satu sama lain dengan lebih kerap dan meluas lagi. Jabatan Perpaduan Negara hendaklah memperhebat dan menambahkan program-program mereka bagi menuju ke arah ini.

Tahap yang ketiga pula kepada Perpaduan nasional ini ialah setakat mana rakyat yang berbilang bangsa di negara ini memahami di antara satu sama lain berhubung dengan soal-soal

kebudayaan, agama, adat resam, sistem nilai dan sebagainya, saya rasa tahap ini adalah paling sukar hendak diwujudkan kerana ia melibatkan unsur-unsur sentimen dan toleransi.

Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang sukar ini akan menjadi senang sekiranya setiap rakyat sama ada ianya seorang pemimpin ataupun seorang rakyat biasa memainkan peranan masing-masing dengan jujur dan dengan bertanggungjawab. Tetapi malangnya pada hari ini ada setengah golongan oleh kerana kepentingan diri dan personal glamour, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dan oleh kerana kepentingan puak-puak tertentu yang kecil bilangannya telah memainkan isu-isu yang boleh membangkitkan sentimen rakyat dan seterusnya melahirkan perasaan curiga mencurigai di antara satu sama lain.

Mereka ini seolah-olah merupakan batu penghalang kepada perpaduan nasional.

Nilai-nilai Islam yang ingin diterapkan di dalam pentadbiran negara kita, misalnya, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang disarankan oleh Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah pun dicurigai oleh setengah-setengah golongan sungguhpun beberapa kali ditegaskan bahawa langkah-langkah ini tidak akan menjejaskan hak asasi mereka.

Kalaulah ini berlarutan, saya bimbang perpaduan nasional akan lambat terlaksana. Saya merayu, Tuan Yang di-Pertua, kepada golongan ini supaya berhentikanlah mulai dari sekarang segala tindak-tanduk yang boleh mencetuskan benih-benih perpecahan di kalangan kaum. Kehendak rakyat majoriti hendaklah dipatuhi dan dihormati.

Tuan Yang di-Pertua, kita patut bersyukur kerana negara kita dianugerahkan dengan pemimpin yang

bijaksana dan berpandangan jauh dan dihormati oleh pemimpin-pemimpin lain dari negara luar. Kita harus berasa bangga kerana di bawah pimpin YAB Dato Seri Dr Mahathir Mohamad dan YAB Dato Musa Hitam serta para pemimpin-pemimpin yang lain, negara kita sudah pun dikenali di seluruh pelusuk dunia. Sebab itulah kita dapati bahawa negara kita sejak akhir-akhir ini selalu sahaja dikunjungi oleh pemimpin-pemimpin dari negara-negara luar, tidak kira sama ada dari blok komunis, blok sosialis ataupun tidak komunis dan sebagainya, yang bertujuan tidak lain tidak bukan adalah untuk mengenali negara kita secara lebih dekat lagi dan lawatan-lawatan itu tidak berakhir setakat itu sahaja, bahkan terus menjadi rakan kongsi dagang dan perniagaan serta pelaburan dengan negara kita.

Ini adalah merupakan satu kejayaan yang ditempuhi dalam lembaran sejarah negara kita hasil dari usaha pucuk pimpinan yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada siapa yang dapat menafikan bahawa peranan yang dimainkan oleh pemimpin-pemimpin kita untuk memperkenalkan negara kita di kaca mata dunia, terutama sekali peranan yang dimainkan oleh YAB Perdana Menteri kita adalah begitu gigih sekali serta telah pun mendatangkan kesan yang begitu hebat sehingga negara kita yang kecil ini sudah pun mendapat perhatian dari kuasa-kuasa besar. Suara-suara serta pandangan-pandangan kita selalu sahaja di dengar dan dijadikan tajuk perbincangan di forum-forum dan persidangan antarabangsa, sama ada di peringkat serantau seperti ASEAN ataupun di peringkat kumpulan seperti OIC, negara-negara berkecuali dan komanwel ataupun di peringkat-peringkat pertumbuhan dunia seperti Bangsa-bangsa Bersatu.

Oleh itu patutlah kita bersyukur ke khadrat Ilahi dan marilah kita berdoa semoga kepimpinan mereka itu terus dilanjutkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga patut bersyukur kerana keadaan ekonomi negara kita masih lagi kukuh sungguhpun kita sedang berada di dalam arus suasana ekonomi dunia yang muram dan tidak menentu arah alirannya. Prestasi ekonomi negara walaupun lebih rendah daripada yang dijangkakan tetapi ianya terus menggalakkan jika dibandingkan dengan prestasi beberapa negara lain yang telah tidak mengalami pertumbuhan atau mengalami pertumbuhan yang negatif.

Dan kita juga patut bersyukur kerana rakyat Malaysia terus menikmati taraf hidup yang agak tinggi. Ini adalah merupakan satu lagi hasil kejayaan kita. Kita berjaya membuat beberapa penyusunan (adjustment) yang besar dari segi strategi-strategi pembangunan di dalam menghadapi suasana ekonomi dunia yang muram ini. Sungguhpun perbelanjaan pembangunan terpaksa dikurangkan tetapi ianya tidak menjejaskan dasar-dasar yang penting. Dasar Ekonomi Baru terus berjalan dan dilaksanakan sebagaimana jadual dan insya Allah akan terus mencapai matlamatnya. Semoga terbinalah sebuah masyarakat yang adil dan bersatu padu di suatu hari nanti.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan bahawa ada terdapat di sana sini beberapa perancangan dan program yang dijalankan dan yang sedang berjalan sekarang masih lagi tidak mencapai matlamat asalnya dan telah pun menimbulkan beberapa reaksi yang negatif dari setengah kalangan rakyat kerana telah mengakibatkan pembaziran wang rakyat kononnya.

Memang juga tidak dinafikan bahawa adanya perancangan yang terbengkalai dan tergendala di sana sini tetapi ini kita tidak boleh salahkan Kerajaan semata-mata kerana tidak ada Kerajaan di dalam dunia ini yang membelanjakan wang rakyat dengan begitu banyak sekiranya ia tidak memberi faedah kepada rakyat.

Tiap-tiap perancangan yang dibuat semestinya sudah pun dikaji dengan teliti dalam semua perkara sebelum ianya dijalankan. Tetapi mungkin oleh kerana keadaan dan faktor-faktor lain yang di luar dugaan telah berubah dan sudah barang tentu perancangan yang dijalankan itu akan turut terjejas dengan perubahan ini dan matlamatnya juga akan turut terjejas. Majuternak, Majuikan, LPN dan FAMA adalah di antara contoh-contoh yang boleh saya berikan di sini, Tuan Yang di-Pertua.

Namun pun demikian, kita tidak boleh berhenti daripada merancang. Tuhan suruh kita merancang, tetapi kita tidak boleh meramal dengan tepat apa yang akan berlaku pada masa yang akan datang. Kita manusia hanya boleh mentadbir dan berusaha tetapi segala-galanya ditentukan oleh takdir.

Dan saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita akan terus mengkaji serta membaiki mana-mana kelemahan yang terdapat di dalam perancangan semoga matlamat asalnya akan tercapai.

Juga tidak dinafikan bahawa banyak lagi masalah-masalah pembangunan di negara kita yang masih lagi belum selesai dan memerlukan perhatian yang wajar dan khusus daripada Kerajaan, terutama pembangunan di sektor luar bandar. Demikian juga jurang perbezaan dan pembangunan yang tidak seimbang di antara wilayah dan negeri masih lagi wujud sungguhpun sudah banyak program

pembangunan wilayah dilancarkan melalui agensi-agensi pembangunan wilayah.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak semestinya merasa hairan tentang wujudnya keadaan ini. Dan ianya tidak boleh dijadikan satu isu yang harus kita rasa cemas kerana sebagai sebuah negara yang ditakrifkan sebagai sedang membangun, sudah barang tentu banyak lagi kekurangan di sana sini yang perlu ditokok tambah dari semasa ke semasa. Tambahan pula kita baru sahaja suku abad mencapai kemerdekaan setelah dijajah hampir lima abad lamanya oleh penjajah-penjajah dari negara barat bersilih ganti iaitu Portugis, Belanda dan Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, hendak membetulkan keadaan kucar-kacir yang ditinggalkan oleh penjajah dalam masa yang singkat bukanlah satu perkara yang mudah dan hendak membersihkan kembali saki-baki yang ditinggalkan oleh penjajah itu bukanlah juga satu kerja yang senang, ianya memerlukan masa yang panjang dan perancangan yang teliti.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dinafikan juga bahawa kemiskinan masih lagi wujud di negara kita sama ada dalam sektor bandar mahupun di dalam sektor luar bandar.

Sungguhpun pendapatan per kapita sudah bertambah, tetapi agihannya masih lagi tidak seimbang, kerana jurang perbezaan pendapatan masih lagi luas. Tetapi sungguhpun demikian kita patut bersyukur kerana keadaan kemiskinan di negara kita adalah berbeza sekali jika dibandingkan dengan kemiskinan yang terdapat di negara-negara lain yang sedang membangun, di mana kemiskinan biasanya dikaitkan dengan kelaparan, kebuluran dan tempat tinggal yang tidak memuaskan yang boleh melindungi mereka dari hujan dan

panas. Di negara-negara yang kurang bernasib baik ini, kemiskinan biasanya dihubungkan dengan keadaan kekurangan makanan yang meluas dan keterlaluan, kelaparan yang berterusan serta diserang penyakit dan berlakunya kematian di sana-sini. Tetapi bentuk kemiskinan yang demikian tidak wujud di negara kita. Kemiskinan yang terdapat di negara kita adalah lebih bersifat relatif dan dikira berasaskan kedudukan sebuah isi rumah berbanding dengan isi rumah yang lain. Dalam pada itu pula rakyat negara kita juga mampu menghantar derma kepada mangsa-mangsa kebuluran yang berlaku di negara-negara lain seperti di Afrika misalnya. Ini adalah merupakan satu nikmat yang dianugerahkan oleh Tuhan, dan kita harus bersyukur kepadanya.

Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kerajaan akan terus memberi perhatian yang lebih kepada sektor luar bandar di mana terdapat sebahagian besar nelayan-nelayan dan petani-petani yang miskin, dengan cara menambahkan lagi program-program penibasmian kemiskinan di samping mengadakan peruntukan dan kakitangan yang cukup. Ini adalah selaras dengan apa yang disarankan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku di dalam Titah Ucapannya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi mesej yang ingin disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku ialah mengenai kejayaan demokrasi berparlimen yang diamalkan oleh negara kita sekarang ini. Ianya merupakan sistem yang terbaik dalam keadaan sekarang bagi menjamin hasrat dan aspirasi rakyat. Rakyat adalah berkuasa dan berhak memilih wakil yang mereka suka melalui pilihanraya. Hak dan kuasa ini dijamin oleh Perlembagaan kita. Rakyat juga adalah diberi kuasa dan hak untuk menentukan corak dan bentuk Kerajaan yang mana yang mereka

suka. Ini adalah satu kebebasan mutlak yang harus digunakan dengan sebaik-baiknya. Hak ini adalah sama tanpa mengira pangkat, keturunan dan agama. Mereka bebas bercakap dan bersuara di mana-mana sahaja asalkan tidak melanggar undang-undang dan peraturan-peraturan yang tertentu.

Kita patut lagi bersyukur di atas nikmat ini kerana kita diberi kebebasan menentukan sendiri nasib masa depan kita tanpa didorong oleh mana-mana pihak dari luar. Kita patut bersyukur kerana kita berada di Malaysia. Kita juga patut bersyukur kerana tidak dilahirkan di Vietnam, kerana kita tidak dilahirkan di Kampuchea, kerana kita tidak dilahirkan di Palestin dan juga kerana kita tidak dilahirkan di Afghanistan. Tetapi dalam pada itu malangnya hari ini ada terdapat golongan yang tertentu yang ingin berkuasa melalui proses demokrasi ini telah salahgunakan hak dan kebebasan mereka dengan cara yang boleh merosakkan demokrasi itu sendiri melalui tindak tanduk yang boleh memecahbelahkan rakyat. Hasil daripada tindak tanduk mereka yang tamak dan gila kuasa ini telah pun membawa akibat yang buruk di mana rakyat menjadi berpuak-puak, berprasangka di antara satu sama lain. Isu-isu yang dibawa yang bukan sahaja berdasarkan kepada sentimen tetapi juga menggunakan agama sebagai alat kepentingan politik mereka melalui putarbelit dan tafsiran-tafsiran mereka sendiri tanpa mengira ianya betul ataupun tidak, seolah-olah mereka ini tidak takut kepada dosa yang akan diterima kelak.

Akibat daripada tindak tanduk mereka yang tidak bertanggungjawab ini telah menimbulkan kekeliruan-kekeliruan di kalangan setengah rakyat. Ada di antaranya telah terpesong akidah mereka. Dan ada

yang terkeliru yang mana satu wajib, yang mana satu sunat, yang mana satu halal dan yang mana satu haram. Bukan itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, krisis nilai wujud di kalangan masyarakat kita hari ini terutama sekali di kalangan masyarakat Melayu di mana yang baik itu dikatakan tidak baik. Yang betul itu dikatakan tidak betul dan di sebaliknya. Misalnya Amanah Saham Nasional yang baik itu dikatakan tidak baik. Bank Islam yang betul itu dikatakan tidak betul, kulit sahaja, katanya. Di sebaliknya mengadakan dua sembahyang Jumaat dalam satu kampung ataupun mukim. Yang tidak betul itu dikatakan betul dan terus diamalkan. Juga, akibat dari tindak tanduk golongan yang disebutkan tadi telah menimbulkan krisis moral di kalangan masyarakat Melayu di mana ibu bapa dan sanak saudara yang tidak sealiran dan sehaluan politik tidak lagi hormat-menghormati di antara satu sama lain. Ada di antaranya yang telah berkerat rotan dan berpatah arang. Kunjung mengunjung di antara satu sama lain sudah tidak ada lagi. Suami isteri terpaksa bercerai. Ada di antaranya terpaksa dinikahkan sekali lagi. Ayah terpaksa berpisah dengan anak dan berbagai-bagai lagi peristiwa yang sedih yang anih tetapi berlaku di kalangan masyarakat Melayu kita pada hari ini di mana ianya tidak pernah berlaku sebelum ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, golongan ini telah pun meracuni fikiran anak-anak muda kita dengan berbagai-bagai dakyah dan fitnah dan telah pun menular dan merebak ke sekolah-sekolah dan institusi-institusi pelajaran tinggi sama ada di dalam ataupun di luar negeri. Ini bermakna generasi masa depan kita telah pun dirosakkan oleh golongan ini. Satu dosa yang besar dilakukan oleh golongan ini dan tidak seharusnya diberi keampunan kerana mereka telah mengkhianati generasi masa depan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, akibat dari tindak tanduk mereka ini juga lahirah golongan yang tidak patuh dan menghormati undang-undang dan peraturan-peraturan yang dibuat oleh Parlimen kita. Mereka ini tidak segan silu melanggar sekatan jalan raya dan membawa senjata-senjata yang merbahaya di mana-mana sahaja mereka pergi. Anggota-anggota Keselamatan kita tidak diindahkan lagi, dicemuh-cemuh dan diejek-ejek oleh mereka. Mereka ini tidak lagi mengenangkan jasa dan budi yang ditaburkan oleh Anggota Keselamatan yang menjaga keselamatan mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ini tidak harusnya kita biarkan bebas begitu sahaja. Mereka ini adalah golongan pelampau dan ianya tidak diingini dan juga merupakan musuh negara yang ketiga selain dari dadah dan komunis sebagaimana yang disarankan dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Golongan yang dimaksudkan ini jika sekiranya kita biarkan mereka bergerak dengan bebas dalam negara kita ianya mungkin boleh mengancam keselamatan negara kita dan akan timbul sistem anarchy di negara kita. Jadi tindakan awal hendak diambil sebelum ianya terlewat dan sebelum nasi menjadi bubur. Peristiwa FELDA Lubuk Merbau janganlah berulang lagi. Kita jangan bimbangkan apa dunia luar kata. Kerana ini adalah merupakan hal ehwal dalam negara kita. Pedulikan suara-suara sumbang yang mungkin diperkatakan oleh pertubuhan kecil seperti Amnesty International misalnya kerana mereka tidak akan meratap di atas darah yang akan mengalir di atas bumi negara kita. Mereka tidak akan memberi pertolongan apabila negara kita menjadi kucar-kacir. Oleh yang demikian, saya berharap pertingkatkan lagi tindakan terhadap golongan ini semoga sistem demokrasi

berparlimen di negara kita akan terus terpelihara.

Sekiranya sistem demokrasi berparlimen ini dapat dipelihara dan tidak diganggu gugat oleh golongan pelampau ini rakyat juga akan turut terpelihara. Mereka dapat menggunakan hak mereka tanpa diperas ugut dan ditakut-takutkan maka lahirlah Ahli Parlimen dan Wakil Rakyat yang benar-benar mewakili mereka serta dapat berkhidmat dengan baik dan berkesan kepada negara, bangsa serta agama.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini, izinkan saya mengambil kesempatan untuk bercakap sedikit mengenai Ahli-ahli Parlimen ataupun Wakil Rakyat. Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan agar Ahli-ahli Parlimen dapat memainkan peranan dan tanggungjawab terutama sekali Ahli-ahli Parlimen dari Backbencher ataupun bukan Kerajaan, saya sarankan di sini agar mereka diberikan kemudahan yang lebih lagi. Saya tidak bermaksud bahawa mereka ini tidak diberi sebarang kemudahan tetapi ianya tidak mencukupi. Ahli-ahli Parlimen adalah dianggapkan sebagai "Jack of all trades" oleh rakyat. Selain dari menjadi tempat mengadu mereka juga kadang-kadang pada masa yang sama menjadi kerani dan budak pejabat dan berbagai-bagai lagi. Mereka tidak ada pejabat melainkan rumah tempat tinggal mereka dijadikan pejabat dan kadang-kadang kereta mereka sendiri dijadikan pejabat. Sungguhpun ada setengah Ahli Parlimen melalui inisiatif mereka sendiri serta menggunakan perbelanjaan mereka sendiri telah pun mengadakan pejabat masing-masing tetapi tidak ramai yang dapat berbuat demikian. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya syorkan di sini supaya Kerajaan membuat kajian tentang kemungkinan Wakil Rakyat ini dijadikan satu institusi di mana mereka diberi pejabat yang khusus dan dibekalkan

dengan beberapa orang pembantu dan alatan pejabat. Namun demikian, baik buruknya Wakil Rakyat ini di institusikan perlu dibuat kajian terlebih dahulu, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya berpendapat ia patut diinstitusikan. Dengan hal yang demikian, dapatlah Wakil-wakil Rakyat, Ahli Parlimen berkhidmat dengan lebih cekap dan berkesan sesuai dengan hasrat dan cita-cita Duli Yang Maha Mulia Tuanku melalui Titah Ucapan Baginda.

Sekian, saya pohon mencadangkan.

4.14 ptg.

Tuan Seow Hun Khim (Bukit Mertajam): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita sungguh bertuah sekali sebab Malaysia mempraktikkan sistem pemerintahan bercorak demokrasi berparlimen dan kita mesti bangga dengan hakikat bahawa sejak tahun-tahun yang lepas kita telah menegakkan tradisi Parlimen kita. Banyak negara-negara yang baru mencapai kemerdekaan telah berusaha mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi tetapi banyak negara-negara ini yang juga gagal dalam usaha mereka disebabkan kekurangan tradisi Parlimen. Inilah perbezaan yang dapat kita lihat. Kejayaan atau kegagalan sesuatu sistem amat bergantung pada rakyat jelata sama ada mereka sanggup memastikan perjalanan sistem tersebut sebagaimana yang diharapkan. Kita sungguh bernasib baik kerana di Malaysia, kita telah memupukkan sistem ini dengan berjaya sejak negara ini mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Oleh itu, adalah merupakan tugas semua untuk menjadikan sistem ini berjalan dengan efektif.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Di negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum seperti Malaysia, kita mesti pastikan supaya

wujudnya pertuturan yang bertanggungjawab dalam Parlimen. Forum Parlimen mesti digunakan untuk mengemukakan pandangan-pandangan yang bersifat konstruktif dan kritikan ke atas Kerajaan. Ianya tidak patut digunakan sebagai forum bagi perbuatan memperluaskan kuasa politik peribadi dengan kata-kata mulut dan gimik-gimik sendiri. Selaku wakil-wakil pilihan rakyat, kita mesti hadapkan pandangan-pandangan konstruktif ataupun kritikan demi memenangi sesuatu perdebatan dengan berdasarkan fakta-fakta serta angka-angka dan bukan perasaan. Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, latihan mengawal diri mesti diadakan supaya tidak menjejaskan kemuliaan Dewan ini. Tidak lama lagi kita akan merayakan ulangtahun Parlimen yang ke 25. Biar kita berusaha dengan tekun supaya dapat kita memberi sumbangan kita ke arah memperkukuhkan lagi tradisi yang telah kita asaskan supaya kita dapat pastikan supaya dalam 25 tahun yang akan datang, sistem ini akan diperkukuhkan dengan selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, masalah penagihan dadah adalah masalah yang paling mengkhawatirkan. Adalah betul bahawa undang-undang mesti digubal untuk menghapuskan masalah penyalahgunaan dadah dan seterusnya mengawasinya. Penagihan dadah akan menghilangkan tenaga penagih dan akhirnya membawa maut. Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, lebih banyak tindakan bersama mesti dijalankan untuk menunjuk kesan-kesan buruk yang diakibatkan oleh masalah penagihan dadah. Orang ramai mesti dididik supaya menjauhkan diri dari dadah. Kita mesti bermula di kalangan mereka yang masih kecil lagi dan menyedarkan diri mereka tentang masalah penagihan dadah. Sungguhpun melalui berbagai agensi, pihak Kerajaan telah banyak mempropagandakan kecelakaan

penyalahgunaan dadah, tetapi saya percaya bahawa satu kempen bersama mesti dilakukan demi menghapuskan kecelekaan ini. Undang-undang yang lebih keras mesti digubal ke atas pengedar-pengedar dadah dan mereka yang terlibat dalam pengedaran-pengedarannya.

Tuan Yang di-Pertua, tahniah mesti diucapkan kepada pihak Kerajaan di atas usaha menubuhkan sebuah Jawatankuasa Parlimen untuk mendengar pandangan-pandangan orang ramai terhadap Rang Undang-undang yang dicadangkan. Ini penting sebab kempen memerangi pengedaran dan penagihan dadah boleh mencapai taraf kejayaan yang lebih tinggi sekiranya terdapat penglibatan orang ramai yang menyeluruh. Kita mesti berusaha untuk menyelamatkan mereka yang sedang menuju ke arah menyalahguna dadah serta menjauhkan mereka dari kecelakaan ini. Masalah ini mesti dikawal sebab kita tidak mampu membiarkan pemuda-pemudi kita dipengaruhi oleh kecelakaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, telah dikatakan bahawa pemuda-pemudi hari ini adalah pemimpin-pemimpin negara esok. Mereka adalah harta-harta yang bernilai. Kita mesti berusaha menyediakan panduan-panduan baik kepada mereka supaya mereka akan dijadikan rakyat yang berguna kepada negara serta boleh menyumbang ke arah pembinaan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai negara yang berbilang kaum, kita mesti sediakan alam persekitaran yang sesuai bagi pemuda-pemudi dari pelbagai komuniti demi mengintegrasikan mereka dalam aktiviti-aktiviti nasional. Malaysia harus merupakan sebuah negara yang terdiri daripada rakyat yang bersatu-padu. Ia tidak patut merupakan sebuah negara yang terdiri daripada

bahagian-bahagian komuniti yang berlainan. Aktiviti-aktiviti belia dan pertukaran belia mesti membatasi garis-garis kaum. Kalau boleh, lebih banyak dorongan mesti diberi untuk mengadakan pertukaran dan lawatan di antara pertubuhan-pertubuhan belia demi memajukan proses integrasi dan dalam jangka panjang, negara ini pasti beruntung.

Tuan Yang di-Pertua, semasa negara kita sedang berganjak ke era teknologi tinggi dan perindustrian, kita mesti memastikan supaya kita mempunyai sumber-sumber tenaga buruh yang mencukupi untuk membantu negara merealisasikan programnya. Program perindustrian menyeru tingkat penyertaan yang lebih tinggi dalam semua sektor ekonomi. Tetapi demi kejayaan program perindustrian, kita perlu mengubahsuaikan pemikiran rakyat kita. Perasaan was-was cenderung wujud pada permulaannya, kita mesti tidak benarkan keraguan itu melengah-lengahkan usaha kita dan akhirnya tidak melakukan apa-apa dalam usaha kita. Sekiranya kita tidak bermula, maka kita pasti tidak akan berjalan pada akhirnya.

Kita mesti bersikap berani dalam bidang-bidang perindustrian di mana kita mempunyai pengetahuan teknikal. Ini penting sebab ia menyeru negara kita menggunakan sumber-sumber tenaga buruh yang kita ada dalam aspek ini. Teknologi industri akan berkembang maju semasa kita berusaha dalam bidang perindustrian. Sekiranya kita tidak memiliki kemahiran itu, maka kita boleh impornya dan melatih mereka yang mahir. Ketika proses perindustrian dilakukan, kita boleh melatih tenaga buruh kita untuk meneruskan program kita.

Tuan Yang di-Pertua, program perindustrian menyeru tingkat liberalisasi yang lebih tinggi dalam

sistem pelajaran tinggi negara ini. Kita mesti mempunyai satu sistem pelajaran tinggi yang liberal di mana kita boleh latih tenaga buruh yang diperlukan dalam bidang-bidang yang mengalami kekurangan. Penekanan lebih mesti diberikan kepada sektor swasta untuk memainkan peranannya dalam bidang pendidikan tinggi. Ini akan mengurangkan beban kewangan Kerajaan dalam menanggung institusi-institusi pelajaran tinggi dan biar sektor swasta mengkongsi sebahagian daripada beban melatih tenaga buruh yang diperlukan serta kemahiran-kemahiran dalam usaha perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sungguh bertuah sebab kita tidak perlu melalui berbagai-bagai tahap pembangunan demi berganjak ke era perindustrian. Kebanyakan negara-negara industri telah mengambil masa yang panjang untuk mencapai tahap dan tingkat pembangunan yang mereka nikmati kini. Bagi Malaysia, kita boleh belajar dari pengalaman-pengalaman negara-negara ini. Lantas itu dapat mencapai taraf pembangunan itu dalam jangka masa yang lebih pendek. Dalam aspek ini, kita anggap diri kita sungguh bertuah sekali.

Tuan Yang di-Pertua, masa sudah sampai di mana konsep Amanah, Bersih dan Cekap mesti diberi penekanan semula. Adalah mustahak supaya konsep ini mesti memandaikan cara hidup rakyat kita. Konsep ini tidak terhad kepada pihak Kerajaan sahaja. Pengertiannya juga mesti disemai dalam sanubari rakyat jelata. Kita mesti beri penekanan semula ke atas konsep ini sebagai simbol Kerajaan Barisan Nasional— Kerajaan yang dipercayai, bersih dan efisien.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, kita sungguh terhutang budi kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong yang telah memberi

kita panduan dan nasihat arif Baginda dan saya yakin, ini akan menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih baik bagi semua rakyat, sebuah negara di mana aspirasi semua rakyat akan dipenuhi

Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong usul mengucapkan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Baginda. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.29 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Tuanku kepada kedua-dua Dewan Parlimen semalam.

Semenjak menaiki takhta setahun dahulu, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah membuatkan rakyat Malaysia sayang padanya kerana sifat-sifat simple dan rasa pandang berat Baginda terhadap kebajikan rakyat. Kedua-dua sifat ini terbukti dengan nyata semasa pembukaan penggal baru Parlimen semalam. Parti DAP ingin mengambil kesempatan ini untuk berdoa agar pemerintahan Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong akan menjadi satu pemerintahan yang gemilang. Seperti dititah oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, sistem demokrasi berparlimen di Malaysia telah berusia lebih suku abad. Parlimen Malaysia kini sedang merayakan ulangtahun ke-25nya dan tidak ada cara yang lebih baik dan sesuai untuk merayakan ulangtahun ke-25 itu kecuali dengan mengadakan satu kajian dan pemeriksaan semula yang menyeluruh di peringkat kebangsaan ke atas 25 tahun yang lalu

serta mencadangkan perakuan-perakuan untuk memperbaiki fungsinya untuk 25 tahun akan datang ini.

Semalam apabila Ahli-ahli Parlimen dari kedua-dua Dewan berhimpun di Dewan Rakyat untuk menunggu keberangkatan tiba Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Permaisuri Agong untuk penyampaian Titah Ucapan Di Raja, satu kegendalaan telah berlaku apabila Bentara-bentara Parlimen mendapati bahawa loceng yang seharusnya berbunyi terlebih dahulu telah rosak. Kegendalaan ini adalah amat simbolik, simbolik yang harus mengingatkan semua Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa terdapat juga kegendalaan dalam perjalanan demokrasi berparlimen sejak 25 tahun ini yang telah mengakibatkan hakisan dan susutan dalam peranan, tanggungjawab dan taraf Parlimen seperti dijangkakan dahulu oleh pengasas-pengasas negara ini apabila kita mencapai merdeka dalam tahun 1957. Mana-mana pemerhati yang bebas dan tidak berat sebelah, sudah pasti akan bersetuju bahawa idea merdeka mengenai Parlimen sebagai sebuah Dewan Perundangan dan Perbincangan yang tertinggi sekali di negara ini yang mewakili kemahuan tertinggi rakyat telah tertakluk kepada serangan sistematik sejak 25 tahun kebelakangan ini dengan mengurangkan Parlimen menjadi seolah-olah sebuah rubber stamp untuk memberi kelulusan formal kepada apa yang sudah diputuskan oleh Jemaah Menteri.

Rakyat telah begitu membiasakan diri dengan peranan Parlimen yang mengusutkan itu seakan-akan Kerajaan telah menjadi sebuah jabatan kecil di Jabatan Perdana Menteri bahawa tidak ada sesiapa pun yang akan berasa tidak kena bahawa Perayaan Jubilee Perak Parlimen

Malaysia diputus dan diorganisasikan oleh Kerajaan dan bukan oleh Parlimen sendiri. Pada teorinya pihak Eksekutif adalah bertanggungjawab kepada Parlimen akan tetapi pencerobohan dan perampasan kuasa-kuasa dan peranan Parlimen telah berlaku sehingga Parlimen telah menjadi seolah satu tambahan (appendage) kepada Kerajaan. Akibatnya Parlimen telah bertambah menjadi tidak relevan terhadap masalah-masalah dan aspirasi-aspirasi rakyat.

Saya akan memberi satu contoh, pada bulan Mac, 1983, Yang Berhormat dari kawasan Bandar Kuching telah cuba menenguhkan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat untuk tujuan membahaskan laporan terperinci "Asean Wall Street Journal" mengenai skandal Bumiputra Malaysia Finance yang mana laporan tersebut telah melaporkan bagaimana pegawai-pegawai BMF telah menggunakan kedudukan mereka untuk mendapatkan pinjaman-pinjaman dan kemudahan-kemudahan kredit bagi diri mereka. Dalam satu perbuatan yang tidak bertanggungjawab yang amat malakukan, Parlimen langsung tidak menunjukkan minatnya dalam skandal BMF di saat itu kerana Kerajaan telah menafikan secara umum bahawa tidak berlaku apa-apa kejurangan dan rakyat Malaysia terpaksa menunggu selama 20 bulan lagi untuk membaca tentang skandal BMF dalam laporan-laporan Jawatankuasa Penyiasatan Ahmad Noordin. Saya syaki bahawa dalam sejarah 25 tahunnya, kedudukan Parlimen Malaysia dalam kaca mata rakyat tidak serendah seperti sekarang. Demi kepentingan dan masa depan Malaysia, rakyat Malaysia harus mengambil kesempatan perayaan ulangtahun ke-25 Parlimen ini untuk bukan sahaja menganjurkan pameran atau memuji demokrasi berparlimen kita, tetapi juga menjalankan satu pemeriksaan

semula (self-examination) yang mendalam dan menyeluruh ke dalam sistem dan perjalanan demokrasi berparlimen kita supaya dapat mengembalikan Parlimen ke tahapnya yang terkemuka di Malaysia dan juga di kaca mata rakyat.

Sebuah Suruhanjaya di Raja hendaklah ditubuhkan untuk mengkaji perjalanan demokrasi berparlimen sejak 25 tahun kebelakangan ini serta membuat perakuan-perakuan untuk memperbaikinya untuk 25 tahun akan datang dan laporan Suruhanjaya di Raja itu hendaklah dibentangkan di dalam Parlimen untuk dibahaskan untuk menandakan puncak Kerajaan atau puncak kejayaan (soul searching) nasional ini.

Tuan Yang di-Pertua, Jubilee Perak Parlimen hanya akan bermakna sekiranya ia menyebabkan satu komitmen baru di kalangan rakyat kita di seluruh pelusuk masyarakat untuk mengembalikan kepada Parlimen kuasa-kuasa dan peranannya serta juga relavannya. Pemeriksaan diri seumpama itu hendaklah dijalankan di dua peringkat, pertama, satu pengkajian mengenai betapa perlunya diadakan reformasi-reformasi Parlimen yang melibatkan procedure, amalan dan convention Parlimen untuk membenarkan Ahli-ahli Parlimen menjalankan peranan mereka sebagai Ahli Dewan Perundangan dan Perbincangan yang tertinggi sekali di negara ini. Sejak kebelakangan ini pindaan-pindaan yang piecemeal telah dibuat kepada peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat akan tetapi pindaan-pindaan ini mempunyai satu matlamat yang sama menyekat hak-hak kebebasan Ahli Parlimen khasnya daripada pihak pembangkang daripada menyuarakan hasrat rakyat di Parlimen.

25 tahun dahulu Parlimen telah bersidang selama lima jam setiap hari mesyuarat, tetapi kini sungguhpun

bilangan Ahli Parlimen telah bertambah dan Kerajaan telah memegang tanggungjawab yang lebih meluas serta melipatgandakan perbelanjaan, Parlimen hanya bersidang selama empat jam sehari. Dalam tahun 60an Ahli-ahli Parlimen boleh bertanya tiga soalan mulut sehari dan bilangan soalan-soalan bertulis tidak terhad. Tetapi dalam tahun 70an pula Ahli-ahli Parlimen hanya dibenarkan mengemukakan 20 soalan lisan setiap kali Parlimen bermesyuarat walaupun mesyuarat tersebut berlangsung selama dua bulan dan Soalan-soalan Bertulis dihadkan kepada lima sahaja setiap kali Parlimen bermesyuarat. Apabila Ahli-ahli Parlimen DAP menggunakan peruntukan mengemukakan Rang Undang-undang Ahli-ahli Persendirian yang sedia ada dalam Peraturan Majlis Mesyuarat untuk mencadangkan undang-undang baru, Kerajaan telah meminda Peraturan Majlis Mesyuarat untuk mengubah susunan Aturan Urusan Mesyuarat Parlimen untuk membunuh peruntukan tersebut.

Kecenderungan-kecenderungan seumpama ini untuk menyekat kebebasan Wakil-wakil Rakyat untuk menyuarakan hasrat rakyat telah dituruti oleh berbagai-bagai Dewan Negeri sehingga dalam sebuah negeri iaitu di Negeri Melaka, Kerajaan Negeri dalam satu masa mendapati bahawa masa soal jawab adalah begitu menyusahkan sehingga peraturan Majlis Mesyuarat dipinda untuk menjadikan masa soal jawab sebagai item yang terakhir sekali dalam aturan urusan mesyuarat dan bukan item yang pertama mengikut amalan Parlimen. Lain-lain Parlimen telah bereksperimen dengan inovasi-innovasi untuk menjadikan Parlimen lebih relevan dan bermakna seperti dengan penubuhan Jawatankuasa-jawatankuasa Specialist Parlimen untuk membolehkan Ahli-ahli Parlimen untuk mengkhususkan diri

serta menyertai dalam proses membuat dasar, tetapi di Malaysia nampaknya kita lebih berminat mencipta cara-cara baru untuk menafikan Backbenchers khususnya dari Pembangkang peluang untuk menyuarakan hasrat rakyat di dalam Parlimen.

Selain daripada amalan-amalan, prosedur-prosedur dan konvensyen-konvensyen Parlimen, Suruhanjaya di-Raja hendak juga mengkaji keadaan perlembagaan, undang-undang dan politik yang menghalang operasi bebas sistem demokrasi berparlimen.

Pertama, Kerajaan yang memerintah hendaklah menghormati hak rakyat untuk memilih Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri mereka sendiri tanpa berasa takut yang mereka akan dimangsakan atau didiskriminasikan seperti berlaku sungguh malangnya di Tambunan pada bulan Disember yang lalu selepas pilihanraya kecil Negeri Sabah.

Kerajaan BERJAYA Negeri Sabah mengumumkan pemansuhan taraf daerah Tambunan selepas calon BERJAYA Roger Ongkili tewas kepada seorang calon bebas, Datuk Joseph Pairin Kitingan dalam satu pilihanraya kecil pada 29hb Disember.

Sungguhpun Ketua Menteri Sabah kemudian telah menafikan bahawa taraf daerah Tambunan dimansuhkan dan bahawa hanya perubahan-perubahan pentadbiran dibuat kepada daerah tersebut, tidak boleh dinafikan bahawa Kerajaan Negeri BERJAYA cuma membias atau deflect kemarahan dan kutukan seluruh negara terhadap tindakan dictatorial yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Sabah khususnya Ketua Menternya.

Malah, dua pemimpin kerajaan BERJAYA telah membela secara umum tindakan untuk memansuhkan taraf daerah Tambunan. Menteri

Kewangan Negeri Sabah, Datuk Haji Muhammad Noor Mansor dalam satu laporan muka satu di akhbar *Daily Express* pada 9hb Januari menegaskan bahawa pemansuhan taraf daerah Tambunan adalah dalam lingkungan "hak-hak politik" BERJAYA sementara Timbalan Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Suffian Koroh telah dalam satu kenyataan pada 14hb Januari membela pemansuhan tersebut dengan mengatakan bahawa Kerajaan Negeri hanya akan memberi pembangunan, peluang-peluang ekonomi dan lain-lain faedah untuk penyokong-penyokong sahaja.

Apa yang dilakukan di Tambunan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Ketua Menteri Sabah tidak kurang daripada diskriminasi terhadap pemilih-pemilih Tambunan yang telah menggunakan hak pilihan bebas mereka untuk mengundi seorang wakil rakyat yang mereka kehendaki.

Semasa mempertahankan tindakan ini Tan Sri Suffian Koroh telah memetik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai berkata selepas salah satu lawatannya ke Sabah bahawa rakyat tidak seharusnya menggigit tangan yang menyusukan mereka atau "bite the hand that fed them".

Ini bukan sahaja tidak logik tetapi juga bertentangan dengan kebenaran kerana sekiranya ada apa-apa penyusuan (feeding) rakyatlah yang menyusu Kerajaan dan bukan sebaliknya. Wang yang digunakan oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan untuk apa yang dikatakan pembangunan bukanlah wang peribadi Menteri-menteri tetapi wang rakyat yang didapati daripada cukai. Oleh sebab itu sekiranya ada sesiapa yang tidak kenang budi, mereka itu adalah pemimpin-pemimpin kerajaan yang mahu menafikan rakyat hak untuk

membuat pilihan bebas sungguhpun merekalah yang disusukan oleh rakyat dan bukan sebaliknya.

Kes Tambunan harus menjadi satu kes kajian yang menarik yang harus dikaji oleh Suruhanjaya Di-Raja tentang bagaimana politik wang dan ketakutan telah melemahkan perjalanan lancar demokrasi berparlimen.

Perlembagaan Malaysia hendaklah dipinda untuk menjadikan pelaksanaan pilihan politik tanpa berasa takut akan berlaku apa-apa diskriminasi sebagai satu hak asasi dan hendaklah dijadikan sebagai satu kesalahan bagi sesiapa pun untuk mengambil tindakan-tindakan yang bersifat mendera seperti pemansuhan taraf daerah Tambunan atau menurunkan taraf pentadbirannya sebagai satu jenis hukuman terhadap keputusan pilihanraya yang dibuat oleh rakyat yang tidak menguntungkan partai pemerintah.

Satu lagi aspek yang harus dikaji oleh Suruhanjaya Di-Raja ialah ia harus mengkaji halangan-halangan yang menghalang kebebasan berucap, berhimpun dan berpersatuan yang menjadikan rakyat begitu sukar untuk melaksanakan hak demokrasi mereka untuk membuat pilihan serta juga penyalahan-penyalahan pilihanraya yang dilakukan oleh partai pemerintah. Umpamanya rapat-rapat umum telah diharamkan dan ini menjejaskan sangat pihak pembangkang sementara partai-partai pemerintah begitu bebas menganjurkan rapat-rapat umum yang bertopengkan majlis-majlis Kerajaan untuk berkempen mendapatkan undi.

Esok, Tuan Yang di-Pertua, Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh akan mengadakan satu rapat umum untuk pegawai-pegawai Kerajaan, pekerja-pekerja badan-badan berkanun dan juga orang-orang ramai

di Sandakan yang jelas memperlihatkan pelancaran rasmi kempen pilihanraya umum BERJAYA bagi Negeri Sabah di Sandakan dan adalah jelas menyalahi dua undang-undang dalam satu perbuatan yakni dia menyalahi pengharaman ke atas rapat umum serta pengharaman ke atas kempen pilihanraya sebelum hari penamaan calon.

Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, adakah bangkit mengenai Peraturan Mesyuarat atau minta jalan?

Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau: Saya cuma minta jalan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat beri jalan?

Tuan Lim Kit Siang: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Yang Berhormat tadi telah pun membangkitkan perkara Tambunan di mana dikatakan bahawa Kerajaan Negeri Sabah memansuhkan taraf daerah Tambunan. Tetapi saya rasa tidak perlu dibangkitkan di sini sebab telah pun diterangkan selepas perkara ini berlaku dengan secara terang bahawa taraf kedaerahan Tambunan tidak dimansuhkan cuma satu penukaran pentadbiran.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Ahli dari Kota Melaka tadi menyatakan bahawa Yang Amat Berhormat Ketua Menteri akan mengadakan perjumpaan rapat umum esok. Sukalah saya menyatakan di

sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah selalu pun mengadakan perjumpaan sama ada dengan pegawai-pegawai Kerajaan ataupun rakyat untuk mendengar masalah dan apakah yang kita boleh buat jika sekiranya ada masalah. Itu bukan sahaja sebelum pilihanraya tetapi ini kemungkinan kena dia sebelum pilihanraya sebab sebelum ini pun memang sudah ada perjumpaan-perjumpaan di antara Ketua Menteri dengan pegawai-pegawai Kerajaan dan juga orang-orang ramai di negeri Sabah. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mengucapkan terima kasih. . . .

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dari Sabah mengenai kedua-dua penjelasan.

Sebenarnya mengenai Tambunan tadi saya pun ada sebut, kemudian ada satu percubaan menafikan ada pertukaran status kedaerahan Tambunan, tetapi tidak boleh dinafikan bahawa pada awal-awal ada tujuan, ada niat itu dan saya pun ada sebut kedua-dua pemimpin BERJAYA yang ada buat bukan sahaja kenyataan, tetapi kenyataan untuk mempertahankan apa yang tidak boleh ditahankan, iaitu seorang Timbalan Ketua Menteri dan seorang Menteri Kewangan dan selepas itu barulah cuba satu usaha untuk mengatakan bahawa tidak menurunkan taraf pentadbiran kedaerahan tetapi hanya perubahan-perubahan pentadbiran.

Saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak boleh nafikan, bahawa pemindaan atau perubahan pentadbiran di Tambunan akhirnya mengakibatkan perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat

dan penduduk-penduduk di Tambunan lebih kurang dan sungguhpun masa ini tidak berani dengan secara terus terang untuk menghukum penduduk-penduduk dan pengundi-pengundi di Tambunan, tetapi tindakan serupa itu ada dijalankan, itulah satu perbuatan diskriminasi, satu perbuatan kotor politik, satu perbuatan yang, dengan izi, intimidasi dan tidak patut dibenarkan dalam satu negara yang. . . .

Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau: Saya minta jalan?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta jalan.

Tuan Lim Kit Siang: yang adil, yang kotor. Kalau mahu jelas boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka balik-balik mengatakan bahawa Kerajaan Negeri Sabah memansuhkan taraf daerah Tambunan, akan mengambil tindakan untuk memansuhkan, tetapi yang jelas sekarang ini, tindakan yang dibuat sama ada daerah Tambunan dimansuhkan, sama ada daerah Tambunan ini diabolishkan, dengan izin, tetapi masih ada lagi; daerah Tambunan, masih kekal sebagai daerah dan ada seorang pegawai khas yang ditugaskan untuk mentadbirkan daerah Tambunan dan tidak perlulah saya beri penjelasan di sini, sebab telah pun dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri sendiri, kenapakah kita adakan satu pegawai khas untuk daerah Tambunan dan bukan lagi Pegawai Daerah dan seterusnya perkhidmatan Kerajaan yang

disampaikan kepada rakyat kawasan Tambunan masih lagi diteruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berani untuk menafi bahawa ada pegawai-pegawai Kerajaan dipindah keluar daripada kawasan tersebut dan selepas pilihanraya kecil bilangan kakitangan-kakitangan dan pegawai-pegawai dikurangkan. Adakah beliau berani nafikan dan kalau dia salah menghadapi Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, oleh kerana sudah cakap bohong?

Timbalan Yang di-Pertua: Apa Yang Berhormat sudah hendak beri jalan? Belum diminta jalan lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tengok Yang Berhormat mahu berdiri.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri minta jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Oh! sudah jadi wakil untuk Ketua Menteri Sabah? MIC tidak cukup.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat!

Dato' K. Pathmanaban: Beri jalan atau tidak beri, itu sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Apa itu?

Dato' K. Pathmanaban: Saya minta, saya belum diberi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat hendak memberi jalan kepada Timbalan Menteri Kesihatan.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana saya lihat Yang Berhormat Timbalan Menteri dari Sabah pun berdiri, saya percaya mahu minta penjelasan, saya mahu beri chance kepada dia, MIC tidak payah campurtanganlah. . . .

Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Parti BERJAYA Negeri Sabah telah pun dalam kajiannya dari masa ke semasa dapat menentukan bahawa kemungkinan kita hendak kurangkan perkerja-pekerja, kakitangan Kerajaan di daerah Tambunan telah pun jelas, jadi secara kebetulan ini berlaku di mana sahaja selepas pilihanraya kita kena buat perubahan ini—secara kebetulan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: Akhirnya saya mahu tanya sahaja, adakah ini bererti kalau Roger Ongkili menang dalam kawasan Tambunan Kerajaan BERJAYA pun akan kurangkan kakitangan-kakitangan Kerajaan dalam Tambunan, akan kurangkan perkhidmatan Kerajaan dalam Tambunan. Adakah ini ertinya? Adakah ini bererti di mana kawasan BERJAYA menang perkhidmatan Kerajaan akan dikurangkan? Untuk pilihanraya besar akan datang ini di mana-mana BERJAYA menang perkhidmatan Kerajaan akan dikurang, kakitangan dan pegawai-pegawai Kerajaan akan dikurang, adakah ini benar?

Timbalan Yang di-Pertua: Duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Mahu jawab? Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat silakan.

Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau: Tuan Yang di-Pertua, selepas pilihanraya calon kita Roger Ongkili telah pun berkata dia menerima keputusan muktamad rakyat, Parti BERJAYA menerima juga keputusan rakyat, itulah sebabnya diadakan pilihanraya, kita percaya dengan sistem demokrasi.

Tuan Lim Kit Siang: Dia tidak menjawab soalan saya, sama ada benar bahawa kalau Roger Ongkili

menang, perkhidmatan Kerajaan di Tambunan akan dikurangkan, kakitangan akan dipindah keluar dan ini bererti pilihanraya besar akan datang ini di mana-mana kawasan BERJAYA menang pun akan dituruti dengan kekurangan perkhidmatan Kerajaan. Adakah ini tidak boleh mempertahankan apa yang tidak boleh dipertahankan, lebih baik jangan tahan, mahu jawab-jawab soalan yang tepat ini jangan cakap untuk menerima mandat, keputusan rakyat, tidak guna.

Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat bangun untuk penjelasan sekali lagi?

Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau: Saya jawab. Saya katakan tadi Tuan Yang di-Pertua, bahawa kajian ini diadakan dari masa ke semasa dengan secara kebetulannya berlaku, kalau sekiranya calon daripada BERJAYA menang kemungkinan itu ada.

Tuan Lim Kit Siang: Masalahnya Tuan Yang di-Pertua, bukan kemungkinan, tetapi sama ada keputusan sudah dibuat, kemungkinan itu tidak timbul bahawa sebelum hari undi sudah buat keputusan sama ada Roger Ongkili menang atau kalah, perkhidmatan Kerajaan di kawasan itu akan dikurangkan, kakitangan dan pegawai dipindahkan keluar dan kalau begitu kenapa BERJAYA sudah menipu rakyat dalam kawasan Tambunan dan tidak memberi satu gambaran yang benar, pilih BERJAYA atau pilih Datuk Joseph Taring? Kakitangan Kerajaan akan dipindah, perkhidmatan Kerajaan akan dikurang, kenapa BERJAYA sudah bohong? Kalau dalam pilihanraya kecil BERJAYA boleh bohong, dalam pilihanraya besar yang

akan datang lebih besar bohong, bukan? Dan Tuan Yang di-Pertua, mengenai penjelasan kedua.

Dato' K. Pathmanaban: Minta penjelasan?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta penjelasan, adakah hendak beri jalan?

Tuan Lim Kit Siang: Adakah MIC sudah masuk Sabah atau perlu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh beri chance.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat beri peluang, silakan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: BERJAYA sendiri tidak, mahu bantuan MIC. Tidak mengapa.

Dato' K. Pathmanaban: Saya tidak payah bantu BERJAYA, BERJAYA kuat sendiri, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya adalah lain. Tadi Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengatakan bahawa Yang Amat Berhormat Dato Ketua Menteri Sabah telah cuba mengintimidasikan politik dan manakutkan orang dan ini adalah satu yang tidak disukai oleh beliau. Tetapi saya hendak minta penjelasan adakah ini sama dengan apa yang dibuat oleh beliau sendiri. Apabila seorang ahli DAP dari Melaka telah masuk Barisan Nasional, Yang Berhormat dari Kota Melaka sendiri sebagai Setiausaha Agong DAP telah mogok sampai seminggu, tidak mahu cakap dengan orang dan telah mengatakan bahawa beliau hendak tinggalkan Parti dan hendak buat pengumuman yang penting dan sebagainya, untuk menakutkan orang

lain yang hendak meninggalkan DAP. Adakah ini juga sama dengan apa yang dibuat di Sabah atau lain?

Tuan Lim Kit Siang: Nampaknya Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Timbalan Menteri, pemimpin MIC logiknya pun tidak ada, takut, kalau itulah disifatkan sebagai perbuatan intimidasi siapa ditakutkan, tidak ada objek. Apa yang berlaku saya mahu mengambil masa ini untuk menjelaskan oleh kerana sudah berlaku kekotoran politik, political immorality.

Walaupun kita semua di sini dengar usaha Kerajaan mahu menerapkan nilai Islam supaya jujur, supaya bersih, supaya ada akhlak, tetapi pemimpin-pemimpin Kerajaan menyertai atau ambil bahagian dalam tindakan-tindakan yang tidak bermoral, yang tidak berakhlak dan MIC pun sokong, MIC apa pun sokong, kalau tidak sokong, kerusi pun tidak ada. Tetapi ini satu contoh bahawa perkara itu sebenarnya ialah sama ada dalam negara kita patut membenarkan political immorality di mana Ahli-ahli Parlimen atau Ahli-ahli politik dianggap, dengan izin, sebagai commodity, boleh beli, boleh jual; MIC boleh beli, boleh jual tetapi ada rakyat yang ada bermalu.

Dato' K. Pathmanaban: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta jalan lagi. Adakah Yang Berhormat hendak beri jalan?

Tuan Lim Kit Siang: . . . ada prinsip, seorang yang boleh mempertahankan "immorality".

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua. . . . (*Disampuk*).

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak akan memberi jalan.

Dato' K. Pathmanaban: Ahli Yang Berhormat ini tidak dapat buktikan apa dia kata.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak beri jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya tak mahu beri jalan. Seorang yang boleh mempertahankan "political immorality".

Dato' K. Pathmanaban: Beri jalanlah!

Tuan Lim Kit Siang: "Immoral, immoral MIC". MIC, IMC—immoral congress.

Saya berbalik penjelasan yang kedua, bahawa esok di Sandakan ada rapat umum, itulah satu perbuatan, selalu dibuat oleh Ketua Menteri sebagai Ketua Kerajaan, tetapi ini dalam masa "caretaker Government", Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan bukan yang biasa—"caretaker" supaya "transition" menghadapi di mana satu pilihanraya besar diadakan dan wujud satu Kerajaan yang baru dan satu Kerajaan yang "caretaker" ada tanggungjawab supaya tidak menyalahgunakan kuasa, kedudukan jentera Kerajaan untuk kempen. Kalau Ketua Menteri mahu memberi taklimat kepada kakitangan Kerajaan, kenapa bukan dalam bangunan Kerajaan, kalau itulah perlu. Tetapi ini nyata lagi satu perbuatan kotor, satu perbuatan "immoral", "political immorality", "immoral—Kotor dan sebenarnya bertentangan dengan kempen Kerajaan mahu menerapkan nilai-nilai Islam oleh kotor, tak adil, tak patut, tak akhlak.

Saya harap sebenarnya esok pihak polis akan ambil perhatian, Suruhanjaya Pilihanraya akan ambil perhatian, kenapa boleh berlaku langgar undang-undang. Adakah satu

undang-undang untuk pihak Pembangkang dan lagi lain undang-undang untuk Kerajaan, MIC sokonglah, MIC apa pun boleh sokong—immoral congress, immoral congress.

Tuan Yang di-Pertua, apakah jaminan-jaminan yang boleh diberikan oleh Suruhanjaya Pilihanraya, pihak polis dan Kerajaan Persekutuan bahawa pilihanraya umum Sabah yang bakal diadakan ini akan dijalankan dengan bersih serta amanah tanpa politik wang digunakan untuk undi yang biasanya menyebabkan pembaziran berjuta-juta ringgit di satu kawasan pilihanraya walhal undang-undang pilihanraya menghadkan perbelanjaan pilihanraya kepada hanya \$15,000 bagi setiap calon. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada Sabah memberitahu berapa wang belanja dia guna dalam pilihanraya dalam kawasannya, satu juta, setengah juta, suku juta?

Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau: Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan tuduhan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tanya, boleh jawab?

Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau: Tadi Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menuduh.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk kedua-dua orang. Adakah Yang Berhormat bangun tadi minta penjelasan atau membangkitkan Tertib Mesyuarat?

Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau: Saya kira minta jalan tadi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: Tak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Dia tak beri jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tanya belanja satu juta, setengah juta, suku juta, \$10,000, \$5,000 atau tak payah - percuma. Begitu juga dengan politik ugutan yang menakut-nakutkan pemilik-pemilik daripada menyokong pihak Pembangkang.

Pada penghujung minggu lalu Ketua Menteri Sabah telah tiba di Kuala Lumpur untuk memperolehi sokongan pemimpin-pemimpin parti Barisan Nasional dan meminta kehadiran mereka di Sabah untuk berkempen untuk BERJAYA, akan tetapi pengharaman ke atas kemasukan saya ke Negeri Sabah walaupun untuk kegiatan-kegiatan politik yang sah seperti terjamin oleh Akta Imigresen dan Perlembagaan Persekutuan masih dikekalkan secara wenang-wenang dan tidak sah. Inilah keadilan, ini MIC - immoral congress, betul, sebab saya tahu, immoral congress.

Satu lagi bidang yang patut dikaji oleh Suruhanjaya Diraja adalah media massa kerana melalui pengaruh serta kawalan mereka terhadap saluran-saluran perhubungan di negeri ini ia mempunyai kesan yang besar terhadap keadaan politik di negara ini. Daripada kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di sidang akhbar selepas Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Barisan Nasional di Kuala Lumpur pada hari Ahad yang lepas nampaknya "democratisation", dengan izin, yang am di Malaysia, khususnya "democratisation media massa" adalah unsur terakhir atau benda yang terakhir yang mungkin diterima oleh Kerajaan. Apa yang sebenarnya diinginkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah supaya semua suratkhbar di Malaysia dijadikan warta Kerajaan, MIC mahu warta "immoral congress".

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya minta dia tak sebut MIC dengan sewenang-wenangnya.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila duduk Yang Berhormat! Yang Berhormat Ahli dari Kota Melaka, Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun minta jalan, adakah Yang Berhormat beri jalan?

Tuan Lim Kit Siang: Sebelum dia minta jalan, dia sudah cakap. Mahu tarik balik, apa sudah cakap yang dia cakap tanpa kebenaran, dia mahu tarik balik.

Dato' K. Pathmanaban: Minta jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Tak mahu beri immoral congress!

Timbalan Yang di-Pertua: Dengan izin, Yang Berhormat - "immoral". Sudah beberapa kali Yang Berhormat sebut perkataan Inggeris tanpa izin.

Tuan Lim Kit Siang: Itu "congress immoral".

Timbalan Yang di-Pertua: Dalam Bahasa Malaysia tidak ada perkataan "immoral".

Tuan Lim Kit Siang: "Kongres yang tidak arah". Tidak arah - immoral.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan Mesyuarat 36.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat, Yang Berhormat.

Dato' K. Pathmanaban: Peraturan Mesyuarat 36. Yang Berhormat dari Kota Melaka ini sebut-sebut MIC, tak kena-mengena dengan Sabah; tidak ada MIC di Sabah.

Tuan Lim Kit Siang: Apa peraturan itu (*Ketawa*). Tak ada peraturan, tarik balik!

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Apa peraturan itu?

Dato' K. Pathmanaban: 36 (6).

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan telah membangkitkan Peraturan Mesyuarat 36. Telah menjadi keputusan saya bahawa kebangkitan Peraturan Mesyuarat kali ini dan ketika ini tidak kena-mengena dengan ucapan Yang Berhormat Ahli dari Kota Melaka.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Sungguhpun dalam ucapan saya, saya tak mahu sentuh MIC oleh kerana bukan penting, tetapi apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri berdiri, saya tengok cap MIC sana - immoral congress, tak mahu berdiri, saya tak tengok MIC, berdiri tengok "immoral congress".

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya teruskan ucapan saya tanpa lagi halangan daripada "congress immoral" atau lain-lain.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat. Yang Berhormat, sila duduk!

Dato' K. Pathmanaban: Ini peraturan "relevance" yang saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua. Beliau ini sudah mula lagi sebut MIC pula dalam Dewan ini. Saya berdiri di sini sebagai Ahli Parlimen. Cap saya yang lain itu tidak kena-mengena.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 36 telah sekali lagi dibangkitkan. Memandangkan kita sekarang dalam peringkat membahaskan usul mengenai Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang mana Titah Ucapan ini

meletak ataupun menghuraikan garis-garis dasar perjalanan pemerintahan negara ini dan oleh sebab itu yang menjadi isi Titah Ucapan Baginda setiap perkara yang berlaku dalam negara ini, lebih-lebih lagi sekiranya disebut mana-mana nama dan pendirian parti-parti politik adalah "relevant" dan sah disebut dalam ucapan membahaskan masalah di depan kita. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu teruskan ucapan. Tadi saya ada kata bahawa nampaknya apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ingin ialah untuk melihat semua suratkhbar di Malaysia dijadikan Warta Kerajaan (Government Gazette). Ini membawa kepada persoalan paling asas iaitu sama ada Kerajaan mempunyai keazaman dan vision, dengan izin, untuk pertumbuhan idea-idea demokratik Parlimen, termasuk suasana dan tradisi-tradisinya, walaupun ia menyebabkan kesusahan, kebingungan atau rintangan-rintangan kepada parti pemerintah. Ataupun, adakah Kerajaan menyamakan kepentingan parti pemerintah dengan kepentingan Kerajaan, sehingga kritik-kritik partai pemerintah dianggap sebagai musuh Kerajaan dan negara.

Adalah amat mengganggu untuk memperhatikan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri nampaknya sering menyuarakan pandangan ini. Saya tidak mengetahui sama ada ini disebabkan oleh dengan pre-pilihanraya yang mula melanda negara ini, tetapi walau apa pun sebabnya, ia adalah sikap seorang Perdana Menteri yang paling tidak wajar atau, dengan izin, most unworthy. Dua hari lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membidas parti-parti Pembangkang sebagai anti nasional, tidak komited terhadap perpaduan negara, dan tidak

keberatan untuk mengutarakan isu perkauman. Dua minggu yang lepas, beliau berkata bahawa negara kita memerlukan sebuah Pembangkang yang sihat dan bahawa DAP bukanlah satu Pembangkang yang sihat.

Saya ingin membetulkan rekod. Negara Malaysia memang memerlukan suatu Kerajaan yang sihat, tetapi Kerajaan Barisan Nasional ialah suatu Kerajaan yang tidak sihat [*Tepuk*], dan itulah sebabnya mengapa 3 tahun selepas kemenangan pilihanraya besar umum Barisan Nasional yang begitu gemilang, selepas janji MCA akan suatu political break through, dengan izin, untuk masyarakat Cina, dan selepas slogan Gerakan “menyerbu masuk ke dalam Barisan Nasional untuk memperbetulkan Barisan Nasional”, rakyat serta negara menghadapi lebih banyak masalah-masalah yang begitu sukar untuk dikawal seperti masalah polarisasi kaum yang semakin genting, polarisasi agama, kemiskinan yang berterusan jurang di antara orang-orang miskin dan orang-orang kaya yang semakin meluas, rasuah yang menjadi-jadi dan ancaman-ancaman baru-baru ini terhadap hak-hak asasi rakyat.

Parti DAP sedang disalahkan kerana isu-isu Bukit China, Papan dan pengimportan limau-limau Mandarin kononnya isu-isu tersebut telah menjadi isu-isu perkauman.

Jika siapa-siapa yang patut memikul tanggungjawab kerana membenarkan isu Bukit China memburukkan polarisasi perkauman, beliau adalah tidak lain tidak bukan Ketua Menteri Melaka, Datuk Abdul Rahim Thamby Chik yang nampaknya telah lupa akan hakikat bahawa sebagai Ketua Menteri Melaka beliau bukan sahaja menjadi pemimpin UMNO tetapi juga pemimpin semua kumpulan kaum agama dan kebudayaan di negeri tersebut.

Saya boleh bercakap panjang lebar untuk menerangkan kedudukan saya dan parti saya tetapi oleh kerana suatu penyelesaian terhadap isu Bukit China mungkin akan tercapai, saya tidak akan berbuat demikian supaya isu ini tidak akan timbul semula. Apa yang dianjurkan oleh pihak DAP di sepanjang kontroversi Bukit China adalah untuk mendapatkan Kerajaan Negeri Melaka memahami hakikat bahawa penghormatan terhadap pelbagai sensitiviti kebudayaan dan agama di dalam sebuah negara pelbagai sensitiviti kebudayaan dan agama di dalam sebuah negara pelbagai kaum seperti Malaysia adalah syarat mutlak bagi pembinaan negara yang berjaya. Akan tetapi sekiranya DAP dipersalahkan dengan tidak munasabah, kerana memburukkan keadaan polarisasi perkauman melalui isu Bukit China, kami mempunyai hak membantah tuduhan-tuduhan ini untuk membetulkan rekod.

Kedua-dua isu tapak pembuangan sisa-sisa radioaktif Papan dan limau Mandarin adalah contoh-contoh klasik mengenai sebuah Kerajaan yang kini sudah terlalu insensitive terhadap perasaan-perasaan serta aspirasi-aspirasi rakyat. Kerajaan tidak patut mencari alasan-alasan bagi kesilapan-kesilapan ini. Sama ada rakyat Papan adalah Cina, Melayu atau India, hak mereka untuk membantah pembuangan sisa-sisa radioaktif dekat kawasan pendiaman mereka mesti dihormati.

Adalah jelas bahawa Kerajaan tidak rela menerima kesilapan-kesilapannya dalam kejadian limau-limau Mandarin. Di sini, saya mendesak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi penerangan mengapa pemimpin-pemimpin Kerajaan telah memberikan 2 versi berlainan berhubung dengan perkara isu limau Mandarin, kedua-dua versi ini diberi, satu sebelum dan satu selepas Perayaan Tahun Baru Cina.

Sebelumnya, semasa Timbalan Menteri untuk Kementerian Kewangan dan nampaknya sudah menjadi Timbalan Menteri Limau-limau Mandarin begitu sibuk ialah oleh kerana ada dua orang Timbalan Menteri, Yang Berhormat Dato' Dr Tan Tiong Hong supaya tidak silap, begitu sibuk mendorong rakyat Cina menuruti adat-adat Cina dengan menjual serta membeli limau-limau Mandarin, rakyat telah diberitahu bahawa keputusan asal untuk memberi monopoly atau virtual monopoly pengimportan limau ini kepada Syarikat Satria Utara Sdn Bhd merupakan suatu penyelewengan yang dilakukan oleh pegawai-pegawai Kementerian Perdagangan dan PERNAS. Akan tetapi selepas Tahun Baru Cina, rakyat telah mendapati Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak berkata apa-apa pun mengenai penyelewengan ini, tetapi beliau menyalahkan rakyat Malaysia keturunan Cina kerana bersikap chauvinis dalam memulaukan limau-limau Mandarin.

Permulauan ini tidak patut disalah-tafsirkan atau diputar-belitkan. Ia tidak ditujukan kepada mana-mana kaum, malah kita boleh mengatakan bahawa rakyat Malaysia keturunan Cina tidak bersikap chauvinistic kerana mereka tidak memakan limau-limau Mandarin dari negara China, tetapi limau-limau yang diimport dan dibeli dari negeri Thai, Pakistan ataupun dari Cameron Highlands dan sunkists dari negara-negara lain ada dibeli. Kalau mahu dari satu segi, tunjuk, rela memisahkan pertalian dari negeri China tidak chauvinistic. Sebab itu pemulauan secara spontan yang tidak dirancangkan ini mesti dilihat sebagai pertama, suatu bantahan terhadap sikap angkuh beberapa pegawai-pegawai serta pemimpin-pemimpin Kerajaan dalam mengabaikan hak-hak dan sensitiviti-sensitiviti rakyat. Kedua, ia patut dilihat sebagai suatu bantahan

terhadap proses penghakisan hak-hak politik, ekonomi, pendidikan, kebudayaan dan agama rakyat yang berterusan dalam masa khasnya 3 tahun yang lepas. Ia adalah suatu bantahan bukan untuk mengasingkan rakyat Malaysia keturunan Cina atau orang-orang bukan Melayu daripada body-politic Malaysia, tetapi seruan yang disuarakan akibat frustrasi mendalam kerana gagal mendapat perhatian Kerajaan bahawa mereka patut benar-benar diintegrasikan ke dalam aliran nasional aspirasi-aspirasi dan hak-hak rakyat.

Atau dengan kata-kata lain, boikot limau-limau Mandarin bukan merupakan suatu manifestasi sikap chauvinistic rakyat Malaysia keturunan Cina kerana ingin menjadi orang Cina dahulu dan akhirnya tetapi menunjukkan gambaran frustrasi bahawa mereka tidak dilayani sebagai rakyat Malaysia yang sama.

Yang Berhormat Menteri Pertanian telah menyatakan di Singapura pada hujung minggu lepas bahawa pegawai-pegawai yang bertanggungjawab kerana kesilapan limau-limau Mandarin telah mempelajari pelajaran mereka. Kini, rakyat ingin mengetahui apa pelajaran yang dipelajari dan sama ada tindakan disiplin telah diambil terhadap mereka yang terlibat.

Mengapakah sejak awal-awal lagi Kementerian Perdagangan dan PERNAS memberikan suatu monopoli seolah-olah atau virtual monopoly dalam perdagangan limau-limau mandarin, kepada sebuah syarikat yang masih belum diperbadankan serta tidak mempunyai kewangan atau pengalaman dalam perdagangan ini? Mengapakah pengimport-pengimport serta pemborong-pemborong tradisional dinafikan kesempatan

mengimportnya, menurut keperluan-keperluan baru berhubung dengan perdagangan secara langsung dengan negeri China?

Skandal limau-limau mandarin mempunyai aspek yang gelap serta kurang bersih atau kotor, yang bukan sahaja melibatkan perhitungan-perhitungan yang salah atau bad judgement dengan izin, tetapi mungkin juga rasuah serta penyalahgunaan kuasa. Saya mendesak Badan Pencegah Rasuah menjalankan suatu siasatan yang mendalam ke kes ini.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa pihak DAP adalah "Committed" kepada perpaduan nasional seperti juga saya harap parti-parti Barisan Nasional. Parti DAP telah senantiasa menyuarakan dengan lantangnya berbagai isu kerana kita sering menyaksikan pengabaianya oleh Kerajaan Barisan Nasional, atau pemijakan hak-hak politik, ekonomi, pendidikan, kebudayaan dan agama rakyat Malaysia yang sah, yang boleh melemahkan dan memperlambatkan perpaduan nasional di negara ini.

Jika kami tidak menyimpan harapan mencapai perpaduan nasional dan kenegaraan Malaysia, pemimpin-pemimpin DAP boleh membiarkan faktor-faktor serta kuasa-kuasa divisif ini merebak sehingga mengancam asas negara Malaysia yang berbagai kaum itu. Pemimpin-pemimpin DAP sedang menghadapi risiko, kedatangan kemarahan Kerajaan atas diri sendiri, dan menanggung akibat kepercayaan-kepercayaan mereka, kerana kami inginkan sebuah negara Malaysia yang kekal bagi cucu cicit kami, tanpa mengira kaum. Inilah sebabnya mengapa kami akan terus bersuara.

Keadaan perkauman di Malaysia tidak boleh diredakan oleh politik perkauman yang diamalkan oleh Barisan Nasional. Pada akhirnya

UMNO, MCA dan MIC tidak boleh menafikan bahawa politik mereka adalah politik perkauman. Ini mungkin menghasilkan political points, dengan izin, tetapi tidak akan menyumbang ke arah menyelesaikan masalah-masalah sekiranya pemimpin-pemimpin Barisan Nasional tidak menghiraukan kesan-kesan anti-nasional dan negatif hasil politik perkauman mereka ke atas perhubungan kaum dan menyalahkan pihak lain pula.

Saya telah menyatakan beberapa kali bahawa DAP adalah sebuah pergerakan patriotik nasionalis Malaysia yang mana komitmennya terhadap kebaikan, kesejahteraan dan kepentingan Malaysia adalah total, seluruh. Janganlah sesiapa meragui komitmen kita terhadap Malaysia, kesetiaan kepada negara.

Saya telah berulang kali menyatakan bahawa sebenarnya kitalah sebuah gerakan nasionalis Malaysia dan sebab itu janganlah sesiapa mempersoalkan komitmen kami kepada Malaysia, kesetiaan kami kepada negara dan aspirasi kami terhadap perpaduan negara kerana ini akan membuatkan kami pula mempersoalkan komitmen si peragu pula terhadap Malaysia, kesetiannya kepada negara serta aspirasi-aspirasi untuk perpaduan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong di dalam Titah Baginda telah menyatakan bahawa negara memerlukan generasi muda yang bersatu-padu, berilmu pengetahuan, berdisiplin dan bermoral tinggi serta sanggup memberi sumbangan ke arah perpaduan dan pembangunan negara.

Kita tidak boleh mendirikan suatu generasi muda yang bermoral tinggi (virtuous) selagi pimpinan sekarang tidak menunjukkan contoh-contoh politik moraliti yang boleh diteladani.

Jika pemimpin politik menganggap ahli-ahli politik sebagai bahan komoditi yang boleh dijual beli, bergantung kepada harganya yang tepat, kita sebenarnya mengajar generasi muda prinsip-prinsip serta moraliti yang tidak berguna.

Untuk menjamin moraliti politik dan suasana di mana sikap generasi muda bermoral tinggi yang dinyatakan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini dapat diasuh, saya merayu kepada Kerajaan memperkenalkan undang-undang yang memerlukan Ahli-ahli Parlimen serta Ahli Dewan Undangan Negeri mengosongkan kerusi-kerusi mereka apabila mereka meletakkan jawatan atau berpaling tadah daripada parti atas tiket mana mereka dipilih. Undang-undang seumpama itu telah diluluskan dalam Parlimen India baru-baru ini. Sekiranya Kerajaan Malaysia benar-benar jujur dalam memupuk moraliti yang lebih dalam kehidupan kebangsaan Malaysia, maka ia tidaklah boleh menentang undang-undang seumpama ini melainkan parti-partai Barisan Nasional mahu mempunyai kebebasan untuk mencuba mempengaruhi dan menggoda Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri pembangkang dengan daya-daya penarikan berbentuk kewangan, kebendaan atau lain-lain, termasuk ugutan dan bentuk-bentuk peras ugut yang halus.

Sungguhpun Kerajaan 2M telah memulakan pentadbirannya dengan cogan kata, Bersih, Cekap dan Amanah, Kerajaan telah hilang kredibiliti rakyat berhubung dengan kesungguhannya dalam kempennya terhadap rasuah.

Adalah menjadi tanggapan ramai bahawa rasuah dalam kehidupan awam atau public life telah menjadi jadi di mana penangkapan dan

pendakwaan ikan-ikan bilis yang dilakukan oleh BPR adalah lebih untuk tujuan publisiti dan bukan sebagai sebahagian daripada kempen serius untuk menghapuskan rasuah.

Penangkapan dan pendakwaan orang-orang yang berasuah di tempat-tempat atasan nampaknya dibuat dengan tujuan memperolehi kelebihan atau advantage politik yang maksima bagi Kerajaan. Sekiranya inilah hakikatnya, maka saya tidak berasa hairan sekiranya menjelang pilihanraya umum, pihak BPR akan dibenarkan menangkap, mendakwa seorang atau dua personaliti politik untuk menunjukkan bahawa orang-orang yang berasuah di tempat-tempat atasan tidak boleh mengharapkan immuniti di bawah Kerajaan 2M.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu isu yang telah menyebabkan masalah sosio-ekonomi dan juga masalah undang-undang dan ketenteraman awam di Malaysia - iaitu kehadiran pendatang-pendatang haram Indonesia di Malaysia, pelarian-pelarian Filipino di Sabah, dan kini saya difahamkan terdapat kira-kira 20,000 pendatang haram muslim Burma, kebanyakannya di Terengganu dan saya harap Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri atau Yang Berhormat Menteri Buruh boleh memberi satu penjelasan kenapa lebih kurang 20,000 orang pendatang haram muslim daripada Burma untuk dua, tiga tahun dibenarkan dalam tanahair kita.

Masalah pendatang-pendatang haram Indonesia pelarian-pelarian Filipino dan pendatang-pendatang haram muslim Burma adalah berlaku kerana Kerajaan memejamkan matanya terhadap kemasukan mereka. Kehadiran pendatang-pendatang haram Indonesia khususnya adalah amat mengganggu kerana mereka terlibat dalam kegiatan-kegiatan

jenayah termasuk melakukan pembunuhan, samun dengan senjata dan rogol.

Rakyat Malaysia berhak menuntut supaya Kerajaan mengambil pendirian yang tegas untuk menghantarkan balik pendatang-pendatang haram Indonesia daripada Malaysia dan bukan, main, dengan izin, "cat-and-mouse game" dengan pendatang-pendatang haram Indonesia dan juga dengan rakyat kita sendiri. Pendatang-pendatang haram Indonesia yang ditangkap untuk dihantar balik ke Indonesia didapati pulang ke Malaysia dalam beberapa hari sahaja - iaitu pun sekiranya mereka benar-benar meninggalkan Malaysia.

Sekiranya Kerajaan memperkenalkan satu undang-undang untuk menjadikan satu kesalahan yang boleh dihukum dengan penalti yang berat bagi mana-mana rakyat Malaysia yang didapati membawa masuk, memberi pekerjaan atau tempat menginap kepada pendatang-pendatang haram Indonesia, maka rakyat kita tidak akan dilanda dengan kegiatan-kegiatan jenayah pendatang-pendatang haram Indonesia yang mana kegiatan-kegiatan mereka telah merebak ke utara sehingga ke Pulau Pinang.

Adalah amat tidak adil bagi Kerajaan Malaysia untuk tidak menghiraukan masalah dan kesengsaraan yang dialami oleh kira-kira 300,000 pemegang kad pengenalan merah yang selain daripada taraf kewarganegaraan mereka, adalah rakyat dalam ertikata sebenarnya sedangkan pendatang-pendatang haram Indonesia diberikan kebebasan yang hampir-hampir penuh di dalam negara ini.

Saya masih menghadapi kes-kes di mana permohonan-permohonan untuk mendapatkan kewarganegaraan yang dibuat sejauh tahun 1970, 1971

dan 1972 masih menunggu untuk mendapatkan keputusan muktamad mengenai permohonan mereka.

Bolehkah Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri memberi apa-apa sebab yang boleh diterima mengapa permohonan-permohonan untuk mendapatkan kewarganegaraan mengambil masa sebanyak 10-12 tahun untuk diproseskan?

Saya berharap Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri boleh memberitahu Dewan ini jumlah permohonan kewarganegaraan yang masih belum diuruskan untuk lebih lima tahun dan sama ada beliau akan mengarahkan supaya semua permohonan-permohonan seumpama ini diproseskan dalam tempoh tiga bulan sejajar dengan motto bersih, cekap dan amanah Kerajaan? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Telok Kemang. Silakan Yang Berhormat. Saya rasa macam saya kelihatan Yang Berhormat bangun untuk menjawab apa-apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan K. Pathmanaban: Tidak!

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda.

5.32 *ptg.*

Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda): Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil bahagian dalam perbahasan ini untuk merakamkan penghargaan, tahniah dan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah pun memberi Titah Ucapan di dalam Dewan ini.

Pada hari ini kita telah pun mendengar sesuatu, dengan izin, "big joke" di mana DAP telah mengakui

bahawa mereka adalah sebuah parti patriotik nasionalis. Saya ubah tajuknya, DAP adalah sebuah parti chauvinist, pelampau di dalam negara kita ini, kita akan ulaskan sedikit sebanyak pandangan apa yang telah disuarakan oleh Ketua Pembangkang dari DAP dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semalam kita telah pun mendengar satu ucapan yang padat yang mencukupi segala bidang yang boleh kita lihat dan perbaiki di dalam semua aspek, dalam usaha untuk memperbaiki keadaan kegiatan-kegiatan ataupun pentadbiran Kerajaan.

Pertama sekali saya hendak menyebutkan tentang proses untuk memperkemaskan pentadbiran badan-badan dan agensi-agensi Kerajaan—DAP sudah lari, dia tak sanggup hendak dengar. Jadi di dalam Dewan yang mulia ini telah pun banyak diperbahaskan, telah pun banyak pendapat-pendapat dan pandangan-pandangan bagaimanakah Kerajaan berusaha dan akan berusaha untuk memperbaiki kegiatan-kegiatan pentadbiran agensi-agensi Kerajaan. Saya sekali lagi di Dewan yang mulia ini menyeru Kerajaan supaya memperbaiki, menambah dan meningkatkan usaha-usaha bagi memperbaiki urusan pentadbiran semua agensi-agensi Kerajaan terutamanya agensi-agensi Kerajaan yang mempunyai hubungan langsung dengan masyarakat umum, dengan masyarakat petani dan masyarakat nelayan di kampung-kampung ini melibatkan banyak agensi-agensi Kerajaan di negara ini.

Tentulah atau pastilah agensi-agensi itu kalau saya hendak sebut, sentuh satu persatu banyak dan masalah satu persatu pun mungkin banyak tetapi hal ini perlu diulang-ulang, disebut, kerana beberapa kelemahan yang

berlaku, insiden-insiden yang menyebabkan rasa tidak puas hati sebilangan besar ahli-ahli masyarakat yang menjejaskan imej Kerajaan. Sepatutnya tidak berlaku perkara-perkara ini.

Pertama sekali saya ingin memberi contoh dalam Dewan yang mulia ini ialah mengenai kegiatan-kegiatan MARDI sebagai sebuah agensi Kerajaan yang ditugaskan, yang diwajibkan untuk menjalankan penyelidikan ke atas semua hasil-hasil pertanian, kecuali getah dan kelapa sawit, kalau boleh keutamaannya ialah padi sebagai sumber hasil pendapatan negara yang menampung kehidupan sebahagian besar daripada rakyat dalam negara ini. Tugas ini kalau boleh saya sebutkan telah diabaikan begitu sahaja, MARDI tidak langsung menunjukkan satu kemajuan yang boleh dibanggakan.

Saya amat dukacita dengan kejadian yang berlaku disebabkan oleh padi IR 42 yang dibawa daripada IRRRI. Leos Barnos, Filipina. Mengikut kajian daripada IRRRI sendiri bahawa jenis padi IR 42 ini adalah satu jenis mata padi yang baik, satu jenis mata padi yang boleh dipergunakan di sana. Apabila diterima daripada IRRRI padi jenis ini pada tahun 1976, padi ini telah diselidik, dikaji oleh pihak MARDI dikeluarkan kepada petani-petani. Kalau pihak Kementerian tidak sedar, kalau pihak MARDI tidak sedar, IR 42 dikeluarkan kepada Jabatan Pertanian Negeri Kedah dalam tahun 1981 sebanyak 25 kg. Selepas itu pada 1982 telah diberikan kepada MADA sebanyak 600 kg. Permohonan untuk padi jenis ini telah bertambah kepada 32 tan dalam tahun 1983. Ini menunjukkan bahawa satu perkembangan yang baik untuk padi jenis ini. Apa yang diharapkan oleh petani-petani ialah padi yang dapat menguntungkan mereka, padi yang ditanam akan mendatangkan hasil

yang lebih tinggi, itu soal petani. Soal Kerajaan adalah untuk memperbaiki padi ini, memperbaiki kualiti berasnya. Saya hairan MARDI yang mempunyai beberapa bahagian di dalamnya yang besar, Bahagian Agronomi, Bahagian Botani dan Bahagian Pathologi, tiga bahagian yang utama yang saya sebutkan. Setiap mata padi yang dikacukkan atau dikahwinkan kemudian akan diperolehi satu benih baru, maka Bahagian Agronomi akan membuat kajian tanamannya. Selepas selesai Kajian Bahagian Agronomi diserahkan kepada Bahagian Botani untuk dikembang-biakkan padi itu, kemudian itu diuji ditahanannya oleh Bahagian Pathologi. Selepas itu barulah dikeluarkan kepada para petani. Ini bermakna, adalah kelalaian Kerajaan, kelalaian agensi Kerajaan dalam usaha untuk memperbaiki Kajiannya dari tahun 1974 - 1984, 10 tahun Tuan Yang di-Pertua. Apa yang mereka buat, apa yang MARDI buat untuk memperbaiki keadaan padi ini? Yang salahnya hanya satu, beras IR 42 yang dikeluarkan adalah beras patah 40% - 45%. Itu sahaja masalahnya. Soal pokoknya, soal ketahanannya, soal hasilnya adalah amat memuaskan dan amat disukai oleh para petani. Lepas itu akibat daripada kelalaian Kerajaan ini, Kerajaan juga yang rugi, apabila Kerajaan terpaksa membayar kurangan potongan yang dibuat oleh LPN, Kerajaan juga yang menanggung kerugian atas kelalaian Kerajaan sendiri.

Apa guna kita mengeluarkan peruntukan wang yang banyak, berpuluh ribu ringgit untuk menghantar pegawai-pegawai kita untuk berkursus sehingga ke peringkat Ph. D yang begitu ramai di dalam MARDI sehingga kini? Apa yang mereka buat? Apakah sumbangan yang mereka buat terhadap perkara ini? Tiap-tiap padi yang dikeluarkan dijemur, dikisar di dalam MARDI itu sendiri. Saya pernah bekerja dengan

MARDI selama tiga tahun. Padi dikisar di MARDI, hendak diketahui sifatnya, untuk menetapkan sifat-sifatnya, apakah perkara yang baik, apakah perkara yang tidak baik sebelum dikeluarkan.

Di dalam keadaan tergesa-gesa, terdesak mungkin MARDI telah mengeluarkan padi jenis IR 42 ini. Lepas itu buka tangan, tidak berani untuk menerima tanggungjawab bahawa masalah ini dikeluarkan oleh pihak MARDI, dikeluarkan oleh sebuah agensi Kerajaan melalui badan pengembangan, Jabatan Pertanian.

Suatu kenyataan, bukan perkara main-main, sebab soal petani yang ramai ini adalah suatu kumpulan yang boleh kita sebut sebagai silent majority, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, yang boleh menggugat kedudukan negara, jangan main. Ini soal negara. Sebab itulah badan MARDI ini mestilah dipulihkan imejnya. Saya sedar beberapa jenis mata padi telah diumumkan oleh Kerajaan, tetapi Kerajaan juga perlu tahu bahawa hasil pertanian dari padi yang ditanam itu akan hanya kekal kepada tingkat yang sempurna setelah lima atau enam musim. Kemudian itu padi ini sudah menurun. Saya tidak tahu sebabnya. Sebab saya bukan ahli agronomis, saya bukan ahli pertanian. Tetapi saya tahu sebab bapa saya sebagai seorang petani, saya mengalami semua perkara ini. Inilah perkara yang tidak sepatutnya berlaku. Kerajaan pun menggalakkan, telah mengeluarkan kenyataan menggalakkan penanaman padi jenis baru MR 71, MR 74. Padi-padi jenis ini mempunyai masalah-masalah yang tersendiri pada peringkat penanaman di kawasan MADA Negeri Kedah misalnya.

Padi jenis ini walaupun hasilnya tidak setanding dengan padi IR 42, kualitinya lebih baik, lebih panjang

tetapi batangnya halus, kecil tidak tahan di dalam sawah-sawah yang terlalu banyak air, dia akan berbalik, rebah. Bila rebah, padi itu akan rosak apabila ia terendam di air. Kerajaan menggalakkan juga walaupun telah tahu sifatnya, padi yang tidak boleh ditanam, padi yang tidak sesuai ditanam. Saya hendak menyebutkan lagi, MARDI ini mempunyai satu bahagian yang mengkaji kesesuaian tanah di seluruh negara kita ini. Tiap-tiap negeri di Malaysia ini, saya pasti akan terdapat sebuah pusat penyelidikan, stesen Penyelidikan MARDI dengan harapan bahawa mereka (MARDI) akan menjalankan tugas untuk mengkaji kesesuaian tanah bagi jenis padi-padi yang tertentu. Tetapi apakah hasil yang diperolehi daripada perkara ini. Apakah hasil yang telah diperolehi oleh pihak MARDI untuk menentukan bahawa jenis padi yang tertentu bahawa IR 42 ini hanya boleh ditanam di kawasan-kawasan tertentu. MR 71 ini boleh ditanam di tempat yang lain, pada jenis tanah yang lain. Inilah nasihat yang dikehendaki daripada Kerajaan untuk petani-petani.

Petani kita masukkan di dalam golongan orang yang rendah pemikirannya. Jadi, usaha Kerajaan untuk membaiki perkara ini, untuk membantu para petani mestilah mempunyai jalan-jalan dan cara-cara yang tertentu. Selepas itu apabila padi IR 42 ini tidak dibeli oleh pekilang-pekilang swasta maka berduyun-duyunlah lori-lori di hadapan Kompleks-kompleks LPN untuk membeli padi atas arahan Kerajaan, LPN terpaksa membeli. Tiga puluh peratus daripada padi yang dibeli oleh semua Kompleks LPN akan rosak. Ini dinyatakan sendiri oleh salah seorang Pengurus Kompleks LPN dalam satu mesyuarat di Negeri Kedah. Tiga puluh peratus, bermakna satu kerugian yang amat besar kepada Kerajaan, hasil daripada kelalaian

Kerajaan yang saya sebutkan tadi, hasil daripada tidak tegasnya badan Kerajaan, agensi Kerajaan untuk mengkaji, membaiki urusan pengeluaran padi, 30% hasil pengeluaran rosak. Satu hari kompleks membeli padi LPN di Bukit Raya membeli 100,000 guni, bermakna kata satu hari 30,000 guni akan rosak begitu sahaja. 30,000 guni rosak disebabkan oleh ketidakupayaan kompleks-kompleks pengering ini untuk mengering padi. Ini pula akan melibatkan soal perancangan Kerajaan, perancangan agensi-agensi Kerajaan, perancangan masa depan sudah tidak teratur, sudah tidak dirancang dengan betul. Dalam kawasan MADA misalnya terdapat berpuluh-puluh ribu ekar sawah padi, sudah pastilah pengeluarannya pada tiap-tiap tahun telah diketahui dengan tepat. Dengan itu agensi Kerajaan dalam usaha membeli padi ini mestilah merancang untuk membina kompleks-kompleks pembelian dan pengeringan padi ini supaya ia dapat untuk mencakup kesemua hasil pengeluaran padi pada suatu ketika dengan andaian bahawa tidak ada pembeli swasta yang akan membelikan, dengan andaian.

Apabila terjadinya kes seperti ini maka kita pun telah lihat bahawa kenyataan itu telah wujud, telah timbul, telah berlaku pada perkara-perkara yang seperti ini. Inilah perkara yang saya pandang suatu perkara yang amat tidak sesuai, yang amat tidak baik.

Pada persidangan yang lalu saya telah menyebutkan sedikit-sebanyak soal LPN ini dan terima kasihlah kepada pihak Kementerian yang telah pun mengadakan sedikit-sebanyak perubahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah habis berkenaan dengan MARDI?

Tuan Othman bin Abdul: Sudah habis, ini masuk tajuk lain.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya berterima kasih di atas teguran Yang Berhormat sebab saya salah seorang ahli Lembaga Pengelola MARDI. Sila teruskan Yang Berhormat.

Tuan Othman bin Abdul: Saya tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya tahu, mungkin saya tidak bercakap (*Ketawa*).

Sekarang ini kita masuk soal sedikit mengenai pentadbiran badan-badan berkanun Kerajaan pada peringkat negeri dan juga pada peringkat Kerajaan Pusat. Apa yang saya lihat hasil daripada perubahan pucuk pimpinan LPN, Ketua Pengarah LPN telah tidak dapat ditempatkan di mana-mana tempat. Pokoknya, sebabnya ialah Ketua Pengarah itu telah dilantik sendiri oleh LPN dengan memberi kedudukan yang begitu tinggi. Ini satu contoh yang dengan tepat, jelas kita boleh lihat. Kalau sekiranya terdapat lagi agensi-agensi Kerajaan, badan-badan berkanun Kerajaan pada peringkat Persekutuan dan peringkat Negeri yang mempunyai pegawai-pegawai yang seperti ini, maksud saya pegawai yang diambil terus oleh badan ini. Bermakna kata Ketua Pengarahnya ataupun Pengurus Besarnya yang dilantik terus oleh agensi tersebut. Bermakna mereka tidak dapat ditukar ke mana-mana jabatan. Apabila timbul masalah dan perkara yang tidak diingini ataupun prestasinya sebagai misalan telah menurun, apa yang Kerajaan boleh buat kepada mereka?

Oleh itu saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan supaya jawatan-jawatan tertinggi, Ketua-ketua Jabatan pada agensi-agensi Kerajaan dan badan-badan berkanun ataupun Pengurus-pengurus Besar SEDC dipilih daripada pegawai-pegawai PTD misalnya, yang boleh ditukar; jika sekiranya prestasi mereka itu telah menurun ataupun mereka telah menjalankan kerja mereka dengan

tidak baik, maka mereka boleh ditukar ke jabatan yang lain. Kalau sekiranya dalam bentuk keadaan sekarang ini saya lihat semua keadaan berlaku; apabila prestasinya telah menurun, pegawai itu masih juga kekal di situ dan ia tidak dapat ditukar ke mana-mana. Maka kekallah ia di situ sehinggalah suatu keadaan berlaku.

Saya tidak tahu di mana kedudukan Ketua Pengarah LPN sekarang ini, tetapi saya dengar apa yang telah diberitakan bahawa mereka tidak bekerja dan dua pegawai yang lain ditempatkan di kantin di Kementerian tanpa ada telefon, satu meja kecil; duduklah mereka di situ. Mungkin ini sebagai satu hukuman kalau tidak pun sebagai balasan daripada perkara-perkara yang telah mereka lakukan. Perlantikan-perlantikan yang tidak sesuai yang dibuat mungkin akan menjejaskan imej Kerajaan, mungkin akan menjejaskan perjalanan dasar Kerajaan. Kerajaan berkehendakkan bahawa penyertaan bumiputra ke tingkat 30% tidak akan tercapai ataupun pemindahan teknologi tidak akan berlaku jika sekiranya tidak ada ketegasan daripada pegawai-pegawai yang tidak amanah ini. Ini berlaku, Tuan Yang di-Pertua.

Saya diberitahu bahawa satu orang telah dilantik menjadi Penolong Pengurus Projek KOBENA Sambu yang menjalankan Projek UTM di Johor, seorang yang masih memegang paspot British telah menjalankan kegiatan yang bertentangan dengan dasar Kerajaan. Langsung tidak mengindahkan soal penyertaan 30% bumiputra dalam syarikat yang dia menjadi orang yang bertanggungjawab di dalamnya. Langsung tidak memberikan kesempatan kepada pekerja-pekerja untuk menimba hasil pengalaman ataupun disebutkan sebagai transfer of technology, dengan izin. Kalau hendak beri, soal hendak bancuh

simen, hendak paku kayu, hendak ikat besi, saya pun boleh buat. Untuk menjadi pemandu, saya pun boleh jadi pemandu.

Tetapi perkara-perkara yang perlu yang lebih tinggi teknikalnya itulah perkara yang perlu kita beri pengajaran kepada orang-orang, ahli-ahli masyarakat kita di sini. Inilah perkara yang perlu dipertimbangkan. Tetapi apa yang berlaku di tempat di mana Syarikat Kobena/Sambu ini bekerja seorang Assistant Project Manager yang bertindak bertentangan dengan dasar Kerajaan. Saya berharap supaya Kerajaan akan mengambil tindakan bagi memerhatikan perkara ini.

Di samping itu Duli Yang Maha Mulia juga telah menyebutkan asal kesederhanaan, sifat kesederhanaan, inilah tempatnya. Apabila kita lihat sifat kesederhanaan kalau bagi orang Islam ini dia mempercayai sifat yang baik tetapi ahli-ahli DAP sudah tidak ada dalam Dewan ini yang mengakui bahawa merekalah sebagai patriotik nasionalis, tetapi sebenarnya mereka ini adalah kumpulan chauvinist—pelampau di dalam masyarakat yang rata-ratanya akan menimbulkan suasana yang tidak baik di dalam negara kita ini. Perkara-perkara tidak baik di dalam tiap-tiap kali persidangan di dalam Dewan ini dikeluarkan oleh DAP, DAP akan mencadangkan satu suruhanjaya atau dua suruhanjaya. Suruhanjaya yang dicadangkan pada hari ini ialah untuk mengkaji kebaikan perjalanan demokrasi negara kita. Kalau DAP memerintah mungkin telah ada beratus Suruhanjaya Diraja yang telah ditubuhkan.

Saya begitu hairan tindakan-tindakan yang tidak perlu disebutkan, soal limau Mandarin disebutkan di dalam Dewan yang mulia ini sebagai satu fakta untuk menimbulkan kegelisahan di kalangan masyarakat Cina untuk membenci masyarakat

Melayu. Kalaulah orang-orang Melayu mempersoalkan apa yang telah berlaku 10 tahun dahulu sebelum daripada perayaan tahun baru Cina pada tahun 1985 ini, kalau orang Melayu mempersoalkan hari, apa akan dijawab. Tetapi di atas sifat dan sikap kesederhanaan orang Melayu tidak langsung menimbulkan soal-soal yang boleh menyakitkan hati dan perasaan kaum lain di dalam negara kita ini, ini yang orang Melayu buat. Tetapi apabila satu syarikat Melayu diberi keutamaan untuk mengimport limau-limau Mandarin ini maka timbullah satu keadaan yang tidak baik, usul untuk tidak membeli—memboikot limau Mandarin itu. Itu satu syarikat bumiputera menjalankan tugasnya.

Kita tidak pernah mempersoalkan syarikat-syarikat lain sebelum daripadanya ataupun dalam perniagaan-perniagaan yang lain yang dilakukan di negara ini, kita tidak pernah sebutkan. Kita orang Melayu tidak pernah menyebutkan soal itu, tetapi mengapa mereka menyebutkan, mengapa mereka menimbulkan soal perasaan ini, rasa tidak puas hati. Inilah saya rasa sedih hati, sedih sebagai orang Melayu. Keadaan yang tidak sempurna, pemikiran yang tidak waras, cuba hendak menimbulkan perbalahan di dalam masyarakat. Perkara yang tidak seharusnya berlaku dan Kerajaan haruslah bertindak dan menjelaskan kepada masyarakat bahawa keputusan Kerajaan ini adalah keputusan yang betul dan tepat untuk sekurang-kurangnya pencapaian hasrat Kerajaan untuk menambahkan 30% dalam perdagangan, baru melangkah setapak kita telah disekat, orang Melayu—bumiputera telah disekat. Beginilah keadaannya.

Bila kita sebutkan perkara ini banyak-banyak, bila kita sebut panjang-panjang kita yang tidak baik, tetapi perkara ini berlaku. Kalaulah keadaannya begini, orang-orang DAP

akan mengapi-ngapi semangat orang-orang Cina untuk tidak membeli barang keluaran orang Melayu, orang Melayu pula tidak akan membeli keluaran apa yang dibuat oleh orang Cina di negara kita ini, apa yang akan jadi? Apa yang akan berlaku kepada negara kita ini? Ini DAP bercakap soal perpaduan nasional, apabila disebut soal polarisasi dengan hebat menghentam Kerajaan tetapi apabila ada orang yang menyebut soal asimilasi DAP membantah dengan kuat, tidak perlu proses asimilasi ini, tidak boleh dilakukan kerana keadaan kaum tidak membenarkan. Inilah percanggahan pendapat yang berlaku di dalam seseorang ahli Pembangkang, di dalam diri satu orang, satu keadaan, satu suasana tetapi ada dua pendapat yang berbeza, soal polarisasi dan soal asimilasi. Apabila disebut soal ini, Pembangkang satu sokong, jadi yang mana kita hendak pakai, yang mana Kerajaan hendak pakai, yang mana Kerajaan hendak timbang.

Ahli Yang Berhormat DAP dari Kota Melaka ada juga menyebutkan soal demokrasi, soal hendak menetapkan perayaan Jubli Perak Parlimen, mengapa tidak diserahkan kepada Parlimen? Mengapa Kerajaan yang lakukan? Apa yang boleh dibuat oleh DAP selain daripada pandangan-pandangan, selepas itu Kerajaan juga yang akan melaksanakan, cuma dia tahu pandai bercakap. Bila dia bercakap apakah implikasi sebalik pendapatnya itu tidak perlu disebutkan, tidak perlu dipertimbangkan, tidak perlu mendapat perkiraan langsung. Tidak terfikirkan mereka itu, Ahli-ahli DAP. Ahli-ahli DAP tidak langsung memikir apakah implikasinya, apakah yang boleh dibuat atau tidak. Saya mengharapkan di dalam Dewan yang mulia ini mungkinlah salah seorang ahli DAP akan menyatakan rasa terima kasih dan penghargaan kepada Kerajaan hasil daripada tindakan

Kerajaan sehingga membawa kepada satu jalan yang hampir selesai dalam isu BMF, tidak juga, tetapi masih lagi menyebutkan soal-soal yang tidak baik, soal-soal yang tidak perlu disebut di dalam Dewan yang mulia ini.

Sepatutnya bagi seorang yang telah waras yang telah lama di dalam Dewan yang mulia ini apabila satu kes yang kita bangkitkan dalam Dewan ini dan mendapat perhatian dan jalan penyelesaian oleh pihak Kerajaan, kita memberi tahniah dan terima kasih. Apa salahnya jika sekiranya kita memberikan rasa penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan dalam soal itu. DAP sebutkan, satu Kerajaan tidak sihat, Kerajaan yang tidak sempurna dan Kerajaan yang tidak jujur dan dikaitkan dengan sifat-sifat Kemimpinan Melalui Teladan dan penerapan nilai-nilai Islam. Kita pun bukan tidak tahu malahan kita juga mempunyai pandangan-pandangan yang baik dan sempurna kalau jika sekiranya keadaan dan sifat melampau DAP ini tidak dibawa ke mana-mana. Ini pun kalau hendak disebut sebagai satu keadaan kepura-puraan apabila di dalam Dewan ini pada hari ini menyebutkan soal kebaikan, soal Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tetapi beliau lupa, Ahli Yang Berhormat DAP dari Kota Melaka ini lupa, apakah cakap-cakap, hujah-hujahnya semasa kita membentangkan satu usul untuk menggantung Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, tidak perlu saya sebutkan, hujahnya itu telah tercatat.

Kita tahu bahawa mereka ini memanglah pandai berpura-pura. Jadi soal inilah, soal menghasut perkara-perkara yang ditimbulkan dalam masyarakat, rasa tidak puas hati di kalangan masyarakat akan sentiasa timbul jika sekiranya ada pemimpin-pemimpin politik seperti DAP ini yang

hanya memandang penting soal kepentingan politik mereka daripada soal kepentingan negara. Tidak pernah kita dengar mereka memberi terima kasih dan penghargaan kepada Kerajaan yang telah berjaya sehingga ini mengekalkan perpaduan masyarakat, perpaduan di antara kaum, tidak pernah kita dengar, tidak pernah kita tahu di Dewan yang mulia ini bahawa ada salah seorang ahli DAP yang bangun menyatakan rasa terima kasih kepada Kerajaan kerana berjaya mengekalkan perpaduan masyarakat, tidak ada pertelagahan kaum.

Tuan Yang di-Pertua, Saya akan masuk sedikit tentang penerapan nilai-nilai Islam, sedikit dalam perkara ini iaitu mengenai persembahan-persembahan oleh RTM, dan apa yang saya lihat beberapa perkara yang lain telah pun berjaya dilakukan. Tetapi perkara RTM ini telah pun menjadi satu perbualan ahli masyarakat yang ramai meminta supaya program itu diubah, program RTM itu diubah, iaitu selepas Azan Magrib tidak perlulah dimasukkan dengan program-program yang tidak sesuai dengan pandangan Islam, selepas Azan Magrib sehingga waktu Berita. Saya telah sebutkan dahulu bahawa terdapat permainan gitar rancak, penyanyi-penyanyi walaupun menyanyi itu sekarang ini lebih menunjukkan moral yang berbeza tetapi ianya tidak sesuai dengan nilai-nilai Islam. Dan keadaan masa yang elok di antara selepas Magrib sehingga waktu Berita itu kalau dibiarkan program agama kerana pada waktu ini boleh dikatakan ramai orang-orang Islam berada di rumah bagi menunaikan fardu Maghrib dan selepas itu berehat untuk makan malam.

Jadi saya hendak menyeru RTM supaya dapat mengubah program ini. Walaupun masih banyak perkara

RTM in yang hendak disebutkan tetapi biarlah perkara ini satu yang saya sebutkan.

Seterusnya saya hendak menyebutkan mengenai Kempen Membeli Barang-barang Buatan Malaysia, satu kempen yang berfaedah kepada masyarakat, satu kempen yang akan memberi kesan yang baik terhadap ekonomi negara tetapi adakah Kerajaan membuat kajian-kajian yang mendalam mengenai perbezaan harga di antara barang buatan tempatan dengan barang yang diimport daripada luar negeri, sekurang-kurangnya sama harganya, kalau tidak mungkin lebih rendah.

Ini saya hendak menunjukkan satu contoh yang jelas yang dapat saya berikan. Marmar Langkawi yang dijual di negara ini dengan harga \$11.50 bagi satu kaki persegi yang telah dipolished, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, tetapi kos marmar yang diimport dari Italy hanya \$9.50. Ini perkara yang boleh dilihat, petang ini pun boleh tengok, kalau tidak sempat pagi esok cari kedai yang menjual marmar ini, tanya perbezaan harganya. Keluaran yang dikeluarkan oleh H.R. Johnson, tiles lebih mahal daripada harga tiles yang dibawa daripada luar negeri. Perkara ini perlu dipertimbangkan oleh Kerajaan apakah sebab-sebab mahal harganya. Kalau kita membuat kempen untuk rakyat membeli barang-barang buatan Malaysia sedangkan harganya tidak berpatutan, rakyat tidak mampu untuk membelinya, sudah pastilah kempen ini akan gagal, kempen ini tidak akan berjaya. Ini hasrat saya untuk melihat barang-barang buatan Malaysia yang tentu kualitinya adalah sama dengan barang-barang buatan luar negeri tetapi harganya tidak sama, harganya berbeza, lebih tinggi daripada barang-barang buatan luar negeri. Ini satu perkara sahaja yang saya lihat ada masalahnya. Kalau

boleh, mungkin Kerajaan boleh mengkaji cukai-cukai langsung, cukai tidak langsung ataupun sebarang cukai yang boleh menambahkan kos pengeluaran yang boleh menyebabkan kenaikan harga barang-barang tempatan ini.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan soal isu mengenai Kampuchea. Isu Kampuchea ini sebagai satu isu yang begitu hangat diperbahaskan sekarang. Askar-askar Vietnam telah pun menyerang sehingga ke sempadan negeri Thai. Kerajaan melalui ASEAN ataupun melalui PBB perlulah memberi pandangan yang berkesan ataupun mencadangkan tindakan-tindakan yang perlu untuk Vietnam memberhentikan offensive mereka.

Baru-baru ini kita telah mendengar satu kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Timbalan Menteri Luar Russia, Mikhail Kapitsa, beliau menyatakan, apabila negara-negara ASEAN meminta supaya Russia memberhentikan bantuan kepada Vietnam, Mikhail Kapitsa telah berkata itu adalah satu permintaan yang keterlaluan. Jika sekiranya negara-negara Blok Barat boleh memberi bantuan kepada negara-negara jirannya, sahabat-sahabatnya mengapa Russia tidak boleh memberi bantuan kepada negara-negara jirannya. Ini satu kenyataan oleh Menteri Luar Russia, Mikhail Kapitsa.

Apa yang perlu diingatkan, negara Russia ini pun perlu diperingatkan bahawa bentuk bantuan yang diberikan adalah berupa bantuan-bantuan pembangunan, bantuan-bantuan dan usaha untuk mempertahankan diri, bukan bantuan untuk merampas hak asasi manusia yang lain, bukan bantuan untuk memulakan peperangan, bukan bantuan untuk memulakan kekejaman.

Kita perlu mengingatkan, Kerajaan perlu mengingatkan melalui Kedutaan Malaysia misalnya, bahawa bantuan itu tidak perlu, bantuan atau sikap kekerasan seperti kemasukan tentera-tentera Soviet di Afghanistan, bantuan seperti itu tidak perlu. Yang perlu ialah bantuan-bantuan sama ada bantuan ekonomi untuk pembangunan, bantuan untuk membangunkan keadaan sosial masyarakat sebuah negara jiran yang mundur misalnya, bantuan untuk mempertahankan diri kalau mungkin diserang. Itu bentuk bantuan yang dikehendaki. Mikhail Kapitsa ini pun seorang yang saya rasa perlu diperingatkan bahawa kenyataan itu bukanlah satu kenyataan sebagai seorang yang bijak malahan kenyataan itu adalah kenyataan yang tidak perlu didengar oleh seluruh rakyat di dunia ini, mengancam nyawa manusia, mengancam kedaulatan negara, mengancam keselamatan seluruh rakyat dunia. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Matang.

6.05 ptg.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid (Matang): Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi peluang kepada saya untuk berucap serta membahaskan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di hari perasmian Pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Keenam pada 25hb Mac, 1985.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih yang tidak terhingga serta mengucapkan syabas di atas ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu. Walaupun ucapan Baginda itu dalam masa yang pendek tetapi isi

ucapan serta hujah-hujah Baginda itu amat padat serta memberi erti kepada keseluruhan rakyat jelata yang taat setia serta tidak berbelah-bahagi kepada Baginda Yang di-Pertuan Agong dan juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang bijak bistari serta kepada Kerajaan Barisan Nasional yang telah memegang teraju ataupun tampuk Kerajaan dari mula kita merdeka sehingga ke hari ini dan moga-moga sehingga di hari-hari akan datang sehingga ke akhir zaman, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan Baginda itu ada menyentuh beberapa perkara yang mana kita sebagai sebuah Kerajaan dan juga rakyat yang bertanggungjawab terhadap negara ini hendaklah benar-benar menghayati dari ucapan Baginda Yang di-Pertuan Agong itu. Misalnya mengenai Parlimen yang mana Parlimen adalah lambang kekuatan demokrasi negara ini dan selama 25 tahun sistem demokrasi berparlimen telah dapat memenuhi kehendak-kehendak serta hasrat rakyat untuk mencapai kemajuan di dalam semua bidang pembangunan sama ada pembangunan rohani dan juga jasmani.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita fahami, bermaksud supaya Parlimen sebagai lambang negara dan agar orang-orang yang tidak bertanggungjawab terhadap negara ini janganlah sekali-kali cuba mempermainkan peranan-peranan yang kotor bagi tujuan untuk memecah-belahkan perpaduan kaum dan juga masyarakat.

Di sini saya berani menyatakan masih ada segolongan manusia yang terdiri daripada parti-parti politik yang tidak bertanggungjawab dengan menggunakan isu-isu agama dan juga isu-isu perkauman. Adakah mereka ini sedar atau tidak sedar apa yang telah berlaku, peristiwa-peristiwa yang

tidak diingini berlaku di negara ini sejak daripada zaman selepas Perang Dunia Kedua iaitu daripada zaman sebelum merdeka, peristiwa pemerintahan Bintang Tiga yang memerintah selama lebih kurang 15 hari iaitu di antara tahun 1945 dan 1946 dan peristiwa-peristiwa hartal di Pulau Pinang pada tahun 1965, peristiwa 13 Mei 1969 dan lain peristiwa yang berlaku yang menjejaskan negara, rakyat dan ekonomi negara ini. Inilah yang patut kita sedari sebagai seorang ahli politik untuk mengambil perhatian yang serius dan dengan pandangan yang jauh agar peristiwa-peristiwa ini tidak berlaku lagi di masa kini dan di masa-masa depan demi untuk kestabilan politik, ekonomi, sosial, kebudayaan, keagamaan dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kita hendaklah banyak-banyak bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. di atas limpah KurniaNya kepada kita semua dan juga negara kerana dengan kestabilan politik, ekonomi, sosial dan lain lagi dapat kita hidup dengan sempurna. Lihatlah bagaimana kejadian berlaku di setengah-setengah negara yang mana berlaku macam-macam peristiwa seperti kekurangan makanan di sebabkan bencana alam, disebabkan peperangan sesama saudara mara dan bermacam-macam lagi peristiwa yang tidak diingini dan marilah kita berdoa kepada Allah s.w.t. semoga perkara-perkara yang tidak diingini itu tidak berlaku di negara ini.

Juga kita berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana kadar pertumbuhan ekonomi negara ini dijangka lebih kurang 6% bagi tahun 1985 ini. Ini adalah lebih tinggi daripada setengah-setengah negara yang sedang membangun di atas muka bumi ini. Oleh itu marilah kita bersama-sama berdoa dan berusaha dengan lebih gigih lagi agar pertumbuhan ekonomi negara akan meningkat dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai belia-belia dan beliawanis-beliawanis serta pelajar-pelajar, mereka ini adalah sebagai bakal pemimpin kepada generasi akan datang. Oleh itu saya menyeru kepada pihak Kerajaan agar mereka ini diberi perhatian yang serius serta galakan yang benar-benar memberi faedah kepada mereka agar mereka ini tidak terjerumus ke lembah penghinaan seperti terlibat dalam kegiatan-kegiatan dadah, menghasut, pelacuran dan lain-lain lagi.

Bagi belia-belia di dalam bandar dan juga di luar-luar bandar, ramai di antara mereka ini yang ada kelulusan di bidang-bidang pelajaran, ada yang berkelulusan SPM/MCE, LCE/SRP, bahkan ada juga di antara mereka yang berkelulusan STPM tetapi mereka ini tidak mempunyai satu pekerjaan yang tetap dan ramai pula yang menganggur. Oleh itu saya ingin menyarankan kepada Kerajaan khususnya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan agar mengambil perhatian yang serius terhadap mereka ini. Kerajaan patutlah memperbanyakkan industri-industri kecil di luar-luar bandar melalui Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Ini bertujuan untuk diberi peluang pekerjaan kepada belia-belia dan beliawanis-beliawanis ini yang mempunyai kelulusan di dalam bidang-bidang pelajaran yang tertentu dan juga dapat mengurangkan pengangguran dan juga dapat melatih belia-belia di luar-luar bandar dalam kemahiran-kemahiran tertentu.

Selain dari itu saya juga menyeru kepada Kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan supaya mengadakan lebih banyak kompleks sukan dan juga mini stadium di luar-luar bandar. Ini bertujuan untuk memperbanyakkan ahli-ahli sukan dari luar-luar bandar kerana di luar-luar bandar pun begitu ramai sekali bakat sukan yang

terpendam yang tidak ditonjolkan, memandangkan tidak ada kemudahan-kemudahan asas kepada penduduk-penduduk luar bandar dan juga ini dapat mengelak daripada gejala-gejala yang tidak sihat. Oleh itu saya sekali lagi menyeru kepada Kementerian-kementerian supaya mengambil perhatian di luar-luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kita patut, yang pertama mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada pasukan keselamatan terutama kepada polis dan juga angkatan tentera yang mana mereka inilah yang mempertahankan negara ini daripada ancaman-ancaman musuh sama ada dari luar negeri ataupun dari dalam. Kadang-kadang kita tidak mengambil perhatian sangat dalam masalah ini. Oleh itu kita patut memberi sumbangan yang agak lebih. Juga dalam masalah pertahanan ini, kita harus sedar bahawa dalam keadaan sekarang ini, yang mana kita semua tahu bahawa Vietnam adalah sebuah negara yang kuat yang mana di belakangnya ada sebuah negara yang memberi sokongan sama ada moral atau material iaitu tidak lain dan tidak bukan ialah Soviet Union. Dari situ Vietnam pun berani mengancam negara-negara tertentu misalnya Kampuchea dan sekarang ini pula sehingga ke perbatasan Thailand. Ini kemungkinan, Vietnam ini kalau kita baca dari segi sejarahnya Vietnam pada satu ketika telah ditakluki oleh negara China sehingga beratus-ratus tahun Vietnam ditakluki, kemudian datang pula daripada satu golongan lain iaitu golongan penjajah daripada barat iaitu daripada Perancis. Perancis pula memerintah berpuluh-puluh tahun sehingga pada tahun 1954, pihak Perancis telah mendapat kekalahan yang teruk.

Memandangkan daripada peperangan, apabila kebangkitan semangat rakyat Vietnam menentang

penjajahan, jadi pada tahun 1954 pihak Perancis telah menerima kekalahan di Dien Bien Phu yang mana akhir-akhirnya datang pula dengan satu bantuan lain pula iaitu daripada pihak Amerika Syarikat, sehingga akhir-akhirnya pula Amerika Syarikat sendiri tidak dapat mempertahankan kemerdekaan Vietnam ini iaitu Vietnam Selatan ketika itu. Dari sini kita sedar taktik-taktik yang dimainkan oleh pihak komunis khasnya Vietnam dan China Komunis ketika itu dan juga dengan bantuan daripada pihak Soviet Union, maka pihak Amerika dapat menerima kekalahan yang begitu teruk sehingga terpaksa mereka berundur. Satu daripada caranya di dalam peperangan iaitu selain daripada menggunakan senjata, pihak komunis juga menggunakan di dalam peperangan ini, dengan menggunakan dadah. Dengan sebab itulah oleh kerana kegiatan dadah yang diresapi di pihak tentera Amerika yang begitu gagah dapat dikalahkan bukan dengan cara peperangan dengan senjata perang, tetapi ialah dengan dadah. Maka oleh sebab itulah pada hari ini Kerajaan kita mengambil berat dalam masalah dadah.

Dengan itu saya berharap agar Kerajaan kita di bawah Kementerian Dalam Negeri supaya mengambil inisiatif yang lebih agar dadah ini dapat dihapuskan walaupun dengan tidak keseluruhannya tetapi kalau kita berusaha dengan berkat kerjasama daripada keseluruhan sama ada daripada pihak pemerintah dan juga dari pihak parti Pembangkang tetapi pada hari ini kita tidak pernah dengar satu suara pun daripada pihak Pembangkang menyuarakan masalah dadah seolah-olahnya mereka ini menyokong pula. Bukan saya ertikan mengatakan mereka menyokong, tetapi seolah-olah, kerana mereka tidak pernah, tetapi pada hari ini tidak ada seorang pun daripada pihak

Pembangkang yang ada di sini. Tidak pernah saya dengar daripada pihak Pembangkang menyuarakan menyokong peranan Kerajaan supaya membenteras atau menghapuskan masalah dadah, cuma wakil dari Kuala Lumpur Bandar sahaja yang ada, yang mana wakil daripada Kuala Lumpur Bandar pula dipilih sebagai seorang ahli Jawatankuasa dalam masalah membenteras dadah ini. Tetapi apabila kita pilih pula wakil dari Kuala Lumpur Bandar, ada suara sumbang pula daripada pihak Pembangkang yang lain kerana mereka mengatakan bahawa tidak kena pada tempatnya memilih wakil dari Kuala Lumpur Bandar. Ini bukanlah saya hendak melaga-lagakan wakil Kuala Lumpur dengan wakil dari Kota Melaka yang mana saya dengar wakil dari Kota Melaka ini menyuarakan begitu nyaring sekali seolah-olah beliau seekor singa yang gagah perkasa tetapi kadang-kadang kami di pihak Backbenchers atau pihak Kerajaan bukan apa, kami sahaja hendak dengar, daripada situ dapat kami meneliti berapa ceteknya Ketua Pembangkang. Kerana dalam Ucapan Terima Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya lihat dan kita dengar sendiri daripada ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu tidak ada langsung yang disentuh. Cuma perkara-perkara remeh temeh yang dipersoalkan oleh pihak Ketua Pembangkang. Ini bukanlah Ketua Pembangkang yang berkelibar.

Kalau Ketua Pembangkang yang berkelibar tentulah dia mengeluarkan ataupun menyuarakan pendapat-pendapat yang baik, bukan untuk pembangkang sahaja bahkan untuk keseluruhan rakyat. Ini baru dinamakan Ketua Pembangkang yang berkelibar seperti Allahyarham Zulkifli Muhammad atau Tan Sri Dr Tan Chee Khoo, kedua-dua orang

pemimpin-pemimpin ini adalah pemimpin-pemimpin yang benar-benar berkelibar. Tetapi saya berharap dan berdoa biarlah dari Kuala Lumpur Bandar pula yang menjadi Ketua Pembangkang yang berkelibar, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya ingin mempersoalkan sedikit masalah pertanian yang mana Kerajaan dewasa ini sedang mengadakan satu dasar pertanian negara. Tetapi di sini apa yang kita lihat setakat ini mungkinlah oleh kerana keadaan kemelesetan ekonomi maka pada hari ini Kerajaan tidak dapat menjalankan dasar pertanian negara ini di segi keseluruhannya. Kerana misalnya banyak tanah-tanah terbiar dan juga sawah-sawah yang terbiar masih tidak diusahakan sama ada daripada pihak petani-petani itu sendiri ataupun galakan-galakan daripada pihak Kementerian. Jadi oleh itu, saya menyerulah kepada Kerajaan supaya kita mencari satu rumusan yang benar-benar memberi manfaat kepada petani-petani ini. Kerana petani-petani adalah sebagai satu daripada tulang belakang pencarian hidup di negara ini. Kerana boleh dikatakan 70% daripada penduduk-penduduk di luar bandar adalah terdiri daripada kaum petani dan juga masalah petani-petani misalnya dalam masalah-masalah sawah atau bendang yang terbiar ini ramai daripada petani-petani yang mana sawah-sawah mereka ini terbiar, mereka ini terpaksa berpindah ke tempat-tempat lain untuk mencari rezeki mereka. Dan dalam masalah ini kita tidak tahu kepada siapa untuk dipersalahkan dan dengan sebab itulah kita pada hari ini Kerajaan khasnya hendaklah berusaha dengan sesungguhnya-sungguhnya supaya perkara ini dapat diatasi. Kalau tidak, apa akan terjadi yang mana negara kita ini sebuah daripada negara pertanian di rantau ini.

Selain daripada itu masalah nelayan. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dalam masalah nelayan ini, saya rasa sedih sekali terutamanya kepada nelayan-nelayan pantai yang mana nelayan-nelayan pantai ini setiap hari kais pagi makan pagi, kais petang makan petang dan kais malam makan malam. Begitu juga ada setengah nelayan-nelayan yang bukan nelayan yang tinggal di darat pun ada juga kais pagi makan pagi, kais petang makan petang dan kais malam makan malam. Saya harap Tuan Yang di-Pertua faham maksud kais malam, makan malam. Ertinya, kais malam makan malam ini pada malam hari mereka pergi pecah rumah. Itu dinamakan kais malam hendak beri makan kepada anak isteri mereka kerana tidak ada kerja. Inilah kita harus sedar dalam masalah ini.

Masalah nelayan pantai. Saya mempersoalkan masalah nelayan pantai ini kerana begitu banyak sekali pukuk-pukuk sorong ataupun pukuk sodok kata orang di tempat saya yang maka pukuk-pukuk sodok ini adalah atau kegiatan-kegiatan haram.

Jadi di sini pukuk-pukuk sorong ini selalu mengganggu nelayan-nelayan imbar, ertinya nelayan-nelayan kecil yang menggunakan sampan yang kecil iaitu sampan yang satu orang sahaja boleh naik. Kalau pukuk sorong "redah lalu ke ayor" kata orang Perak; sampan itu akan tenggelam. Dan di kawasan saya sendiri yang mana iaitu kawasan Parlimen Matang yang mana ramai daripada nelayan-nelayan yang terdiri daripada nelayan-nelayan pantai yakni nelayan-nelayan ini pula terdiri daripada kaum bumiputera kita. Mereka ini yang menjadi mangsa.

Kalau pendapatan mereka di antara \$10 ke \$15 satu hari, dewasa ini mereka hendak mendapatkan \$5 satu

hari pun payah, Tuan Yang di-Pertua, kerana gangguan daripada nelayan-nelayan ataupun kegiatan-kegiatan nelayan pukat sorong ini.

Jadi, saya berharap kepada pihak Kementerian khasnya Kementerian Pertanian supaya dengan kerjasama daripada pihak Polis supaya mengambil tindakan segera terhadap kegiatan-kegiatan haram ini.

Begitu juga nelayan-nelayan yang menggunakan pukat-pukat tunda, pukat bot yang besar tetapi mereka ini bukannya pergi menangkap ikan di tengah laut mereka ini datang menangkap ikan di dalam kawasan sungai sehingga pupusnya anak-anak ikan.

Jadi dengan itu saya berharap kepada Kementerian sekali lagi supaya mengambil perhatian terhadap nelayan-nelayan yang begitu dhaif sekali. Kita di sini tidak rasa macam mana pahit maungnya masalah rakyat. Kalau kita pergi—saya rasa Wakil Rakyat di luar-luar bandar mereka faham sangat dalam masalah ini—kecuali Wakil-wakil Rakyat dalam bandar masalah setinggian pula. Tetapi walau bagaimanapun setinggian di dalam bandar ini pendapatan mereka di antara \$10 ke \$15 satu hari tetapi nelayan ataupun pencarian orang-orang di luar bandar terutamanya orang-orang kampung hendak menoreh getah, hendak memotong getah—kata orang Perak “menoreh”. Menoreh getah dalam keadaan sekarang harga getah begitu murah. Hendak dapat \$2 atau \$3 pun payah, Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita yang berpendapatan agak lumayan ini harus bersimpati. Kita sekarang bersimpati kepada rakyat di Afrika yang kebuluran, kita tidak mahu seperti kata pepatah Melayu mengatakan “Kera di hutan disusui, anak di buaian kelaparan”.

Jadi dengan sebab itu walau bagaimanapun kita sebagai masyarakat antarabangsa mestilah beri bantuan. Tetapi sambil kita beri bantuan itu kepada penduduk luar negeri yang susah, kepada penduduk dalam negeri pun tengok-tengoklah juga. Itu maksud saya. Jadi dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya bercakap setengah jam cukup-cukup.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Padang Rengas.

6.29 ptg.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas): Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah dan keizininannya maka dapat saya turut sama mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang dan Dewan akan bersidang semula jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.